

ANALISIS TERHADAP RESOLUSI SYARIAH DALAM
KEWANGAN ISLAM OLEH MAJLIS PENASIHAT
SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA
BERKAITAN KAD KREDIT

AISYAH NASYEETHAH BINTI AZHARI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2024

**ANALISIS TERHADAP RESOLUSI SYARIAH DALAM
KEWANGAN ISLAM OLEH MAJLIS PENASIHAT
SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA
BERKAITAN KAD KREDIT**

AISYAH NASYEETHAH BINTI AZHARI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN IJAZAH
SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2024

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Aisyah Nasyeethah Binti Azhari

No. Matrik: 17035428/1 | IGA160058

Nama Ijazah: Ijazah Sarjana Syariah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

Analisis Terhadap Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam oleh Majlis Penasihat Syariah Bank
Negara Malaysia Berkaitan Kad Kredit

Bidang Penyelidikan: Islamic Banking (310: Social and Behavioral Science)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 22/4/2024

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 22/4/2024

Nama:

Jawatan

**ANALISIS TERHADAP RESOLUSI SYARIAH DALAM KEWANGAN ISLAM
OLEH MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA
BERKAITAN KAD KREDIT**

ABSTRAK

Kad kredit ialah sekeping kad mewakili akaun pembiayaan pengguna dan digunakan sebagai metod pembayaran barang dan perkhidmatan serta membuat bayaran kemudian di bawah kontrak perjanjian. Di Malaysia, pada tahun 2023, terdapat lebih kurang 10.1 juta pengguna kad kredit. Oleh kerana kad kredit konvensional mengandungi ribā, institusi-insitusi kewangan Islam telah menghasilkan kad kredit Islam untuk menjadi alternatif kepada masyarakat Islam mengikut panduan dan kayu ukur dari Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS BNM). Hal ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana MPS membuat ijtihad dan keputusan untuk setiap isu yang berkaitan dengan kad kredit. Untuk menyelesaikan masalah ini, konsep berijtihad dalam kontrak syariah yang menghasilkan kad kredit perlu dikenalpasti. Kontrak-kontrak syariah yang menimbulkan isu dan kontroversi di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam MPS BNM juga perlu dibincangkan. Antara isu-isu yang terdapat di dalam resolusi ini adalah penggunaan *bay' al-ʿinah* dan *al-wadīʿah*, kontrak *ujrah*, penggunaan takaful di dalam kad kredit, isu pemberian tunai semula (*cashback*) dan kontrak *al-wakālah* dan *al-kafālāh* dalam kad kredit. Proses dan langkah-langkah MPS membuat ijtihad dan keputusan syariah juga perlu dianalisis dengan cara membuat kajian kepustakaan dan lapangan, khususnya temu ramah ahli MPS. Antara kaedah yang yang digunakan oleh ahli MPS adalah ijtihad kolektif dan *maqāṣid al-sharīʿah* dalam menetapkan keputusan. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-duanya merupakan komponen penting dalam proses terhasilnya kad kredit Islam.

Kata kunci: Kad kredit, Majlis Penasihat Syariah, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, *maqāṣid al-sharīʿah*

**ANALYSIS OF THE SHARIAH RESOLUTIONS IN ISLAMIC FINANCE BY
SHARIAH ADVISORY COUNCIL OF BANK NEGARA MALAYSIA
RELATED TO CREDIT CARDS**

ABSTRACT

A credit card is a piece of card that represents a user's payment account and is used as a method of paying for goods and services and making subsequent payments under contractual agreements. In Malaysia, in 2019 there were approximately 10.1m credit card users. Because conventional credit cards involved in usury, Islamic financial institutions have produced Islamic credit cards to be an alternative for the Muslim community according to the guidelines and benchmarks issued by Shariah Advisory Council Bank Negara Malaysia (SAC BNM). This raises the question of how SAC makes *ijtihād* and decisions for each issue related to credit cards. SAC is faced with the perspective that SAC uses the same contract with conventional banks to produce Islamic credit cards. To solve this problem, the concept of *ijtihād* in a shariah contract that produces credit cards needs to be identified. Shariah contracts that cause issues and controversies in Shariah Resolutions in Islamic Finance by SAC also need to be discussed. Among the issues contained in this resolution are the use of *bay' al-'īnah* and *al-wadī'ah*, *ujrah* contracts, the use of *takaful* in credit cards, the issue of cashback and *al-wakālah* and *al-kafālāh* contracts in credit cards. The process and steps of MPS making *ijtihād* and shariah decisions also need to be analysed by means of literature and field research, especially interviewing one of SAC members. Among the methods found to be used by SAC are collective *ijtihād* and *maqāṣid al-sharī'ah* in making decisions. This shows that both are important components in the process of creating an Islamic credit card.

Keywords: Credit cards, Shariah Advisory Council, Shariah Resolutions in Islamic Finance, *maqāṣid al-sharī'ah*, collective *ijtihād*

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah, Yang Maha pemurah dan pengasih, saya bersyukur diberi keupayaan untuk menghasilkan kajian ini oleh Allah. Tanpa pertolongan dariNya, tidak mungkin kajian ini dapat diselesaikan. Saya juga berterima kasih kepada penyelia, Dr Taquiuddin Mohamad, serta pensyarah-pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang banyak memberi ilmu dan tunjuk ajar. Selain itu, tidak dilupakan kedua ibu bapa saya, Azhari Mustapha dan Noormala Noordin yang selalu mendorong saya untuk melanjutkan pengajian sarjana ini. Saya juga amat berterima kasih kepada suami yang tercinta, Raden Muhammad Mu'az yang banyak menghabiskan masa, tenaga dan wang untuk menyokong saya dalam perjalanan ini. Tidak dilupakan juga, ahli MPS yang memberi kerjasama dan ruang masa untuk ditemubual dan banyak berkongsi maklumat dan memberi sokongan, Prof Dr Akram Laldin. Selain itu, saya juga berterima kasih dengan sahabat seperjuangan yang memberi sokongan secara langsung dan tidak langsung.

Sekian terima kasih.

Aisyah Nasyeethah Binti Azhari
17035428/1
Isyah1994@gmail.com

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI KEPENDEKAN	xii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	3
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	10
1.8 Kajian Lepas	10
1.8.1 Ijtihad dan pembuatan keputusan	11
1.8.2 MPS BNM dalam membuat keputusan Syariah	19
1.8.3 Kad Kredit Islam	21
1.9 Metodologi Kajian	22
1.9.1 Reka Bentuk Kajian	22
1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data	23
1.9.3 Metode Analisis Data	25

1.10	Kesimpulan.....	25
------	-----------------	----

BAB 2: KONSEP IJTIHAD DAN PERLAKSANAAN OLEH MAJLIS

PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

2.1	Pengenalan.....	26
2.1.1	Teori dan Konsep Ijtihad.....	26
2.1.2	Definisi Ijtihad.....	26
2.1.3	Sejarah Ijtihad Pada Zaman Rasulullah SAW.....	29
2.1.4	Sejarah Ijtihad Selepas Kewafatan Rasulullah SAW.....	30
2.1.5	Praktis Ijtihad Pada Masa Kini.....	33
2.2	Ijtihad, Jenis serta Syaratnya.....	34
2.2.1	Jenis-Jenis Ijtihad.....	34
2.2.2	Syarat-Syarat Ijtihad.....	35
2.3	Realiti Ijtihad Pada Peringkat Antarabangsa.....	36
2.4	Peranan MPS dalam Membuat Ijtihad dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam 38	
2.4.1	Latar Belakang MPS.....	38
2.4.2	Peranan Ahli MPS.....	42
2.5	Kesimpulan.....	44

BAB 3: KONSEP KAD KREDIT DAN AMALANNYA DALAM PERBANKAN

ISLAM

3.1	Pengenalan.....	46
3.2	Konsep Kad Kredit Konvensional.....	46
3.2.1	Pengertian Kad Kredit Konvensional.....	47
3.2.2	Sejarah Kad Kredit.....	50
3.2.3	Aplikasi dan Kepentingan Kad Kredit.....	52

3.3	Konsep Kad Kredit Islam	54
3.3.1	Pengertian Kad Kredit Islam	54
3.3.2	Aplikasi Kad Kredit Islam dalam Perbankan Islam	55
3.3.3	Hukum Kad Kredit Islam	56
3.3.4	Kontrak-Kontrak yang Digunakan untuk Menghasilkan Kad Kredit Islam dan hukumnya	58
3.3.4.1	Konsep <i>Bay' al-ṭinah</i> Dalam Kad Kredit Islam	59
3.3.4.2	Konsep <i>Bay' al-Tawarruq</i> dalam Kad Kredit Islam	62
3.3.4.3	Kontrak <i>Ujrah</i> Dalam Kad Kredit Islam	65
3.3.4.4	Kontrak <i>al-Wakālah</i> dan <i>al-Kafālah</i> Dalam Kad Kredit Islam	66
3.4	Isu Kad Kredit di Malaysia Berdasarkan Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam	69
3.4.1	Latar Belakang Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam	70
3.4.2	Isu Kad Kredit Islam Berasaskan Akad <i>Bay' Al-ṭinah</i> dan <i>Wadī'ah</i>	71
3.4.3	Isu Akad <i>Ujrah</i> dalam Kad Kredit Islam	79
3.4.4	Isu Perlindungan Takaful bagi Pemegang Kad Kredit Islam	83
3.4.5	Isu Rebat dalam Bentuk Pemberian Tunai (<i>cashback</i>) ke atas fi Tahunan Kad Kredit	88
3.4.6	Isu Kad Kredit yang Berasaskan <i>al-Wakālah</i> dan <i>al-Kafālah</i>	90
3.5	Kesimpulan	94

BAB 4: ANALISIS IJTIHAD DAN KAEDAH YANG DIGUNAKAN MAJLIS PENASIHAT SYARIAH DALAM MENETAPAN HUKUM KONTRAK- KONTRAK KAD KREDIT ISLAM

4.1	Pengenalan	95
4.2	Analisis Ijtihad yang Digunakan MPS Dalam Isu Kad Kredit	95

4.2.1	Analisis Sumber-Sumber dan Manhaj yang digunakan oleh MPS dalam Menetapkan Hukum dalam Kontrak-Kontrak Kad Kredit	96
4.2.2	Langkah-Langkah yang Diambil oleh MPS dalam Membuat Ijtihad Dalam Isu Kad Kredit.....	98
4.2.2.1	Mengenalpasti Isu	98
4.2.2.2	Perbincangan	100
4.2.2.3	Mengeluarkan Keputusan.....	101
4.3	Analisis Kedudukan <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> dan <i>Maṣlahah</i> Dalam Isu Kad Kredit Islam	104
4.3.1	Analisis Aplikasi Konsep <i>Maṣlahah</i> dan <i>Mafsadah</i> Dalam Kad Kredit Islam	105
4.3.2	Analisis Aplikasi <i>Maqāṣid al-sharī'ah</i> dalam Isu Kad Kredit	108
4.4	Pendekatan <i>Fiqh al-Muwāzanāt</i> dalam <i>Maqāṣid al-sharī'ah</i> dan <i>Maṣlahah</i>	112
4.4.1	<i>Fiqh al-Muwāzanāt</i> dalam Menentukan <i>Maṣlahah</i> atau <i>Mafsadah</i>	112
4.4.2	Carta Alir Analisis <i>Maṣlahah</i> dan <i>Maqāṣid al-Sharī'ah</i> dalam Kad Kredit Islam	115
4.5	Kesimpulan.....	118

BAB 5: RUMUSAN

5.1	Rumusan Kajian.....	119
5.2	Implikasi Dasar dan Cadangan Kajian	121
5.2.1	Kesan dan Saranan Terhadap Pengguna Kad Kredit Islam.....	121
5.2.2	Kesan dan Saranan Terhadap Institusi Kewangan Islam	122
5.2.3	Kesan dan Saranan Terhadap MPS BNM	123
5.3	Penutup	124

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1: Sistem Kad Kredit.....	53
Rajah 3.2: Struktur Bay' Al-ṭinah.....	61
Rajah 4.1 : Langkah-Langkah Membuat Ijtihad Dalam Isu Kad Kredit.....	98
Rajah 4.2: Carta Alir Pendekatan <i>Fiqh al-Muwāzanāt</i> dalam Kad Kredit Islam.....	115

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1: Jenis kontrak-kontrak dalam kad kredit Islam di Malaysia	59
Jadual 4.2: Proses 2	117

Universiti Malaya

SENARAI KEPENDEKAN

MPS	Majlis Penasihat Syariah
BNM	Bank Negara Malaysia
SS	Suruhanjaya Sekuriti
IKI	Institusi Kewangan Islam
AAOIFI	The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions
OIC	Organisation of Islamic Cooperation
BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
SAW	ṣallā llāhu ‘alayhi wa-sallam
SWT	Subhanallahu Wa Taala
RA	Raḍiya -llāhu ‘anhu
LPS	Lembaga Penasihat Syariah
SAC	Shariah Advisory Council
USA	United States of America
ICA	Interbank Card Association
ATM	Automatic Teller Machine
CDM	Cash Deposit Machine
EIB	Emirates Islamic Bank
DSN	Dewan Syariah Nasional
MUI	Majelis Ulama Indonesia
BSN	Bank Simpanan Nasional
KBI	Kad Bank Islam
AKPI	Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

PANDUAN TRANSLITERASI

KONSONAN

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا، ء	a, ’	ط	ṭ
ب	B	ظ	ẓ
ت	T	ع	‘
ث	Th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	Kh	ك	k
د	D	ل	l
ذ	Dh	م	m
ر	R	ن	n
ز	Z	و	w
س	S	ه	h
ش	Sh	ي	y
ص	ṣ	ة	h, t
ض	ḍ		

VOKAL

VOKAL PENDEK	VOKAL PANJANG
--------------	---------------

اَ	A	ا،ى	ā
اِ	I	ي	ī
اُ	U	و	ū

DIFTONG

اَو	Aw	اُو	uww
اَي	Ay	يِ	iy,ī

Sumber: Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Ed Ke-4. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2020.

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Majlis Penasihat Syariah (MPS) yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 1997 merupakan pihak berkuasa tertinggi dalam menentukan hukum syariah yang berkaitan dengan transaksi kewangan Islam. MPS diberi kuasa untuk menentukan hukum syariah bagi perniagaan perbankan Islam, takaful, perniagaan kewangan pembangunan Islam atau apa-apa perniagaan lain. BNM perlu merujuk MPS dalam dua perkara. Pertama, BNM perlu merujuk MPS dalam perkara yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam. Kedua, BNM perlu merujuk MPS dalam pelaksanaan fungsi, urusan atau hal ehwal BNM yang melibatkan kepatuhan kepada prinsip sebagaimana yang telah dikuatkuasakan oleh undang-undang. MPS dianggotai oleh cendekiawan syariah, pakar undang-undang dan pengamal pasaran yang terkemuka iaitu individu-individu yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perbankan, kewangan, ekonomi, undang-undang dan aplikasi syariah. Terdapat sembilan orang ahli MPS BNM pada ketika ini.¹

Pasca modenisasi ini, kewangan Islam mula berkembang pesat dalam institusi-institusi dan bank-bank Islam. Rentetan dari hal ini, MPS telah menghasilkan beberapa keputusan-keputusan syariah dalam kewangan Islam. Keputusan syariah yang dibuat MPS ini dikenali sebagai Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam. Resolusi pertama yang dikeluarkan oleh MPS adalah pada mesyuarat MPS yang pertama, iaitu pada 8hb Julai 1997. Resolusi-resolusi ini telah dikumpulkan dan dibukukan sejak tahun 2012.² Setakat 2017, MPS BNM telah mengumpulkan dan membukukan tiga edisi resolusi-

¹ Portal Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my>

² Mohd Azam (2013). Resolusi Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan Perspektif Undang-Undang, *Kanun Disember 2013, IIUM*

resolusi yang berkaitan dengan perbankan Islam.³ Penerbitan resolusi ini adalah berdasarkan ijtihad dan penentuan keputusan oleh ahli-ahli MPS. Pelbagai perbincangan dan kaedah serta metode yang telah digunakan oleh ahli-ahli MPS dalam menentukan sesuatu hukum. Kajian ini dilakukan untuk membincangkan metode yang telah digunakan oleh ahli MPS khususnya dalam isu kontemporari seperti isu kad kredit.

1.2 Latar Belakang Kajian

MPS ditubuhkan oleh BNM untuk menangani isu-isu syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam. Industri kewangan Islam (IKI) di Malaysia mempunyai kapasiti untuk mengekalkan kepimpinannya dalam kewangan Islam yang bersifat global, meskipun mempunyai persaingan daripada negara-negara lain seperti Bahrain dan Dubai.⁴ Menjejaki pembangunan IKI di Malaysia, boleh dikatakan bahawa Malaysia mengambil pendekatan holistik dalam pelaksanaan kewangan Islam, mendapat sumbangan daripada setiap pemain industri, termasuk BNM, badan penasihat bebas kerajaan, institusi-institusi kewangan, akauntan-akauntan, pengaudit dan pengamal perundangan dan pengguna.⁵

Penubuhan bank-bank Islam di dalam industri kewangan di Malaysia telah menyumbang kepada pengeluaran produk-produk baru, penubuhan pasaran modal Islam dan transaksi-transaksi yang berasaskan prinsip syariah. Oleh kerana itu, perlu ada satu perbadanan atau kumpulan-kumpulan yang memantau setiap aktiviti dan pengeluaran produk kewangan Islam agar tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Di sini terletak peranan para ulama' yang mahir dalam bidang *uṣūl fiqh* dan *fiqh muamalat* untuk menentukan hukum yang berkaitan dengan kewangan Islam. Oleh kerana hukum berkaitan dengan kewangan Islam ini adalah fenomena yang baru di dunia ini,

³ Portal Bank Negara, <http://bnm.gov.my>

⁴ Yong, Y. N. (2007). 'Malaysia: Way ahead in Islamic Finance', *The Edge Daily*

⁵ Ani Munirah, Mohd Zakhiri (2016). *The Development of Islamic Finance, CLJ Publication*

kewangan Islam memerlukan ijtihad dan pembuatan keputusan oleh pakar kewangan dan fiqh muamalat. Tadbir urus syariah telah digesa oleh kerajaan untuk ditubuhkan bagi penyelarasan dalam menetapkan hukum-hakam yang berkaitan dengan kewangan dan perbankan Islam.

Sepanjang penubuhan MPS, ahli-ahlinya telah banyak mengeluarkan resolusi-resolusi syariah berdasarkan isu-isu kewangan Islam yang muncul. Resolusi-resolusi syariah ini menjadi garis panduan untuk bank-bank dan institusi kewangan Islam di Malaysia untuk mengamalkan kontrak-kontrak kewangan Islam. Antara resolusi yang dikeluarkan ialah isu yang berkaitan dengan kad kredit. Sehingga hari ini, ada lima resolusi yang dikeluarkan oleh MPS yang berkaitan dengan kad kredit. Kajian ini akan memfokuskan tentang isu ijtihad yang berkaitan dengan kad kredit.

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam merupakan keputusan syariah yang telah dikeluarkan MPS BNM untuk menangani isu-isu berkaitan syariah dalam kewangan Islam. Resolusi pertama yang dikeluarkan oleh MPS adalah pada mesyuarat pertamanya pada tahun 8 Julai 1997. Sehingga Disember 2017, MPS telah mengeluarkan 240 resolusi syariah. MPS BNM telah menerbitkan dua jilid Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam secara berasingan. Jilid pertama mengandungi resolusi-resolusi dari tahun 1997 sehingga 2009. Jilid kedua telah memansuhkan jilid pertama dan Ringkasan Resolusi Majlis Penasihat Syariah untuk perbankan Islam dan takaful pada tahun 2010 hingga 2011. Sebanyak 135 Resolusi Syariah telah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah telah dikumpulkan dalam edisi pertama Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam iaitu pada tahun 1997-2009. Manakala, 14 resolusi telah dikumpulkan dan

ditambahkan dalam edisi kedua pada tahun 2010-2011.⁶ Resolusi Syariah Kewangan Islam Edisi ketiga telah dikeluarkan sebagai kesinambungan resolusi yang sedia ada dari edisi kedua. Edisi ketiga ini dihasilkan atas faktor cabaran inovasi yang terhasil daripada pendekatan teknologi kewangan (*fintech*) yang melibatkan perubahan terhadap struktur produk yang menjurus kepada penggabungan dan pengaturan pelbagai aplikasi kontrak syariah baharu. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam ini telah menjadi kayu ukur untuk BNM, institusi-institusi kewangan dan perbankan Islam dalam membuat keputusan-keputusan yang berkaitan dengan kewangan Islam.

Selain dari itu, mahkamah juga meletakkan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam sebagai garis panduan untuk menentukan keputusan-keputusan mahkamah dalam menyelesaikan kes. Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 bertujuan untuk memperkukuhkan kestabilan kewangan dan pematuhan syariah dan memperkukuhkan pengawalseliaan terhadap IKI. Menurut Akta ini di bawah seksyen 30, wajib ke atas IKI untuk:

1. Memastikan yang matlamat, operasi, perniagaan, hal ehwal dan aktivitiinya adalah patuh Syariah pada setiap masa.
2. IKI juga perlu mematuhi keputusan MPS. Ini merupakan faktor penentu “pematuhan syariah”.
3. Tanggungjawab melaporkan ketidakpatuhan syariah juga diwajibkan ke atas IKI.
4. Bank diberi kuasa untuk mengkaji pelan pembetulan bagi menangani ketidakpatuhan syariah.⁷

⁶ <http://www.bnm.gov.my>

⁷ Seksyen 30, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Setiap keputusan yang dibuat oleh MPS dianggap sebagai ijtihad kolektif dan bukan fatwa dalam konteks pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia. Hanya Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia boleh mengeluarkan fatwa bagi sesuatu perkara dan isu pada peringkat kebangsaan⁸. Walau bagaimanapun, mufti tidak boleh mengambil pendapat yang mudah sahaja atau terlalu cepat menghalalkan atau mengharamkan sesuatu perkara. Sebaliknya setiap hukum yang dikeluarkan mestilah berdasarkan prinsip-prinsip syariah. MPS telah mengamalkan dan menggunakan konsep *maqāṣid al-sharī'ah*. Konsep ini telah dipraktikkan oleh MPS dalam setiap keputusan-keputusan syariah yang telah dikeluarkan sejak awal penubuhannya. Setiap keputusan telah diteliti dan melalui perbincangan yang mendalam dan perundingan yang teliti seperti yang telah ditetapkan dalam rangka kerja tadbir urus syariah di Malaysia.⁹

Antara kaedah lain yang digunakan oleh MPS adalah ijtihad ulama' dan mazhab-mazhab terdahulu. Persoalan yang timbul adalah penggunaan kaedah ini membolehkan asbab fatwa yang dikeluarkan terdedah kepada penggunaan *talfiq*. *Talfiq* merupakan gabungan pendapat berbeza mazhab yang berbeza dalam permasalahan yang sama sehingga menghasilkan satu hukum baru yang tidak diiktiraf oleh mana-mana mazhab. Menurut Shamsiah Mohd, dalam membuat penilaian tentang kedudukan mazhab Shāfi'ī dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, agak sukar untuk mengenalpasti penggunaan mazhab Shāfi'ī kerana tidak dinyatakan di dalam resolusinya.¹⁰

⁸ Ibid

⁹ Mohamad Akram Laldin (Profesor, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

¹⁰ Mohamad, S., & Tuan Abdullah, A. (2007). Kedudukan Mazhab Shāfi'ī dalam Isu-isu Muamalat di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4, 223-236.

MPS telah menggunakan banyak konsep dan kaedah-kaedah *uṣūl fiqh* dalam penentuan hukum dan ijtihad mereka. Oleh kerana itu, satu kajian tentang kaedah-kaedah *uṣūl fiqh* dan penyelesaian hukum-hukum syariah ini perlu dilakukan untuk mengenalpasti kaedah-kaedah yang boleh menjurus kepada penyalahgunaan dalam proses menentukan hukum bagi pemasalahan kewangan Islam. Selain itu, para ulama juga perlu meneliti implikasi ekonomi suatu produk kepada masyarakat. Hal ini memerlukan kepada penggunaan konsep *maqāṣid al-sharī'ah*. Perlu untuk dititikberatkan bahawa produk kewangan Islam sepatutnya memudahkan orang ramai dan tidak membebankan mereka kerana harta merupakan salah satu kepentingan hidup manusia (*essential*). Sejurus itu, kewangan Islam hendaklah disemak semula dalam skala makro untuk memastikan bahawa ia memberi perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat.

Maṣlaḥah dan *maqāṣid al-sharī'ah* mempengaruhi kebanyakan keputusan yang dibuat oleh MPS dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam kerana dipercayai bahawa dalam mengembangkan kewangan Islam, perlu ada usaha dalam mengubah sistem perbankan dan kewangan dan sistem ekonomi secara keseluruhan untuk menuruti prinsip-prinsip dan objektifnya. Fokusnya bukan semata-mata untuk memastikan pematuhan undang-undang dan menyempitkan amalan perbankan dan kewangan dengan cara menapis elemen-elemen negatif dalam amalan kewangan konvensional, tetapi dengan pergerakan yang lebih substansif dalam menginspirasi sistem kewangan yang baik yang merangkumi nilai-nilai dan prinsip-prinsip Islam yang cuba diimplikasikan oleh *maqāṣid al-sharī'ah*.¹¹

Peranan ahli MPS dalam menghasilkan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam ini juga adalah usaha yang baik untuk mengembangkan dan mengukuhkan lagi garis

¹¹ Akhtar Aziz, Zeti (2005), "*Islāmic Banking and Finance Progress and Prospects Collected Speeches*": 2000 – 2005, Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia

panduan syariah untuk kegunaan dan rujukan BNM dan institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam di Malaysia ini. Ulama'-ulama' telah menggunakan banyak pendekatan dan kaedah-kaedah penyelesaian masalah-masalah syariah. Walau bagaimanapun, dalam kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Hafiz¹², beliau telah mengatakan bahawa satu kajian tentang sumber-sumber hukum yang digunakan oleh MPS perlu dilakukan bagi memastikan sumber-sumber ini bertepatan dengan kehendak syarak. Mana-mana pihak boleh mendakwa bahawa keputusan yang dikeluarkan adalah berdasarkan sumber-sumber hukum Syariah seperti al-Quran, Sunnah, *ijmā'*, *qiyās* dan sumber-sumber yang lain. Akan tetapi, adakah sumber-sumber ini digunakan secara tepat seperti yang dilakukan oleh ulama terdahulu dalam menentukan hukum? Atau adakah sumber-sumber ini digunakan tanpa mematuhi sepenuhnya langkah-langkah yang perlu diikuti sebelum penggunaan sumber itu diiktiraf dan diakui dalam disiplin ilmu *uṣūl fiqh*.

Menurut penulisan yang ditulis oleh Zakaria¹³, MPS telah dikritik kerana ketiadaan garis panduan yang diterbitkan atau peraturan tentang cara MPS beroperasi atau berkenaan dengan bagaimana ahlinya membuat keputusan. Hal ini dipersetujui oleh Amir yang mengkritik MPS telah menggunakan *maṣlaḥah* untuk mengambil jalan mudah dalam memutuskan keputusan syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam beliau juga mengatakan bahawa MPS kadangkala sangat tegar dengan hukum syariah klasik dan gagal melihat kesan produk dari perspektif yang lebih luas. Dalam keadaan tertentu, penasihat syariah menjadi sangat liberal dengan menghapuskan syarat-syarat yang terkandung dalam kontrak Islam dengan menggunakan *maṣlaḥah* sebagai alasan mereka.¹⁴

¹²Mohd Hafiz, J. (2016). Aplikasi Talfiq Dalam Resolusi Syariah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia/Mohd Hafiz Jamaludin (*Doctoral dissertation, University of Malaya*).

¹³ Zakaria, T. A. B. (2013). A Judicial Perspective on Islamic Financial Litigation in Malaysia. *IJUMIJ*, 21, 143. Pg 175

¹⁴ Shahrudin, A. (2010). *Maṣlaḥah-Mafṣadah Approach in Assessing the Shari'ah Compliance of Islamic Banking Products. International Journal of Business and Social Science*, 1(1). Pg 130

Kad kredit pula merupakan satu instrumen kewangan penting yang digunakan pada hari ini. Bukti permintaan yang mendadak untuk kad kredit boleh dilihat dari jumlah pembiayaan yang dikeluarkan oleh institusi-institusi perbankan Islam yang telah meningkat daripada RM 549 juta pada tahun 2006 kepada RM 1 888 juta pada tahun 2013.¹⁵ Pada tahun 2023, terdapat lebih kurang 10.1 juta pengguna kad kredit di Malaysia¹⁶. Kad kredit merupakan cara yang mudah dan selamat untuk membuat bayaran pembelian atas talian. Kad kredit juga sangat efisien ketika kecemasan. Jika kad kredit digunakan oleh pihak yang salah, pemegang kad tidak bertanggungjawab kerana bukan dia yang menggunakannya. Menerima bayaran melalui kad kredit juga mengurangkan risiko penipuan dan masalah ketika membuat bayaran serta menambah baik aliran tunai perniagaan kerana transaksi diproses secara elektronik dan diselesaikan dengan segera.

Walaupun, isu penggunaan kad kredit sering menjadi perbincangan dan perdebatan antara ulama' Syariah. Sesetengah ulama mengkritik struktur dan operasi penggunaan kad kredit Islam dan mengisytiharkannya sebagai tidak syarie dan satu helah untuk mengharuskan ribā. Kad kredit Islam juga dihasilkan melalui beberapa kontrak Syariah yang berbeza. Perlu kepada satu kaedah yang jelas dalam proses ijtihad dan pembuatan keputusan ahli MPS dalam resolusi-resolusi yang berkaitan dengan isu kad kredit di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam.

1.4 Persoalan Kajian

Melalui pernyataan masalah di atas, penulis dapat menyimpulkan masalah-masalah ini kepada tiga persoalan kajian.

¹⁵ Bank Negara Malaysia (2014)

¹⁶ Bank Negara Malaysia (2023). *Monthly Highlights and Statistics in May 2023*, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur

1. Bagaimana konsep berijtihad dan pembuatan keputusan dalam kewangan Islam digunakan untuk menghasilkan kad kredit Islam?
2. Apakah kontrak Syariah yang digunakan bagi pembentukan kad kredit Islam dalam Resolusi Syariah dalam kewangan Islam oleh MPS BNM?
3. Bagaimanakah MPS membuat ijtihad dan keputusan berkenaan dengan kad kredit di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam?

1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah dikemukakan di atas, penulis dapat mengeluarkan objektif-objektif untuk menjadi akar dalam kajian ini. Objektif-objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti konsep berijtihad dan pembuatan keputusan dalam kewangan Islam dan kontrak Syariah yang digunakan untuk menghasilkan kad kredit Islam.
2. Membincangkan kontrak Syariah yang digunakan dalam pembentukan kad kredit Islam dalam Resolusi Syariah dalam kewangan Islam oleh MPS BNM.
3. Menganalisis langkah-langkah MPS dalam melaksanakan ijtihad dan keputusan syariah berkenaan dengan kad kredit di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam.

1.6 Skop Kajian

Setiap kajian mempunyai limitasi dan skop yang perlu dititikberatkan dan diberi perhatian kerana kapasiti seorang manusia terbatas atas kemampuan tertentu. Dalam kajian ini, kajian dibataskan kepada hanya analisis dalam ijtihad berkenaan dengan isu kad kredit dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam oleh MPS BNM untuk membuat analisis terperinci khusus kepada ijtihad

1.7 Kepentingan Kajian

Ijtihad dan pembuatan keputusan syariah dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam oleh MPS adalah satu usaha yang baik dari pihak pakar-pakar ekonomi dalam menghasilkan satu garisan panduan syariah untuk rujukan penggunaan institusi-institusi perbankan dan kewangan Islam di Malaysia, serta mahkamah dalam menyelesaikan kes-kes yang berkaitan dengan kewangan Islam. Oleh itu ada beberapa kepentingan mengapa kajian ini harus dilakukan.

1. Menyediakan satu analisis tentang kaedah-kaedah penyelesaian syariah dan *uṣūl fiqh* yang digunakan untuk menetapkan hukum kad kredit dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam.
2. Membuktikan keberkesanan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam menentukan sesuatu hukum dan memecahkan stigma talfiq dalam penentuan hukum.
3. Memberi sumbangan dalam pengetahuan bagaimana MPS membuat keputusan syariah dan berijtihad dalam menyelesaikan masalah Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam.

1.8 Kajian Lepas

Dalam bahagian ini, penyelidik membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang telah dituliskan oleh penyelidik-penyelidik dan sarjana-sarjana lain yang boleh membantu dalam kajian ini. Bahagian ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu kajian-kajian lepas tentang ijtihad dan pembuatan keputusan kad kredit oleh ulama-ulama lepas. Yang kedua kajian-kajian lepas tentang MPS BNM dalam membuat keputusan dan yang ketiga adalah kajian-kajian tentang Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam.

1.8.1 Ijtihad dan pembuatan keputusan

Ijtihad merupakan langkah penting dalam menentukan sesuatu hukum atau fatwa. Terdapat sebilangan kajian yang telah dilakukan mengenai ijtihad. Antaranya adalah kajian dari Abdul Rahim, Fazlur Rahman, Shaista, Fiona Dunne dan Bernard Weiss yang telah membincangkan tentang maksud ijtihad itu sendiri. Abdul Rahim berkata bahawa ijtihad bermaksud “*striving*” dan “*exerting*” iaitu berusaha¹⁷. Pandangan ini disokong oleh Shaista, Fiona Dunne¹⁸. Seterusnya Bernard Weiss berpandangan ijtihad datang daripada perkataan dasar *jahada* yang membawa maksud usaha atau pengkestrakan diri iaitu mengeluarkan sesuatu dengan sendiri¹⁹. Beliau juga mengatakan bahawa ijtihad adalah apa yang diperkatakan sebagai tafsiran (*interpretation*). Akan tetapi tidak sepenuhnya mempunyai maksud yang tepat dan sama kerana makna teksnya tidak sama dan disebabkan oleh ijtihad mempunyai aktiviti yang lain dari tafsiran. Fazlur Rahman mengatakan ijtihad bermaksud memikir semula (*rethinking*) dan pertimbangan bebas (*independent reasoning*)²⁰. Rahimin, Paizah dan Nor Hayati mengatakan bahawa kata dasar *jahada* membawa maksud mencurahkan kemampuan atau menanggung kesulitan²¹.

Maksud ijtihad dari segi istilah pula menurut Bernard Weiss adalah usaha ulama’ dalam memformulasikan undang-undang berdasarkan dalil yang dijumpai dalam sumber-sumber hukum. Menurut beliau juga, membuat usaha yang membolehkan untuk mencapai pertimbangan yang lebih baik dari ukuran keagamaan untuk membuat keputusan dalam sesetengah kes dan usaha maksimum untuk mencapai satu keputusan

¹⁷ Abdul Rahim (1911). The Principles of Muhammadan Jurisprudence according to The Hanafis, Maliki, Shafi’i and Hanbali Schools, *al-Pakistan Legal Decisions*

¹⁸ Shaista, Fiona Dunne (1994). The Ijtihad Controversy, *Arab Law Quarterly*, Vol 9, No. 3

¹⁹ Weiss, B. (1978). Interpretation in Islamic Law: The Theory of Ijtihad. *The American Journal of Comparative Law*, 26(2), 199-212.

²⁰ Rahman, F. (1962). Concepts Sunnah, Ijtihad And Ijmā’ in The Early Period. *Islamic Studies*, 1(1), 5-21.

²¹ Rahim, A., Affandi, R., Ismail, P., Mohamed, S., & Dahlal, N. (2010). Pembangunan Sistem fiqh semasa di Malaysia: satu analisis model pilihan. *UUM Journal of Legal Studies*, 1, 59-85.

dalam satu tindakan menurut keputusan-keputusan syariah dalam al-Quran, sunnah, *ijma'* dan *qiyās*.²² Wael Hallaq berpendapat bahawa ijtihad adalah usaha tenaga mental dalam mencari satu pendapat syariah sehingga tahap maksimum dan tidak dapat lagi meneruskan lagi usaha. Dengan erti kata lain, usaha maksimum yang dipanjangkan oleh ulama-ulama untuk menguasai dan mengaplikasikan prinsip dan hukum dalam tujuan mendalami hukum Allah SWT.²³

Menurut Abdul Rahim pula, maksud ijtihad dari segi istilah ialah kapasiti untuk melakukan deduksi dari segi undang-undang dalam kes-kes di mana tiada teks asli atau hukum yang telah ditentukan oleh *ijmā'*.²⁴ Rudolf Peters mengatakan bahawa ijtihad merupakan mengerahkan usaha untuk menghasilkan asas kepada undang-undang yang melibatkan syariah²⁵. Menurut Rahimin et al, ijtihad berfungsi dalam bidang pemikiran dan penelitian akademik. Hasil pemikiran ijtihad akan hilang apabila tidak ada yang mendukungnya.²⁶ Di sini dapat disimpulkan bahawa ijtihad merupakan satu mekanisme mengerah tenaga mental untuk mencapai satu solusi untuk permasalahan atau isu-isu syariah dan ijtihad juga boleh disimpulkan sebagai satu penyelidikan dan penelitian yang rapi dan teliti yang dilakukan oleh para mujtahid dalam mencari penyelesaian bagi sesuatu masalah yang tidak ada nas yang menjelaskannya.

Ijtihad merupakan satu instrumen penting selepas kewafatan Rasulullah SAW. Melalui sejarah, Amir Husin dan Abū Zahrah telah sepakat mengatakan bahawa *khulāfā' al-rasyīdīn* telah berijtihad untuk menentukan satu hukum baru yang tidak wujud pada zaman Rasulullah. Amir Husin²⁷ mengatakan bahawa walaupun tiada

²² Ibid

²³ Hallaq, W. B. (1984). Was the gate of ijtihad closed?. *International Journal of Middle East Studies*, 16(1), 3-41.

²⁴ Ibid

²⁵ Peters, R. (1981). Ijtihad and Taqlid in Eigtheenth and Nineteenth Century Islam. *Die Welt des Islams*, 20, 131-145.

²⁶ Ibid

²⁷ Nor, A. H. M. (2000). Penutupan Pintu Ijtihad: Satu Kajian Semula. *Jurnal Syariah*, 8(1).

berlaku pertukaran struktur masyarakat yang drastik atau timbulnya masalah baru yang mendadak dan situasi-situasi yang tidak ada nas selepas kewafatan Rasulullah SAW, ijtihad kekal menjadi sumber penyelesaian kepada setiap masalah hukum baru yang ada. Setiap masalah baru yang tidak mempunyai nas atau dalil diputuskan melalui ijtihad para sahabat. Ijtihad pertama para sahabat adalah dalam membuat keputusan dan pemilihan khalifah untuk menggantikan Rasulullah SAW. Menurut Abū Zahrah²⁸, para sahabat, termasuk Ibn Mas‘ūd RA, ‘Umar Ibn Khaṭṭāb RA dan ‘Alī RA sudah mula mengamalkan ijtihad. Mereka tegas merujuk spesifikasi ijtihad yang disahkan oleh Rasulullah SAW berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Mu‘ādh Ibn Jabal ketika beliau dihantar untuk menjadi gabenor Yaman.

Walaupun ijtihad sudah lama diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW, ianya disusun secara sistematik oleh Imām Shāfi‘ī dalam kitabnya yang berjudul *Risālah*. Perkara ini telah dinyatakan dalam kajian oleh Ibnor Azli & Radzuan²⁹, Abdul Karim, Akh Minhaji dan Abdullah³⁰. Di dalam kitab ini juga, Imām Shafi‘ī telah menerangkan tentang istilah *uṣūl fiqh* dan metode-metode berijtihad.

Menurut Akh Minhaji, konsep ijtihad merupakan buah utama daripada disiplin *uṣūl fiqh*, suatu ilmu yang mempelajari dasar, metode, pendekatan dan teori yang digunakan dalam memahami ajaran Islam³¹. Abdullah bersetuju bahawa Imām Shafi‘ī

²⁸ Abu Zahrah, M. (1958). *Uṣūl Al-Fiqh*. Cairo: *Darul Fikri al-Arabī*.

²⁹ IbnorAzli Ibrahim & Radzuan Nordin . (2004). al-Imam al-Shāfi‘ī: Penyusun Ilmu *Uṣūl fiqh*. Proceeding of Seminar Kebangsaan *Uṣūl fiqh* 2004 (SUFIO4). *Institut latihan Keselamatan Sosial KWSP (ESSET)*, Kajangon 15-16th December 2004, organized by Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU) KUIM

³⁰ Akh Minhaji. (2001). Ahmad Hassan and Islamic Legal Reform in Indonesia 1887-1958, *Yogyakarta: Karunia Kalam Semesta Press*

³¹ Minhaji, A. (1999). Reorientasi Kajian *Uṣūl Fiqh*. *al-Jami'ah Journal of Islamic Studies*, 63.

telah menjadikan metode pengambilan hukum (*istinbāṭ al-ḥukum*) sistematis di dalam kitabnya *al-Risālah* dengan memformulasikan satu metodologi hukum, yaitu *uṣūl fiqh*.³²

Dalam penyusunan dan pembentukan metodologi hukum ini, pemerintah-pemerintah Islam diberi kuasa untuk menggubal pentadbiran, di samping para ulama perlu mengawal mana-mana usaha untuk penentuan undang-undang agar tidak bercanggah dengan undang-undang syariah. Akan tetapi, Abdul Karim percaya bahawa Abu Yūsuf, pelajar kepada Imām Abū Ḥanīfah merupakan yang pertama menyusun ilmu pengetahuan *uṣūl fiqh*. Beliau mengatakan bahawa tulisan Abū Yūsuf mengenai *uṣūl fiqh* telah dijadikan rujukan sampailah ke hari ini.³³ *Uṣūl fiqh* diambil berat dengan sumber-sumber hukum, perintah keutamaan dan kaedah atau metode yang mana peraturan perundangan dapat disimpulkan melalui sumber syariah. Ia juga diambil berat dengan mengarah dan mengawal selia pelaksanaan ijtihad. Di sini kita dapat simpulkan bahawa Imām Shāfi'ī merupakan pengasas kepada ijtihad yang sistematis dan ilmu *uṣūl fiqh* itu sendiri, walaupun ada pendapat mengatakan bahawa Abū Yūsuf yang pertama menyusunnya. Taha Jabir menjelaskan bahawa *uṣūl fiqh* perlu dipertimbangkan sebagai metode kajian terpenting yang dicipta oleh pemikir muslim.³⁴ Ia merupakan asas kepada kesemua disiplin ajaran Islam. Ilmu *uṣūl fiqh* bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat Islam tetapi telah menyumbang kepada pengayaan intelektual masyarakat dunia secara keseluruhannya.

Pada zaman sekarang ini, peranan ijtihad telah banyak diambil alih oleh perbadanan-perbadanan atau institusi yang bertauliah. Imran³⁵ mengatakan bahawa keperluan pada zaman sekarang adalah untuk memuktamadkan semula ijtihad untuk

³² Abdullah(2001). Ijtihad dan Peranannya dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-Undang Syariah di Dunia Islam Masa Kini, *Jurnal Syariah*

³³ Abdullah, A. K. Addressing uncritical following in jurisprudence.

³⁴ Taha Jabir Al-‘Alwanī (1990), *Uṣūl Al-fiqh Al-Islāmī*, Virginia: IIIT.

³⁵ Nyazee, I. A. (1983). The Scope of Taqlīd In Islamic Law: The Scope Of Taqlīd In Islamic Law. *Islamic studies*, 22(4), 1-29.

menutup semula amalan bertaqlid, iaitu mengikut pendapat suatu mazhab sahaja yang dilarang oleh ulama' dan walaupun ada yang beranggapan bahawa taqlid dibenarkan oleh ulama', ia dibenarkan dengan keberatan yang besar.

Ijtihad kita pada hari ini adalah tidak lebih dari mencari pandangan ulamā' apabila berhadapan dengan suatu masalah. Pintu ijtihad itu tidak pernah ditutup. Satu-satunya sekatan yang diletakkan oleh para *fuqahā'* adalah sama ada masyarakat perlu mempelajari prinsip-prinsip tafsiran yang ditetapkan atau menentukan prinsip-prinsip yang baru untuk masyarakat. Beliau telah menetapkan beberapa cadangan untuk perbadanan syariah, iaitu, menentukan peraturan pembinaan literal yang perlu diikuti mereka, asbab-asbab asas kepada hukum-hukum perlu ditentukan lagi dan peraturan untuk sambungan untuk asbab-abas ini perlu dibentangkan, menentukan prinsip-prinsip tarjih perlu diterima pakai untuk pemilihan antara dalil-dalil dan setiap bahagian undang-undang baru yang dirangka mengikut prinsip Islam perlu diikuti dengan penjelasan yang menekankan cara pembinaan hukum tersebut.

Adham³⁶ bersetuju bahawa pintu ijtihad tidak pernah tertutup. Pada zaman Uthmaniyyah, pemerintah ketika itu pernah cuba untuk masuk campur dengan menghadkan kuasa intelektual Islam di bawah kuasa kerajaan. Walaupun telah diperkatakan bahawa ijtihad tidak lagi perlu diamalkan, para ulama' masih mempunyai tanggungjawab berijtihad untuk masyarakat Islam, jika bukan di bawah mana-mana institusi, sebagai seorang individu. Contohnya, di Mesir pada ketika itu, pembangunan utama syariah adalah usaha dari para ulama' secara individu lebih dari usaha institusi atau kerajaan. Akan tetapi, menurut Hashim Kamali³⁷, Muhammad Iqbal telah mencadangkan supaya ijtihad dilembagakan dan dintigerasikan ke majlis perundangan

³⁶ Hashish, A. A. (2010). Ijtihad institutions: The key to islamic democracy bridging and balancing political and intellectual Islam. *Richmond Journal of Global Law and Business* 9(1), 61-84.

³⁷ Kamali, M. H. (1996). Methodological issues in Islamic jurisprudence. *Arab Law Quarterly*, 3-33.

Islam yang dimana ahlinya bukan sahaja mujtahid tetapi pakar di dalam bidang yang lain juga. Ada beberapa komentator yang mencadangkan bahawa *ijmā'* dan ijtihad sepatutnya dilihat sebagai sesuatu yang relatif berbanding dengan universal.

Saadan pula menyimpulkan bahawa di dalam era kontemporari ini, ijtihad dalam bentuk fatwa adalah solusi yang paling berkesan dalam menyediakan jawapan untuk masalah-masalah syariah yang dihadapi oleh orang Islam berbanding dengan kajian akademik atau proses perundangan yang selalunya memerlukan bertahun-tahun untuk disiapkan.³⁸ Dalam menentukan metodologi dan pendekatan yang digunakan oleh para ulama' luar negara, penyelidik mendapati bahawa terdapat beberapa kaedah yang sama dan berbeza yang telah digunakan dalam masalah-masalah fiqh yang timbul terutamanya dalam masalah-masalah kontemporari yang memerlukan ijtihad baru dari para ulama'. Secara umumnya, ada beberapa kajian para sarjana tentang corak-corak dan kaedah-kaedah ijtihad yang telah dilakukan oleh para ulama' dari pelbagai bidang dari luar negara mahupun dalam negara Malaysia. Antara sarjana yang telah membuat penyelidikan tentang metode berijtihad adalah Rahmani³⁹, Fatimah Halim⁴⁰, dan Akamludin⁴¹.

Dalam penentuan keputusan hukum yang berkaitan dengan kewangan di Indonesia, Dewan Syariah Nasional (DSN) yang telah ditubuhkan oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) telah menetapkan beberapa bentuk ijtihad dalam membuat keputusan iaitu bentuk *bayānī*, *qiyasī* ('illah) dan *istiṣlāḥī*. Secara ringkasnya, bentuk bayani merupakan semua kegiatan yang berkaitan dengan bahasa (mantik). Kaedah *uṣūl fiqh* yang selalu menggunakan illah sebagai tambatan adalah *qiyās* dan *istiḥsān*. Bentuk

³⁸ Ibid

³⁹ Yulianti, R. T. (2007). Pola Ijtihad Fatwa Dewan Syari'ah Nasional MUI tentang Produk Perbankan Shari'ah. *Lā Ribā, 1*(1), 57-75.

⁴⁰ Halim, F. (2010). Hubungan Antara Maqasid Al-Syari'ah Dengan Beberapa Metode Penetapan Hukum (Qiyās Dan Sadd/Fath Al-Zarī'ah). *Hunafa: Jurnal Studia Islamika, 7*(2), 121-134.

⁴¹ Shaibānī, A. (2016). Maqasid Syari'ah Sebagai Metode Ijtihad. *El-Hikam, 8*(1), 127-142.

ketiga iaitu istislahi, diaplikasikan pada hukum yang tidak mempunyai nas. Secara umumnya, kaedah ini menggunakan kaedah *maṣlaḥah* dan *maqāṣid al-sharī'ah*.

Fatimah Halim bersetuju bahawa tujuan utama sesuatu hukum itu haruslah mewujudkan *maṣlaḥah* untuk manusia.⁴² Beliau juga mengatakan bahawa penentuan hukum sangat berkaitan dengan kemaslahatan yang berkembang seiring dengan keadaan masyarakat pada waktu itu. *Maṣlaḥah* mempunyai hubungan yang kuat dengan *maqāṣid al-sharī'ah*. Ijtihad merupakan upaya menggali dan menemukan *maṣlaḥah* yang terkandung dalam menentukan sesuatu hukum. Akmaluddin mempunyai pendapat yang sama dengan Fatimah. Beliau mengatakan bahawa metode *maqāṣid al-sharī'ah* yang dikembangkan untuk mencapai tujuan akhir dari penepatan dan pelaksanaan hukum Islam adalah kemaslahatan manusia. Beliau juga mengatakan bahawa pelbagai istilah telah digunakan oleh para ulama' untuk menyebutkan metode untuk menentukan hukum. Namun pada dasarnya, semua metode itu pada asasnya untuk berusaha untuk mencapai kemaslahatan manusia dan menjadi alat untuk menetapkan hukum yang tiada nas di dalam al-Quran dan hadis.⁴³ Di sini dapat disimpulkan bahawa setiap metode penepatan hukum yang dipakai oleh para ulama' *uṣūl fiqh* berasaskan *maqāṣid al-sharī'ah*.

Fiqh mempunyai beberapa cabang yang telah dibahagikan mengikut tema yang berkaitan. Kewangan Islam merupakan salah satu dari komponen ekonomi di bawah fiqh. Untuk menentukan hukum sesuatu masalah kewangan Islam, ada suatu penubuhan atau organisasi yang dianggotai oleh para ulama' yang pakar dalam bidang fiqh dan kewangan Islam untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul pada zaman kontemporari ini. Beberapa sarjana telah membuat penyelidikan tentang perbadanan syariah yang berijtihad dan membuat keputusan-keputusan syariah yang berkaitan

⁴² Ibid

⁴³ Ibid

dengan kewangan Islam. Malkawi⁴⁴ mengatakan bahawa perbadanan syariah bertanggungjawab untuk bekerja dengan pihak pengurusan untuk memastikan apa-apa yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kewangan mematuhi prinsip-prinsip dan ajaran syariah serta memastikan ketelusan proses syariah supaya produk atau perkhidmatan difahami pengguna atau pelabur. Mohammad Sanusi juga mengatakan bahawa perbadanan syariah juga memerlukan satu rangka kerja dan struktur yang jelas untuk memastikan kebebasan dan keberkesannya.

Malkawi dan Monzer mengatakan bahawa pada awal tempoh amalan kewangan Islam, tiada badan syariah yang khusus untuk memantau atau menjadi penasihat kepada bank-bank Islam tentang hal-hal yang berkaitan dengan syariah. Menurut Grassa, pengelolaan lembaga Syariah bermula pada tahun 1976 apabila *Faisal Islamic Bank* ditubuhkan di Mesir. Bank tersebut merupakan bank Islam pertama yang mempunyai satu lembaga syariah yang rasmi. Lembaga ini dianggotai oleh beberapa ulama yang pakar dalam fiqh muamalat.⁴⁵

Oleh kerana Iran, Arab Saudi dan Sudan merupakan negara-negara yang mempunyai sistem perundangan Islam, Undang-Undang Perbankan Islam digubal pada tahun 1983 di Iran meliputi semua operasi perbankan. Vogel⁴⁶ mengatakan bahawa Arab Saudi pula mempunyai sistem Islam yang tradisional, di mana pihak berkuasa dalam perundangan dan kawalan badan kehakiman terletak di bawah mufti. Walaupun undang-undang kontemporari wujud, Arab Saudi tidak ada undang-undang perbankan Islam yang spesifik. Sudan pula menukar sektor perbankan kepada sektor perbankan Islam dan Undang-undang Transaksi Islam digubal pada tahun 1984.

⁴⁴ Malkawi, B. H. (2013). Shari'ah Board in the Governance Structure of Islamic Financial Institutions. *The American Journal of Comparative Law*, 61(3), 539-578.

⁴⁵ Grassa, R. (2013). Shari'ah Governance System in Islamic Financial Institutions: New Issues and Challenges. *Arab Law Quarterly*, 27(2), 171-187

⁴⁶ Vogel, F. E. (2000). *Islamic Law and the Legal System of Saudi: Studies of Saudi Arabia* (Vol. 8). Brill.

1.8.2 MPS BNM dalam membuat keputusan Syariah

Di Malaysia beberapa sarjana telah menyediakan kajian tentang sistem perbankan Islam dan perbadanan syariah yang ada. Antaranya adalah Zulkifli Hasan⁴⁷, Nur Hastuty et al⁴⁸, Mustafa et al⁴⁹ dan Malek et al⁵⁰. Perbadanan syariah yang pertama ditubuhkan di Bank Islam Malaysia Berhad di bawah Akta Perbankan Islam 1983. Objektif utama majlis perbadanan syariah ini ditubuhkan adalah untuk menasihati bank dalam operasinya untuk memastikan bank tidak terlibat dengan apa-apa yang tidak patuh syariah. Beberapa kajian telah membuktikan bahawa untuk mengukuhkan lagi institusi perbankan Islam di Malaysia, perlunya kepada satu model tadbir urus dan rangka kerja syariah yang berpusat. Walaupun setiap bank mempunyai tadbir urus syariahnya yang tersendiri untuk memastikan aktiviti-aktiviti bank patuh syariah, pihak kerajaan masih lagi mengawal dengan menubuhkan penasihat syariah pada tahap tertinggi. Menurut Asyraf Wajdi, struktur tadbir urus syariah berpusat terdiri daripada penasihat syariah di peringkat pengawal selia, fatwa berpusat, mengeluarkan garis panduan mengenai tadbir urus syariah bagi institusi kewangan Islam menjalankan kajian pematuhan syariah dan pelantikan berpusat bagi jawatankuasa syariah IKI.

Di Malaysia, MPS merupakan suatu perbadanan syariah yang tertinggi di bawah BNM dalam menentukan hukum yang berkaitan dengan kewangan Islam. MPS mempunyai beberapa fungsi yang perlu dilaksanakan iaitu berperanan sebagai badan tertinggi untuk menasihati BNM tentang hal ehwal perbankan Islam dan takaful. Kedua, peranan MPS untuk menyelaraskan isu syariah dalam urusan perbankan dan kewangan

⁴⁷Hasan, Z. (2007). Shariah Governance in the Islamic financial institutions in Malaysia. *Faculty of Shariah and Law Islamic Science University of Malaysia*.

⁴⁸Wardhany, N., & Arshad, S. (2012, November). The Role of Shariah Board in Islamic Banks: A Case Study of Malaysia, Indonesia, and Brunei Darussalam. *In 2nd Isra Colloquium*.

⁴⁹Hanefah, M. M. (2012). Governance and Shariah Audit in Islamic Financial Institutions. *USIM Publisher*

⁵⁰Injas, M. M. Y., Haron, M. S., Ramli, R., & Injas, R. A. (2016). The Importance Of The Shari'ah Supervisory Boards (Ssbs) in The Islamic Banking System. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, 9(2), 25-31.

Islam dan yang ketiga, MPS berperanan untuk menganalisis dan menilai aspek syariah berkaitan dengan skim atau pembikinan produk baru yang dikemukakan oleh institusi perbankan dan kewangan Islam. MPS juga dirujuk oleh mahkamah dalam memutuskan isu syariah dalam kes yang melibatkan kewangan Islam.⁵¹

MPS telah mengeluarkan beberapa resolusi syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam. Selain dari BNM dan IKI, mahkamah juga perlu merujuk resolusi yang dikeluarkan oleh MPS apabila menjatuhkan hukuman yang berkaitan dengan kewangan Islam. Azam telah mengeluarkan suatu artikel mengenai Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam menurut perspektif undang-undang dan peranannya dalam undang-undang.⁵² Manakala Hafiz telah membuat kajian mengenai resolusi ini dengan memberi tumpuan kepada sudut penggunaan *talfiq* dalam menentukan hukum dan berijtihad.⁵³ Shamsiah dan Tuan Abdullah menyokong bahawa *talfiq* digunakan dalam resolusi ini, seiring dengan *ta'wīl* dan *istiqrā'*.⁵⁴ Selain itu, penulis mendapati bahawa kajian yang dilakukan oleh Faizol telah membincangkan mengenai peranan dan fungsi MPS di dalam bank-bank Islam di Malaysia dan telah membuat analisis tentang resolusi yang dikemukakan. Selain itu, tiada kajian khusus mengenai metode dan langkah-langkah yang digunakan oleh ahli MPS dalam menghasilkan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam ini.

⁵¹ Bank Negara Malaysia, <https://www.bnm.gov.my/legislation>

⁵² Hussain, M. A., Hassan, R., & Hasan, A. (2013). Resolusi Syariah oleh majlis penasihat syariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan perspektif undang-undang. *Kanun-Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 25(2), 220-237.

⁵³ Mohd Hafiz, J. (2016). Aplikasi Talfiq dalam Resolusi Syariah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia/Mohd Hafiz Jamaludin (*Doctoral dissertation, University of Malaya*).

⁵⁴ Mohamad, S., & Tuan Abdullah, A. (2007). Kedudukan Mazhab Shāfi'ī dalam Isu-isu Muamalat di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4, 223-236.

1.8.3 Kad Kredit Islam

Kajian tentang kad kredit Islam juga banyak dibincangkan dalam kajian-kajian yang dilakukan oleh Abozaid et al⁵⁵, Wijayah et al⁵⁶, Awang et al⁵⁷ dan Suhaimi⁵⁸, membincangkan tentang menggunakan prinsip *maṣlahah* dan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam kad kredit Islam. Ini membuktikan bahawa *maṣlahah* dan *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan prinsip utama yang digunakan oleh majlis perbadanan syariah di serata dunia. Selain itu, terdapat juga kajian-kajian tentang akad-akad yang digunakan untuk menghasilkan kad kredit Islam seperti *bay' al-ṭinah*, *bay' al-tawarruq*, *al-ujrah*, *al-wakālah* dan *al-kafālah*.

Azman et al⁵⁹, Borhan⁶⁰, Asmak⁶¹, Hasnat⁶² dan Johan⁶³ membincangkan tentang akad-akad yang digunakan untuk menghasil kad kredit Islam. Melalui kajian-kajian ini, dapat dilihat bahawa pada awal penubuhan kad kredit Islam, akad yang digunapakai adalah *bay' al-ṭinah*. Dalam kajian Fadhilah, beliau mengatakan bahawa *bay' al-ṭinah* diperlukan untuk menjadikan kad kredit islam setanding dengan kad kredit konvensional. Dengan kemunculan *bay' al-tawarruq*, penggunaan *bay' al-ṭinah* telah pun berkurang. Akad *al-ujrah* juga merupakan akad yang paling banyak digunakan

⁵⁵ Abozaid, A., & Khateeb, S. H. (2022). A Critical Shariah and Maqasid Appraisal of Islamic Credit Cards. *European Journal of Islamic Finance*, 9(3), 14-20.

⁵⁶ Wijaya, R. P., & Ismail, N. (2020). Sharia Credit Card in The View of Maqasid al-Shariah. *al-Iktisab: Journal of Islamic Economic Law*, 4(1), 17.

⁵⁷ Awang, M. D., Asutay, M., & Jusoh, M. K. A. (2014). Understanding of Maslaha and Maqasid Al-Shariah concepts on Islamic banking operations in Malaysia. In *International conference of global islamic studies* (pp. 12-32).

⁵⁸ Shuhaimi, A. F. (2018). Revisiting the usage of Islamic credit card in the light of Maqasid Shariah.

⁵⁹ Noor, A. M., & Azli, R. H. M. (2009). *A Review of Islamic Credit Card Using Bay'Al-Ṭinah and Tawarruq Instrument as Adopted by Some Malaysian Financial Institution.*"

⁶⁰ Borhan, J. T. (2001). Pelaksanaan Prinsip Bay' bithaman Ajil dalam Penggunaan Kad Kredit Islam: Suatu Kajian Di Arab-Malaysian Bank Berhad. *Jurnal Syariah*, 9(2), 33-52.

⁶¹ Ab Rahman, A., Mohamad, S., & Salleh, I. M. (2010). *Bay' al-Tawarruq* Dan Aplikasinya Dalam Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Malaysia Berhad. *Jurnal Syariah*, 18(2), 333-360.

⁶² Hasnat, M. A., & Alom, S. (2017). The implementation of Kafālāh in Islamic banking and finance organizations in Malaysia. *Int J Sci Res Publ*, 7(7), 768-777.

⁶³ Johan, Z. J. (2019). Shariah compliant credit cards: Disputes and steps forward. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 7(2), 1-11.

setelah *bay' al-ṭinah*. Marina et al⁶⁴ mengatakan bahawa pada permulaannya, kad kredit Islam dicipta berasaskan konsep *bay' al-ṭinah*. Walau bagaimanapun, sarjana Islam kontemporari dan klasik, khususnya yang dikaitkan dengan mazhab Ḥanbalī, Mālikī, dan Ḥanāfī, telah mengkritik konsep ini. Hasilnya, beberapa bank Islam di Malaysia telah menawarkan alternatif yang dianggap unggul dan meluaskan penggunaan kad kredit melalui konsep *al-ujrah*. Kajian ini juga membincangkan tentang konsep *al-ujrah* dalam takaful dan rebat tunai semula yang di. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh penulis, untuk mengembangkan lagi bagaimana MPS melakukan ijtihad dan pembuatan keputusan dalam kad kredit Islam dan kaitannya dengan *maqāṣid al-sharī'ah*.

Dalam tinjauan literatur yang dibuat, terbukti bahawa kajian berkaitan dengan bagaimana proses pembuatan keputusan dan ijtihad berkaitan kad kredit dalam Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam MPS BNM masih belum diterokai sepenuhnya. Penulis juga mendapati jurang dalam kajian tentang *maqāṣid al-sharī'ah* dan kad kredit islam.

1.9 Metodologi Kajian

Metodologi kajian adalah kaedah yang digunakan penyelidik dalam pengumpulan data dan analisis terhadap data tersebut. Penghuraian perkara ini sangat penting bagi melihat pencapaian objektif yang telah dicadangkan bagi setiap bab berdasarkan kaedah-kaedah yang telah dirangka.

1.9.1 Reka Bentuk Kajian

Terdapat tiga jenis pendekatan yang digunakan oleh para sarjana untuk mendapatkan hasil kajian iaitu pendekatan kualitatif, kuantitatif dan juga campuran mod antara kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif membawa maksud penggunaan fakta,

⁶⁴ Marina Abu Bakar (2021). Ujrah Credit Card: A Perspective From Shariah Advisory Council, Bank Negara Malaysia. *International Journal of Muamalat* December 2021, Vol. 5, No. 1, pg 259-274

maklumat, pernyataan, ulasan, tanggapan, maksud, konsep, ciri-ciri, simbol, persepsi, metafora, perasaan dan seumpamanya. Melalui kaedah kualitatif ini, penyelidik dapat mengkaji secara mendalam fenomena yang berlaku dalam pengkajian tersebut secara realitinya. Sumber data yang diperolehi dalam penyelidikan kualitatif ini adalah dalam bentuk buku, majalah, disertasi, jurnal, kertas kerja, buku, seminar, buku harian rasmi, pamflet, wawancara dan observasi.

Penyelidikan kuantitatif pula adalah data yang diperolehi dalam bentuk angka atau bilangan dan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu. Analisis data kuantitatif selalunya dilakukan dengan menggunakan kaedah statistik. Data-data yang diperolehi di kemukakan dalam bentuk carta dan jadual. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam usaha untuk mendapatkan hasil berdasarkan kaedah pengumpulan data yang dikemukakan di bawah.

1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data

Merujuk kepada proses pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah-masalah yang diteliti. Dengan metode dokumentasi ini, cara pengumpulan data akan dibuat dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti. Penyelidik akan menggunakan kaedah dokumentasi dengan cara meneliti dan menganalisis Resolusi Syariah Kewangan Islam sebagai sumber primer penyelidikan. Dalam kajian ini juga, penyelidik akan mengumpulkan data-data dengan merujuk kepada kitab-kitab yang dirujuk oleh para Ulama' kontemporari dalam membuat keputusan Syariah. Setelah dibaca, diteliti, dianalisis seterusnya dirumuskan dan membuat kesimpulan kepada persoalan yang berkaitan dengan masalah yang dikaji.

Metode dokumentasi ini banyak terdapat di dalam bab pertama, bab kedua, rumusan dan kesimpulan. Penggunaan metode ini memberi fungsi yang penting bagi

menyiapkan disertasi ini. Metode perpustakaan pula adalah satu teknik yang digunakan bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Ia hampir sama dengan metode dokumentasi. Pengkaji akan mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mengumpul bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini sebagai data sekunder. Bahan-bahan yang diperolehi pengkaji adalah seperti buku-buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas-kertas seminar, akhbar dan lain-lain.

2. Kajian Lapangan

Dalam penyelidikan ini, kajian lapangan banyak digunakan bagi melengkapi data perpustakaan selain membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang baru. Ini adalah kerana tidak semua maklumat boleh didapati di perpustakaan. Dalam konteks ini, apa yang dihadapi adalah area penghayatan dan pengamalan yang dipanggil pendekatan empirikal.

i. Metode temubual

Cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara lisan daripada responden dengan bercakap-cakap berhadapan muka (*face to face*) dengan individu yang terlibat. Kaedah temubual juga merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat yang melibatkan interaksi sosial antara individu, dan ia adalah salah satu cara yang terbaik untuk mengetahui bagaimana sesuatu situasi dilihat dari perspektif orang lain. Di dalam kajian ini, penyelidik akan menemu bual beberapa individu khususnya ahli MPS BNM itu sendiri seperti Profesor Dr Akram Laldin. Dalam hal ini, temu bual telah dijalankan secara bersemukakan dan berstruktur. Temu bual bersemukakan dipilih atas sebab kebolehan cara tersebut dalam memperoleh maklumat yang lebih mendalam, manakala temu bual berstruktur dipilih kerana setiap soalan dibina berdasarkan objektif kajian dan dijalankan secara formal. Dengan maklumat yang diberikan hasil dari temu

bual ini, penulis dapat ambil tahu secara dekat proses ahli MPS BNM membuat keputusan syariah dalam kewangan Islam dan kad kredit Islam. Penulis seterusnya dapat membuat analisis dan penilaian dalam menentukan maqāsid al-sharī'ah dalam kad kredit Islam.

1.9.3 Metode Analisis Data

Data sekunder dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis ini berperanan menganalisis data yang diperoleh daripada temu bual dengan meneliti kaitan, persamaan dan perbezaan maklumat antara para informan. Hal ini dapat memperkukuhkan lagi dapatan daripada kajian kepustakaan.

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab Pendahuluan ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah iaitu isu-isu syariah yang berkaitan dengan kad kredit Islam dan bagaimana MPS menyelesaikan masalah-masalah yang timbul dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam dan juga menjawab kritikan yang diberikan kepada MPS tentang bagaimana mereka menyelesaikan masalah-masalah syariah. Persoalan dan objektif kajian juga akan dikupaskan dalam bab-bab seterusnya menggunakan pendekatan kualitatif, dengan menggunakan metode kajian kepustakaan dan kajian lapangan iaitu menemubual salah seorang ahli MPS.

BAB 2: KONSEP IJTIHAD DAN PERLAKSANAAN OLEH MAJLIS PENASIHAT SYARIAH BANK NEGARA MALAYSIA

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai definisi serta konsep berkaitan dengan ijihad, pembuatan keputusan (*decision making*) dan praktisnya oleh MPS BNM. Bab ini akan dipecahkan kepada beberapa subtopik yang dimulakan dengan 2.2 Definisi dan Sejarah Ijihad, 2.3 Ijihad dan Jenis-Jenis serta Syaratnya, 2.4 Realiti Ijihad pada zaman sekarang, 2.5 Peranan MPS dalam Ijihad dan Pembuatan Keputusan Resolusi Syariah Kewangan Islam dan diakhiri dengan 2.6 iaitu Kesimpulan bagi bab ini.

2.1.1 Teori dan Konsep Ijihad

Di dalam subtopik ini, penulis akan mengemukakan konsep-konsep ijihad bermula dengan definisi ijihad, sejarah ijihad, ijihad pada masa kini dan praktis ijihad pada masa kini.

2.1.2 Definisi Ijihad

Para ulama mempunyai autoriti dan hak dalam menafsirkan ayat al-Quran dan Hadis dalam proses yang dipanggil ijihad. al-Quran dan Hadis menyediakan garis panduan dalam kebanyakan isu yang berkaitan dengan Islam. Oleh itu, satu proses penetapan hukum perlu dilakukan dalam isu yang tidak disentuh dalam al-Quran, Sunnah dan *ijmā'* ulama terdahulu. Hasil dari ijihad ini adalah ilmu fiqh iaitu penepatan hukum untuk kehidupan harian masyarakat Islam. Syariah berkembang secara berterusan untuk menepati keperluan dan cabaran kehidupan moden ini. Oleh kerana ini, ijihad ulama boleh berubah mengikut masa.

Ijtihad datang dari perkataan arab *ju ha da* atau *ja ha da*. Al-Fara' berkata, *ju ha da* membawa maksud الطاقة *iatu* berusaha keras⁶⁵. *Ja ha da* pula membawa maksud المشقة yang membawa maksud kesukaran. Ibn Hazm pula memberi maksud *ja ha da* sebagai sesuatu yang sukar atau sempit.⁶⁶ Ijtihad pula membawa maksud melakukan usaha atau usaha terhadap sesuatu dari segi bahasanya. Definisi ijtihad dari segi bahasa boleh disimpulkan sebagai melakukan sesuatu usaha dan membuat perkara lebih mudah dengan cara merasakan sesuatu itu mempunyai kekurangan.

Dari segi istilah pula, *ulamā' al-uṣūliyyūn* mempunyai berbeza pendapat mengenai kaedah-kaedahnya, kesahihannya, dan lain-lain. al-Ghazālī berpendapat bahawa maksud ijtihad adalah bekerja keras menuntut ilmu dalam hukum-hukum syariah. "Bekerja keras" atau بذل الجتهاد membawa maksud menekan diri sendiri dalam menuntut daripada al-Quran dan al-Sunnah. Menurutnya lagi, jika tidak berusaha dengan meluas, tidak dikira sebagai ijtihad.⁶⁷ Jika seseorang itu lihat kepada beberapa sumber sahaja dan tidak secara menyeluruh, dia tidak boleh menetapkan hukum kerana tidak cukup membuat kajian. Imām al-Rāzī pula memberi pandangan bahawa ijtihad adalah mengambil kesempatan daripada suatu keadaan dalam melihat apa yang tidak selari dan mencari kesilapannya dengan melihat pandangan sesuatu keadaan yang lain.⁶⁸ Dr Jalāluddīn 'Abdul Rahman, di dalam penulisannya, telah meletakkan definisi-definisi ijtihad oleh al-Asnawī, Sayf al-Dīn al-Āmidī dan Ibn al-Subkī. al-Asnawī mentakrifkan ijtihad sebagai penghalang kemungkaran dengan menapis perkara-perkara yang terlibat.⁶⁹ al-Āmidī mengatakan bahawa ijtihad adalah mengambil kesempatan

⁶⁵ Mutahhari, M. (1969). The principle of Ijtihad in Islam. Translated By John Cooper." *al-Serat, Journal of Islamic Studies*. X, (1).

⁶⁶ Shidiq, S. (2017). *Uṣūl fiqh. Kencana*. Ms 253

⁶⁷ al-Ghazālī (1993). *al-Mustasfā fil Uṣūl, Maktabah 'Ilmiah*

⁶⁸ Fakhurur Rāzī (1997). *Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl Fiqh, Mua'sasah Al-Risālah, Bayrūt*

⁶⁹ Jalāluddīn 'Abdul Rahman (1984). *Ijtihād wa ḍawābiṭuhu wa ahkāmuhu, Dār al-Ṭibāqah al-Hadīthah*, ms 14

dalam meneliti zhon sesuatu perkara dari hukum-hukum syariah sehingga tidak mampu untuk meneliti lebih lagi. Ibn Subkī mempunyai pandangan yang tidak jauh beza dari pandangan ulama lain. Akan tetapi beliau menambah bahawa tamatnya penyelidikan dalam fiqh apabila berjaya mengumpulkan bermacam jenis pemikiran.⁷⁰

Abu al-Walid al-Bajī al-Malikī⁷¹ pula berpendapat bahawa ijtihad mempunyai dua makna iaitu pertama, ijithad ialah mengikuti jalan orang-orang yang terdahulu daripada kita dengan meyakini bahawa hanya satu kebenaran dan bahawa المكلف (orang yang diwajibkan mengikut syariat Islam) hanya wajib mencari kebenaran, bukan untuk mencapainya. Kedua, ijtihad ialah mengikuti jalan al-Qādī al-Bāqillāni⁷² dan orang-orang yang mengikutinya, dan bahawa setiap mujtahid adalah benar.

Di sini dapat disimpulkan bahawa ijtihad adalah berusaha sampai mencapai had kemampuan dan tenaga dalam penepatan hukum yang berkaitan dengan fiqh dengan cara merasakan ada kekurangan yang banyak di dalam penyelidikan. Hal ini tidak dapat dicapai oleh mujtahid kecuali melalui proses ijtihad. Selain itu, sesetengah para uşūliyyūn⁷³ memberi maksud ijtihad secara umum, ini termasuk dalam perkara-perkara 'amalī dan 'T'iqādiyah, dan sebahagian yang lain mentakrifkan ijtihad sebagai sesuatu perkara khas di mana ijtihad hanya dibolehkan dalam menentukan hukum-hukum syariah. Sekiranya ijtihad dilakukan dalam perkara tidak syarie maka para uşūliyyūn tidak menganggap itu sebagai suatu ijtihad.

⁷⁰ Ibid

⁷¹ Ibid, ms 18

⁷² al-Qādī al-Bāqillāni (w. 403 Hijrah) adalah seorang ahli fiqh yang dianggap sebagai salah seorang tokoh terpenting dalam perkembangan syariat Islam. Beliau terkenal dengan karyanya mengenai *uşūl fiqh* (prinsip-prinsip perundangan Islam), bidang pengajian yang berkaitan dengan kaedah-kaedah mendapatkan ketetapan daripada sumber-sumber utama perundangan Islam.

⁷³ Uşūliyyūn atau Uşūliyah dalam bahasa Arab bermaksud prinsip asas atau akar yang mempunyai makna, iaitu para sarjana yang menyumbang pemikiran dalam sesuatu bidang dalam hukum-hukum, membuat dalil, ijtihad dan pembaharuan.

2.1.3 Sejarah Ijtihad Pada Zaman Rasulullah SAW

Ijtihad tidak muncul pada zaman Rasulullah SAW secara langsung. Hal ini kerana setiap isu atau masalah yang berkaitan dengan hukum pada zaman itu, umat Islam dapat terus merujuk kepada Rasulullah SAW. Namun demikian, terdapat beberapa situasi yang menunjukkan bahawa ijtihad itu sudah bermula sejak zaman Rasulullah SAW. Rasulullah SAW mempraktikkan ijtihad dan menggalakkan para sahabat baginda untuk mengamalkannya.

Dalam kajian Syarkun, beliau mengatakan bahawa Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai Rasul dan ini membawa maksud setiap percakapan dan perlakuan baginda dipengaruhi oleh keupayaan psikologi melebihi daripada elemen biologi. Hal ini menjadikan ijtihad yang dilakukan oleh Rasulullah SAW banyak dipandu oleh Allah SWT. Menurut beliau juga, manhaj ijtihad yang dilakukan oleh Rasulullah SAW ialah *qiyās* dan *istihsān*. *Qiyās* digunakan dengan menjadikan al-Quran sebagai asas dan dasar kepada proses pengistinbatan hukum. *Istihsān* pula digunakan dalam situasi di mana metod *qiyās* tidak sesuai digunakan dengan *maqāṣid al-sharī'ah* dan tidak mampu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat.⁷⁴

Alwanī berkata, terdapat beberapa situasi di mana Rasulullah SAW membenarkan sahabat berijtihad. Bagaimanapun kebenaran yang diberikan ini tidak menafikan bahawa Rasulullah SAW mempertimbangkan semula sebarang kekurangan dalam ijtihad mereka.⁷⁵ Rasulullah SAW telah membenarkan ijtihad berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh 'Amru Ibn al-'Aṣ.

⁷⁴ Syarkun, M. R. N. (2016). The Influence of Prophet Muhammad's Thought on Ijtihad. *Sains Humanika*, 8(3-2).

⁷⁵ Al-Alwanī, T. J. (1993). Ijtihād (Vol. 4). *International Institute of Islamic Thought (IIIT)*. t.t

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أخطأَ فَلَهُ أَجْرٌ

Maksudnya: *Daripada 'Amru Ibn al-'As, Beliau telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Jika seorang hakim(penilai) menilai dan membuat ijtihad dan ijtihadnya benar, maka dia mendapat dua ganjaran dan jika penilaian dan ijtihadnya salah, maka dia mendapat satu ganjaran atas usahanya ijtihad.*⁷⁶

Hadis ini menunjukkan bahawa amalan ijtihad dipersetujui dan digalakkan oleh Rasulullah SAW. Ia juga menunjukkan bahawa setiap mujtahid mendapat pahala atas usaha mereka menilai dan ijtihad dalam sesebuah permasalahan.

2.1.4 Sejarah Ijtihad Selepas Kewafatan Rasulullah SAW

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, para Sahabat terutamanya pada zaman *Khulāfā' al-Rasyīdīn*, di mana ada beberapa isu baru yang timbul. Apabila khalifah Abu Bakar RA dan 'Umar Ibn Khaṭṭāb RA berdepan dengan masalah-masalah serta isu yang tidak ada dalam al-Quran dan sunnah, mereka akan mengumpulkan sahabat-sahabat lain, yang mahir dan menghafal al-Quran, dalam satu majlis syura dan bertanyakan pandangan sahabat-sahabat yang lain. Keputusan syariah yang muktamad ditentukan oleh khalifah yang juga merupakan mujtahid yang diajar dan dilatih oleh Rasulullah SAW. Keputusan yang ditentukan itu adalah keputusan hukum yang paling sesuai diamalkan berdasarkan isu yang dikemukakan. Cadangan hukum-hukum lain tidak ditolak sepenuhnya, tetapi dikekalkan untuk perbincangan intelektual. Jika khalifah yang berkuasa mendapati bahawa keputusan yang dikeluarkan tidak sesuai digunakan, pandangan serta cadangan yang dikemukakan dalam majlis syura itu akan digunapakai.⁷⁷

⁷⁶ al-Bukhārī wa Muslim, *Riyāḍ al-Salihīn*, Jilid 18, Hadis 49

⁷⁷ ibid

Zul Iqromi⁷⁸ mengatakan bahawa manhaj yang digunakan oleh Abu Bakar RA dalam melakukan ijtiḥad adalah *ijmā'*, *qiyās* dan *maṣlaḥah al-mursalah*⁷⁹. al-Ghazālī mengatakan bahawa para sahabat secara umumnya berpegang teguh kepada prinsip *maṣlaḥah* dalam ijtiḥad yang dilakukan. Antara contoh dan bukti ijtiḥad yang dilakukan oleh Abu Bakar RA ialah beliau berijtiḥad dan mempraktikkan *qiyās* dan *al-ra'y*⁸⁰ untuk menangani dan melawan golongan yang enggan membayar zakat selepas wafatnya Rasulullah SAW. Para sahabat ketika itu tidak setuju dengan hajat Abu Bakar RA untuk berperang dengan golongan ini, dengan hujah yang mengatakan bahawa golongan yang tidak membayar zakat ini masih beriman dengan Allah SWT dan RasulNya dan haram untuk memerangi orang Islam yang masih beriman. Abu Bakar RA menangkis hujah itu dengan mengatakan bahawa di dalam hadis yang sama, diakhiri dengan '...kecuali jika mereka melakukan perkara yang bertentangan dengan Islam'. Beliau juga mengatakan bahawa tiada perbezaan antara kewajipan solat dan zakat, kedua-duanya merupakan rukun Islam dan sesiapa yang melanggar hukum Allah SWT wajib diperangi.⁸¹

Ijtiḥad pada zaman pemerintahan 'Umar Ibn Khaṭṭāb RA pula bukan sahaja meliputi masalah-masalah fiqh dan hukum tetapi juga meliputi semua aspek kehidupan seperti sosial, ekonomi dan juga politik. Antara bukti ketara ijtiḥad 'Umar RA adalah mengubah hukuman untuk pemabuk daripada 40 sebatan kepada 80 sebatan yang diputuskan berdasarkan pandangannya. 'Ali RA mencadangkan 'Umar RA menggunakan *qiyās* berdasarkan had *al-qazaf* yang mengatakan bahawa 'setiap seseorang yang meminum arak dan menjadi mabuk akan membuat fitnah. Oleh itu pemabuk perlu dihukum sama dengan hukum pemfitnah.' Cadangan 'Ali ini merupakan

⁷⁸ Ikromi, Z. (2017). Pendekatan *Istishlāhi* dalam Ijtiḥad Abu Bakar al-Siddiq. *Mazahib*, 50-70.

⁷⁹ *Maṣlaḥah al-mursalah* adalah mendiadakan undang-undang bagi beberapa perkara berkaitan untuk kebaikan dan memberi manfaat kepada umat Islam.

⁸⁰ *al-Ra'y* ialah perkataan Arab yang berasal daripada perkataan *Ra Ya, Ra'yan* yang bermaksud penglihatan, penglihatan atau pemikiran. al-Ma'luf dalam al-Munjid menjelaskan maksud *al-ra'y*, iaitu melihat dengan hati atau melihat dengan akal, menurutnya *al-ra'y* boleh berubah menjadi *ri'ān* yang bermaksud menunjukkan sesuatu yang tidak sesuai dengan apa yang ada dalam fikiran.

⁸¹ *ibid*

manhaj ijtihad yang menggunakan *qiyās*. *Khulāfā' al-Rasyīdīn* aktif menyelesaikan masalah hukum yang tidak ada dalam al-Quran dan Sunnah dalam kalangan orang Islam waktu itu. Antara isu terbesar yang timbul pada ketika itu adalah untuk melantik khalifah selepas wafatnya Rasulullah SAW.

Pada kurun ketiga hijrah, pintu ijtihad telah ditutup dan munculnya mazhab-mazhab *fuqahā'*. Penetapan hukum hanya dilakukan oleh para ulama' daripada mazhab-mazhab yang ada. Masyarakat Islam pada ketika itu hanya berijtihad menggunakan pendapat *fuqahā'* dari mazhab mereka sahaja. pada kurun keempat hijrah, muncul konsep *taqlīd* iaitu mengikut pandangan para ulama' dari mazhab masing-masing sahaja.

Pada zaman Muhammad Abduh (1849-1905), hasil ijtihad para mujtahid dianggap muktamad oleh masyarakat Islam dan tidak perlu digali dari sumbernya (nas). Ini mengakibatkan syariat Islam yang asalnya dinamik menjadi statik, beku, dan tidak lagi dapat memenuhi tuntutan kemaslahatan umat.⁸² Undang-undang Islam semakin kehilangan elan pentingnya apabila berhadapan dengan undang-undang barat yang bersifat sekular dan meresap ke dalam dunia Islam. Muhammad Abduh berusaha menghidupkan semula ijtihad dan melepaskan semula belenggu taqlid buta yang melanda umat Islam. Pada asasnya, kaedah ijtihad yang ditawarkan oleh Muhammad Abduh tidak berbeza dengan kaedah ijtihad mujtahid terdahulu dan tidak terikat dengan mazhab tertentu. Dengan semangat ini, beliau mengembangkan prinsip *takhayyūr*, *talfīq* dan *maṣlahah*.⁸³

⁸² Taufiq, M. (2022). The Role of Ijtihad in the Renewal of Islamic Thought. *Al-Hikmah: International Journal of Islamic Studies and Human Sciences*, 5(6), 99-114.

⁸³ ibid

Di dalam penulisan Hallaq, beliau mengatakan bahawa beberapa ulama' memperincikan kelayakan untuk berijtihad kepada terhasilnya *uṣūl fiqh* sebagai rujukan untuk permasalahan hukum⁸⁴. Hal ini membuatkan kelayakan untuk seseorang ulama itu mengamalkan ijtihad diperketatkan. Perkara ini menjadikan sukar dan mustahil untuk ulama' dan pakar *uṣūl fiqh* untuk membuat ijtihad. Akan tetapi Hallaq tidak mengata bahawa kemunculan *uṣūl fiqh* menutup pintu ijtihad kerana *uṣūl fiqh* merupakan kaedah terpenting untuk mengamalkan ijtihad.⁸⁵ Kemunculan golongan anti-ijtihad juga merupakan salah satu faktor ijtihad kurang diamalkan pada kurun ke-3 hingga ke-9.

2.1.5 Praktis Ijtihad Pada Masa Kini

Pada zaman kontemporari ini, terdapat banyak isu dan masalah berbangkit yang tidak terdapat di dalam nas al-Quran mahupun Hadis. Pada beberapa kurun selepas kewafatan Rasulullah SAW, pernah wujud kontroversi mengenai penutupan pintu ijtihad dalam kalangan masyarakat Islam. Hakikatnya pintu berijtihad tidak pernah tutup. Amalan berijtihad perlu diteruskan kerana kebanyakan isu syariah yang timbul merupakan isu yang baru dan tidak pernah diselesaikan dan ditetapkan lagi hukumnya pada zaman Rasulullah SAW mahupun pada zaman *Khulafā' al-Rasyīdīn*, *tabi'īn*, *tabi' tabi'īn* dan seterusnya.

Pada tahun 1912/1330H, Muhammad Rashid Rida seorang Salāfi, memperjuangkan perlaksanaan ijtihad. Menurut pemahamannya, ijtihad ialah menyelesaikan masalah yang tidak diselesaikan oleh nas yang sedia ada. Asas kepada ijtihad merupakan kefahaman terhadap al-Quran dan al-Sunnah, serta ilmu dan kefahaman tentang *maqāṣid al-sharī'ah* iaitu tujuan sesuatu hukum. Selain itu, ijtihad juga perlu dilihat dari sudut adat dan kebiasaan masyarakat setempat. Pada zaman

⁸⁴ Hallaq, W. B. (1984). Was the Gate of Ijtihad Closed? *International Journal of Middle East Studies*, 16(1), 3-41.

⁸⁵ *ibid*

kontemporari ini, seiring dengan kemajuan teknologi, ijtihad diinovasikan mengikut kesesuaian masyarakat. Pada zaman sekarang ini juga, Islam tidak lagi berpusat kepada suatu tempat dan telah berpecah mengikut mazhab, negara, daerah dan sebagainya. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk membuat keputusan-keputusan fiqh dan hukum dalam syariah. Oleh kerana hal yang demikian, wujud satu istilah yang dipanggil *ijtihād jamā'ī* atau ijtihad kolektif. Yūsuf Al-Qaradāwī mengatakan bahawa ijtihad pada era ini adalah ijtihad kolektif kerana agak mustahil untuk menghasilkan keputusan melalui *ijmā'*.⁸⁶

2.2 Ijtihad, Jenis serta Syaratnya

Pengamalan Ijtihad terbahagi kepada beberapa jenis. Kepelbagaian ini akan diulaskan dalam subtopik ini. Selain dari itu, dalam subtopik ini, penulis akan menghuraikan syarat-syarat yang diperlu dipatuhi dalam membuat ijtihad.

2.2.1 Jenis-Jenis Ijtihad

Dr Jalāluddīn dan Sheikh Soleh telah membincangkan tentang jenis-jenis ijtihad.⁸⁷ Mereka terdiri dari *Ijtihād al-muṭlaq* dan *ijtihād al-muqayyad*. *Ijtihād al-muṭlaq* merupakan ijtihad yang tidak terikat dengan manhaj, malah mereka yang menentukan manhajnya, memilih *uṣūl* yang digunakan, kaedah *istinbat hukum*, dan tak terikat dengan *qawā'id fiqhiyyah* (kaedah-kaedah fiqh) terdahulu atau kaedah imam-imam mazhab yang diikuti. Gerak kerja dalam fiqh ini tidak berhenti pada suatu masalah *furū'* yang ditentukan, bahkan perlu kepada kemampuan dalam menyelesaikan setiap masalah atau isu baru yang muncul di zaman ini.

⁸⁶ Qaradāwī, Y. (1999). *al-Ijtihād fil-Sharī'ah al-Islāmiyyah: Ma'a Naẓarāt Tahlīliyyah fil-Ijtihād al-Mu'aṣir. Dār al-Qalam*. 107-108

⁸⁷ Sheikh Soleh Ibn Fauzan (1991). *al-Ijtihād, Dār al-muslim*, Riyād, 16

Ijtihād al-muṭlaq diteliti oleh seorang mujtahid, yang mengistinbat hukum dari dalil-dalilnya dan pada asalnya adalah *ijtihād fardī* di mana setiap orang yang bertanggungjawab perlu meneliti dan melihat kepada hukum-hukum dan dalil-dalil yang terlibat. Setiap usaha dan kemampuan untuk mengeluarkan hukum adalah oleh seorang individu pada setiap zaman. Hal ini tidak menghalang kepada wujudnya ijtihad kolektif. Ijtihad tidak tertakluk ke atas tanggungjawab individu sahaja, tetapi juga kepada kumpulan-kumpulan orang Islam. Mereka mempelajari isu yang ingin diijtihadkan, kemukakan setiap dalil-dalilnya dan melontarkan pandangan mereka. Kenyataan dan pandangan mereka dikumpulkan untuk menghasilkan hukum sesuatu masalah atau isu.

Jenis Ijtihad yang kedua adalah *ijtihad al-muqayyād*, iaitu usaha dalam mencapai hukum syarie dari dalilnya, dengan terikatnya para mujtahid dengan mazhab-mazhab tertentu dan menggunakan *qawā'id uṣūl* yang selalu digunakan oleh imam mazhabnya, serta terikat dengan kaedah *istinbat al-ḥukum*, pandangan-pandangan dalilnya yang diredhai atau dipersetujui oleh imam mazhabnya. Ada juga yang memanggil jenis ijtihad ini sebagai ijtihad mazhab.⁸⁸

2.2.2 Syarat-Syarat Ijtihad

Terdapat banyak kajian yang ditulis tentang syarat-syarat berijtihad yang perlu dipatuhi oleh mujtahid dalam menyelesaikan masalah. Syarat-syarat tersebut ialah⁸⁹:

1. Para mujtahid perlu melihat kepada hukum-hukum yang terhasil daripada al-Quran, Sunnah, *ijmā'*, *istiṣḥāb* dan *qiyās* serta mengetahui pandangan yang rajih daripada semuanya.
2. Perkataan-perkataan *nasakh* dan *mansūkh*, isu-isu *ijmā'* dan akhlak perlu diteliti

⁸⁸ ibid

⁸⁹ Nādiyah Sharīf al-'Amrī (1984). *al-Ijtihād fil Islam, Muāsasah Risalah, Bayrūt, 64-94*

3. Mujtahid perlu ada pengetahuan tentang *`am* dan *khāṣ*, *muṭlak* dan *muqayyad*, *naṣ*, *zahir*, *ma`ūl*, *majmūl*, *mubayyin*, etc
4. Mempunyai pengetahuan dalam hadis-hadis sahih dan hasan untuk mencari perkara yang sesuai untuk dibantahi.
5. Mempunyai pengetahuan dalam ilmu Nahu, Bahasa Arab yang membolehkan untuk memahami kalimah-kalimah.

2.3 Realiti Ijtihad Pada Peringkat Antarabangsa

Pada zaman kontemporari ini, ijtihad merupakan satu usaha yang penting untuk memastikan isu-isu dan masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan baik. Menurut Yūsuf al-Qaradāwī, ijtihad pada zaman sekarang dilaksanakan dalam tiga keadaan yang berbeza iaitu *bahth al-`ilmu* (kajian saintifik), *taqnīn* (perundangan) dan *fatwā*.⁹⁰ Fatwa merupakan penerangan tentang sesuatu hukum dari suatu isu atau permasalahan syariah oleh seorang pakar fiqh yang kompetan. Beliau juga dipanggil sebagai mufti. Amalan fatwa bukan sesuatu yang baru dalam tradisi Islam kerana Rasulullah SAW juga dianggap sebagai mufti kerana menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam ketika itu. Akan tetapi fatwa pada zaman Rasulullah sampai terus melalui wahyu daripada al-Quran. Setiap permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat Islam akan terus diselesaikan melalui wahyu dari Allah SWT sama ada dalam al-Quran atau *hadith al-qudsī* melalui Rasulullah SAW.

Oleh kerana pada zaman sekarang, geografi dunia sudah berubah. Sistem khalifah tidak lagi amalkan dan dunia terbahagi kepada negara-negara yang berbeza. Perkara ini menghasilkan sistem pentadbiran dan perundangan yang berbeza. Negara-negara yang dipimpin oleh pentadbiran Islam juga semakin berkurang. Akan tetapi, masih ada lagi di antara negara-negara yang masih berusaha untuk mengamalkan sistem

⁹⁰ Akbar, A. (2012). Metode Ijtihād Yūsuf al-Qaradāwī dalam Fatawa Mu'ashirah. *Jurnal Uṣūluddin*, 18(1), 1-20.

pentadbiran yang berasaskan Islam dan syariah. Pada peringkat antarabangsa, terdapat beberapa organisasi yang mengeluarkan fatwa untuk masalah yang timbul. Ada 57 negara yang menganggap negara mereka negara Islam dan menganggotai *Organisation of Islamic Cooperations (OIC)* yang membawa maksud Organisasi Kerjasama Islam.⁹¹ Negara yang menganggotai organisasi ini merupakan ahli kepada *United Nation* (Negara Kesatuan) dan mempunyai majoriti rakyat beragama Islam dan mematuhi piagam OIC.

41 daripada negara-negara ini mempunyai majoriti 55 peratus rakyat yang beragama Islam. Rehman dan Askari menyatakan bahawa negara-negara yang mengisytiharkan negara mereka adalah negara Islam adalah Afghanistan, Bahrian, Iran, Mauritania, Oman, Pakistan, Saudi Arabia dan Yaman. Negara yang mengisytiharkan Islam merupakan agama rasmi mereka adalah, Algeria, Bangladesh, Mesir, Iraq, Kuwait, Libya, Malaysia, Maldives, Morocco, Qatar, Saudi Arabia, Tunia dan UAE.⁹²

Di negara-negara di mana Islam merupakan agama rasmi kerajaan, amalan syariah dan fiqh bergantung kepada tahap yang mana setiap negeri membenarkan Islam memberi kesan kepada negara. Contohnya, Kerajaan Arab Saudi ditubuhkan pada tahun 1932 yang diperintah oleh House of Saud. Sebelum keluarga ini memerintah, Arab Saudi adalah sebahagian daripada Kerajaan Uthmaniyah dengan menggunakan sistem ketenteraan sebagai cara untuk melaksanakan undang-undang peribadi di wilayah yang berbeza dan denominasi agama.⁹³ Persatuan-persatuan yang mengeluarkan fatwa ini terdiri dari perbadanan kerajaan atau persendirian mengikut negara masing-masing.

⁹¹ <https://www.oic-oci.org/>

⁹² *ibid*

⁹³ Anscombe, F. F. (1997). *The Ottoman Gulf: The Creation of Kuwait, Saudi Arabia, and Qatar*. Columbia University Press.

Dalam konteks IKI, fatwa selalunya dihasilkan melalui ijthid kolektif. Mod Ijthid ini adalah penting dalam IKI kerana isu-isu syariah berkait dengan aplikasinya dalam muamalat bersifat komunal dan boleh mengesani masyarakat pada skala yang besar dan tak terhad kepada individu-individu tertentu sahaja. Resolusi-resolusi yang dikeluarkan oleh Akademi Fiqh Islam OIC, Akademi Fiqh Islam Liga Dunia Muslim, AAOIFI dan MPS BNM dan SS merupakan hasil daripada ijthid kolektif. Dengan mempraktikkan ijthid kolektif, organisasi-organisasi syariah meningkatkan keputusan-keputusan dan piawaian syariah mereka dengan *ijmā'* dan pandangan majoriti atau *jumhur ulamā'*.⁹⁴

2.4 Peranan MPS dalam Membuat Ijthid dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam

Dalam membuat analisis Proses ijthid dan pembuatan keputusan, penting untuk kita mengetahui dan meneliti peranan atau fungsi MPS ini dalam menetapkan hukum-hukum syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam. Peranan MPS ini banyak berkait rapat dengan penepatan hukum-hukum yang dibuat.

2.4.1 Latar Belakang MPS

Seperti yang dinyatakan dalam bab-bab sebelum ini, MPS BNM merupakan badan tertinggi yang telah ditubuhkan pada Mei 1997. MPS mempunyai autoriti dalam hal-hal yang berkaitan dengan kewangan Islam. Ia merangkumi perbankan Islam, takaful, perniagaan kewangan Islam, pembangunan perniagaan kewangan Islam atau apa-apa perniagaan yang berasaskan prinsip-prinsip syariah, dikawalselia oleh BNM. Setiap insituti kewangan Islam dan perbankan Islam perlu merujuk kepada MPS sebelum

menghasilkan apa-apa produk baru atau pembaharuan produk melalui konsep-konsep syariah yang lain.⁹⁵

MPS juga memberi khidmat nasihat kepada BNM pada apa-apa isu syariah yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam, aktiviti-aktiviti atau transaksi yang di buat oleh bank tersebut. Selain itu, mahkamah dan penimbang tara (*arbitrators*) juga perlu pertimbangkan keputusan-keputusan MPS untuk prosiding yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam yang tertumpu kepada hal-hal syariah dan keputusannya hendaklah diikat. Dalam kajian yang dibuat oleh Salaheen, beliau mengatakan bahawa penasihat-penasihat syariah juga boleh digelar sebagai mufti dan muhtasib pada masa yang sama. Mereka digelar sebagai mufti dengan cara memberi konsultasi, rujukan dan menyelesaikan masalah-masalah syariah yang berkaitan dengan produk-produk dan aktiviti yang berlaku dalam bank-bank dan insitutsi kewangan. Mereka juga digelar muhtasib iaitu pengawal selia dengan cara mengawalselia aktiviti-aktiviti bank dan institusi kewangan Islam.⁹⁶ MPS BNM membuat satu kenyataan di mana mereka mengatakan bahawa mereka bukan mengeluarkan fatwa apabila mengemukakan resolusi untuk masalah-masalah syariah dalam kewangan Islam. Setiap resolusi dan piawaian syariah yang dikeluarkan oleh MPS BNM adalah hasil dari ijtihad kolektif dan bukan sebuah fatwa.⁹⁷

Menurut Adnin et al, Ijtihad kolektif ialah usaha kesungguhan sekumpulan fuqahā' untuk mengeluarkan dan menetapkan hukum syarakah dalam sesuatu permasalahan.⁹⁸ Ia merupakan mekanisme pengeluaran hukum kontemporari yang baik

⁹⁵Portal MPS, <http://sacbnm.org>

⁹⁶ Al-Salaheen, A. M. M., & Aldhala'een, A. (2013). The Role Of Shari'a Fatwa And Supervisory Board In The Islamic Banks. *International Journal of Academic Research*, 5(1).

⁹⁷ Hussain, M. A., Hassan, R., & Hassan, A. (2013). Resolusi Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan Perspektif Undang-Undang. *Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya* (pp. 19-20).

⁹⁸ Ibrahim, A., Ibrahim, A., Jelani, A. B., & Noor, S. A. M. (2019). Pelaksanaan Ijtihad Kolektif Di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 2(2), 58-69.

agar penetapan sesuatu hukum dapat dilakukan seiring dengan perkembangan masa. al-‘Attar mengatakan bahawa ijtihad kolektif ini telah dilaksanakan pada zaman pemerintahan Abu Bakar RA dalam menyelesaikan isu-isu baru yang bangkit yang tidak ada dalam al-Quran. Para sahabat akan berkumpul untuk berbincang dan mendapatkan jawapan terhadap isu tersebut. *Shūrā* atau mesyuarat yang diadakan ini merupakan asas kepada konsep ijtihad kolektif.⁹⁹ Justeru itu, ijtihad kolektif sangat diperlukan untuk mengumpulkan pandangan pelbagai pihak yang terdiri dari para mujtahid. Dengan adanya ijtihad kolektif, pelbagai pandangan yang dikemukakan oleh para mujtahid dibincangkan untuk mendapatkan satu hasil dari pandangan-pandangan yang berkualiti mampu menyelaraskan satu keputusan. Ia sekaligus mengelakkan daripada berlakunya perpecahan.¹⁰⁰

Ahli-ahli MPS terdiri daripada cendekiawan syariah, pakar perundangan dan pengamal pasaran. Mereka merupakan individu-individu yang mempunyai kelayakan dalam kewangan Islam, fiqh muamalat, *uṣūl fiqh* dan kepakaran syariah untuk menetapkan hukum-hukum yang berkaitan dengan kewangan Islam. Pada hari ini, terdapat 9 orang ahli MPS yang menganggotai majlis ini.¹⁰¹ Dari segi perundangan pula, MPS BNM menjadi kuasa tertinggi dalam menetapkan piawaian dan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam berdasarkan Akta Bank Negara 2009 pada seksyen 52 dan seksyen 30 APKI 2013¹⁰². Segala isu dan masalah yang timbul dalam hal-hal yang berkaitan dengan kewangan Islam dalam institusi-institusi kewangan dan perbankan Islam akan dirujuk kepada MPS. Tiada kuasa yang lagi tinggi dalam Malaysia yang boleh menetapkan resolusi-resolusi dalam masalah-masalah kewangan Islam.

⁹⁹ ‘Abd al-Nasir Tawfiq al-‘Attar. (1996). al-Ta’rif bi al-Ijtihād al-Jama’i. *Persidangan al-Ijtihād Al-Jama’i fi al-‘Alam al-Islami. United Arab Emirates: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti United Arab Emirates*. pp 28-40

¹⁰⁰ Aznan Hasan. (2003). An Introduction to Collective Ijtihad (Ijtihād Jama’i): Concept and Applications. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 20(2), 27-49.

¹⁰¹ <http://sacbnm.org>

¹⁰² Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Dalam *Shariah Governance Framework for Islamic Financial Institutions*, telah diperuntukkan perkara yang sama. Peruntukan ini dinyatakan dalam Prinsip 6.4:

*“In cases of disputes and court proceedings relating to Islamic financial business or any Shariah issues arising from the IFI’s business operations, both the court and arbitrator shall take into consideration the published rulings of the SAC or refer such issues to the SAC for its ruling.”*¹⁰³

Kenyataan ini menunjukkan bahawa setiap percanggahan dan prosiding mahkamah yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam atau apa-apa isu syariah yang bangkit dalam operasi perniagaan IKI, mahkamah dan penimbang tara perlu merujuk kepada keputusan dan resolusi yang dikeluarkan oleh MPS BNM. Tidak semua kes perlu dirujuk kepada MPS, hanya kes yang mempunyai keperluan melalui penilaian mahkamah dan penimbang tara. Sekiranya mereka berpendapat isu yang berbangkit melibatkan persoalan hukum syarak, maka mahkamah atau penimbang tara terikat dengan kehendak akta.¹⁰⁴

Seperti yang dinyatakan di dalam bab-bab sebelum ini, MPS telah menghasilkan sebuah buku yang mengandungi resolusi-resolusi yang telah dihasilkan berdasarkan ijtihad kolektif ahli MPS. Buku ini disediakan untuk memudahkan individu-individu dan institusi-institusi kewangan Islam merujuk tentang resolusi-resolusi yang telah dikeluarkan oleh MPS sebelum mengemukakan isu baru untuk diselesaikan oleh ahli MPS. Selain dari Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, MPS juga mengeluarkan Piawaian Syariah sebagai garis panduan syariah sebelum IKI mengeluarkan apa-apa produk dan perkhidmatan. Perbezaan Piawaian Syariah ini dan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam adalah Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi merupakan sebuah garis panduan yang perlu dirujuk oleh IKI sebelum mengeluarkan apa produk-produk kewangan dan perbankan Islam. Setiap isu yang bangkit akan disatukan dalam Resolusi

¹⁰³ Akta Bank Negara 2009

¹⁰⁴ *ibid*

Syariah dalam Kewangan Islam sejurus menjadi rujukan dan panduan kepada IKI dan individu-individu yang berkaitan.¹⁰⁵

2.4.2 Peranan Ahli MPS

MPS mempunyai peranan dan fungsi yang besar sebagai tempat rujukan utama institusi kewangan Islam di Malaysia. Dalam Akta Bank Negara 2009 seksyen 52, ada dinyatakan fungsi MPS¹⁰⁶ iaitu:

1. Menentukan hukum syarak mengenai apa-apa perkara kewangan dan mengeluarkan apa-apa keputusan apabila dirujuk kepadanya.
2. Menasihati bank mengenai apa-apa isu syariah yang berhubung dengan perniagaan kewangan Islam yang merangkumi aktiviti atau transaksi bank.
3. Menasihati mana-mana IKI atau mana-mana orang lain lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis
4. Apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diputuskan oleh bank.

Menurut kajian yang ditulis oleh Mohd Izzat, Ruzian, Perincian peranan MPS telah dikhususkan seperti berikut¹⁰⁷:

1. Memberi nasihat tentang produk-produk perbankan dan takaful.

MPS berperanan memberikan pencerahan kepada masyarakat umum tentang kontrak-kontrak yang boleh digunakan serta struktur-struktur yang betul kepada institusi kewangan dan perbankan Islam. MPS akan mengkaji produk-produk kewangan konvensional yang boleh diamalkan oleh institusi kewangan Islam berdasarkan

¹⁰⁵ Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam

¹⁰⁶ Akta Bank Negara 2009

¹⁰⁷ Arif, M. I. A. M., & Markom, R. (2013). Peranan dan kedudukan majlis penasihat shariah untuk memperkasakan sistem kewangan islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan (UKM Journal of Management)*, 38.

perspektif syariah. Segala konsep, dasar, struktur, dan mekanisme yang berkaitan dengan produk-produk perniagaan kewangan Islam dan takaful juga dikaji.

2. Memberi nasihat kepada lembaga pengarah institusi-institusi kewangan.

Memberi nasihat dan menjadi rujukan kepada lembaga pengarah bank-bank perdagangan tentang produk-produk yang disediakan sama ada patuh syariah atau pun tidak merupakan fungsi utama MPS. Setiap isu yang timbul dalam penghasilan produk dan instrumen kewangan Islam perlu dirujuk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh MPS. Jika isu yang timbul tiada di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, lembaga syariah IKI perlu mengemukakan isu dan masalah tersebut kepada MPS sebelum membuat apa-apa keputusan.

3. Mengesahkan Manual Patuh Syariah

MPS juga berperanan menyediakan satu sumber rujukan dan garis panduan yang tersusun untuk menentukan sama ada sesuatu produk itu patuh syariah atau pun tidak. Rujukan ini juga merupakan hasil perbincangan ahli-ahli MPS dalam mesyuarat yang diadakan. Manual Patuh Syariah inilah yang merupakan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam.¹⁰⁸ Resolusi-resolusi yang terkumpul hasil daripada mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh MPS dalam mengendalikan isu-isu syariah yang bangkit dalam apa-apa produk kewangan Islam.

Menurut Akram Laldin, Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam ini adalah satu garis panduan yang perlu diikuti oleh setiap individu dan IKI. Setiap keputusan yang dikeluarkan oleh MPS adalah wajib untuk diikuti dalam Malaysia ini. Kemungkinan ada individu yang tidak setuju dengan keputusan yang dikeluarkan oleh MPS, tetapi

¹⁰⁸ Majlis Penasihat Syariah (2009). Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, *Bank Negara Malaysia*

keputusan MPS ini merupakan ijtiḥad kolektif antara 9 orang ahli dan merupakan pandangan majoriti.¹⁰⁹

4. Memberi nasihat dalam pengendalian takaful.

MPS juga perlu memantau dan menasihati urusan pengendalian dana takaful agar tidak dilaburkan dalam instrumen yang tidak patuh Syariah supaya wang bantuan yang diterima itu halal dan bersih dari unsur-unsur ribā'. MPS telah menyediakan satu Manual Rujukan Institusi Kewangan Islam kepada Majlis Penasihat Syariah. Antara perkara yang perlu dirujuk menurut manual ini ialah¹¹⁰ :

- i. Isu syariah dalam penstrukturan produk/instrumen perniagaan kewangan Islam.
- ii. Isu syariah dalam variasi yang signifikan kepada produk atau instrumen perniagaan kewangan sedia ada.
- iii. Isu syariah dalam pelaksanaan dan pengoperasian sesuatu produk atau instrumen perniagaan kewangan Islam.
- iv. Perbezaan pandangan antara Jawatankuasa Syariah kewangan Islam yang boleh mendatangkan kekeliruan masyarakat.
- v. Apa-apa perkara yang menghendaki penentuan hukum syarak oleh MPS yang berkaitan dengan undang-undang dan pengawalseliaan.

2.5 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat penulis ringkaskan dalam Bab ini ialah ijtiḥad merupakan suatu perkara yang sudah lama diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi dan ijtiḥad berkembang lebih meluas selepas kewafatan Baginda. Pintu ijtiḥad yang dikatakan tutup

¹⁰⁹ Mohamad Akram Laldin (Profesor, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

¹¹⁰ Bank Negara Malaysia (2009), Manual Rujukan Institusi Kewangan Islam Kepada Majlis Penasihat Syariah.

adalah tidak benar kerana buktinya pada zaman kontemporari ini terdapat banyak hukum-hukum baru yang diselesaikan oleh ijthad. Perbankan dan kewangan Islam merupakan bidang yang memerlukan kepada ijthad kerana perkembangannya yang semakin meluas dengan adanya inovasi produk-produk baru. Untuk berijthad dalam kewangan Islam pula, memerlukan kepada ulama-ulama atau pakar dalam bidang syariah kerana itu merupakan syarat seorang mujtahid. MPS diperlukan dalam setiap bank yang mengamalkan perbankan dan kewangan Islam. Di Malaysia, MPS BNM merupakan badan yang tertinggi dalam menetapkan hukum dan menyelesaikan masalah atau isu-isu yang berkaitan dengan kewangan Islam.

BAB 3: KONSEP KAD KREDIT DAN AMALANNYA DALAM PERBANKAN ISLAM

3.1 Pengenalan

Dalam Bab ini, penulis akan menghuraikan konsep dan definisi kad kredit konvensional dan kad kredit Islam atau kad kredit Islam. Pada masa yang sama, penulis akan menulis meneliti sejarah tertubuhnya kad kredit ini. Selepas itu, kontrak-kontrak yang digunapakai oleh luar negara dan dalam Malaysia untuk menghasilkan kad kredit Islam. Selain itu, penulis juga akan mengemukakan isu-isu yang timbul berkaitan dengan kad kredit Islam, dari segi penggunaan kontrak, isu kesahihannya dan isu penstrukturan dalam kontrak kad kredit Islam yang digunakan. Tujuan bab ini adalah untuk menjelaskan konsep kad kredit konvensional dan kad kredit Islam serta hukumnya dari perspektif syarak. Selain itu juga, akad yang digunakan dalam struktur kad kredit Islam pada peringkat antarabangsa dan Malaysia serta isu yang timbul dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam oleh MPS BNM juga akan dibincangkan.

3.2 Konsep Kad Kredit Konvensional

Mengenali konsep kad kredit konvensional dan sejarahnya merupakan pembukaan kepada bab ini. Kad kredit merupakan sebuah instrumen pembiayaan yang sangat popular dan digunakan oleh kebanyakan masyarakat di seluruh dunia. Kad kredit pada hari ini sudah menjadi keperluan kepada kebanyakan entiti dan individu. Kemudahan ini juga penting untuk kelangsungan institusi kewangan dan bank. Hal ini kerana kad kredit merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan bank. Hutang kad kredit menyumbang kira-kira 1.87 peratus kepada jumlah pinjaman sistem perbankan

Malaysia pada 2021¹¹¹. Dalam kajian yang dilakukan Hamid et al, beliau mengatakan bahawa dalam rujukan portfolio Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), hutang kad kredit menyumbang 55 peratus daripada jumlah portfolio hutang yang dikendalikan oleh agensi itu.¹¹²

3.2.1 Pengertian Kad Kredit Konvensional

Menurut kamus Oxford, Kad atau “Card” adalah sekeping 4 segi plastik yang selalunya ada informasi penting di atasnya seperti untuk tujuan identiti, kewangan, dan sebagainya. “Credit” pula membawa maksud sebuah susunan atau perjanjian yang dibuat untuk membayar kemudian sesuatu yang sudah dibeli atau duit yang dipinjam oleh bank.¹¹³ Di Dalam bahasa arab, kad kredit dipanggil *biṭāqah al-i’timān* (بطاقة الائتمان). *Biṭāqah* adalah kad dan *al-’I’timān* asal dari perkataan *a ma na*, *amānah* dan *isti’mān*¹¹⁴. Perkataan “credit” datang dari perkataan Bahasa Inggeris. Didapati bahawa tiada kata khusus dalam Bahasa Arab yang membawa maksud kredit.¹¹⁵ Hutang atau pinjaman di sini membawa maksud *qard*. Akan tetapi, *qard* tidak membawa maksud *al-I’timān*.

Mohammad Jassem mengatakan di dalam kajiannya bahawa ada beberapa pihak yang mengatakan bahawa kontrak *isti’man* (perkataan akar sama dengan *I’timān*) tidak membawa maksud kontrak yang berkaitan dengan kredit.¹¹⁶ Abdul Wahab mengatakan di dalam bukunya *البطاقات البنكية*, istilah *I’timān* ini telah dinyatakan di dalam kamus-kamus ekonomi dan perniagaan serta di dalam *Consumer Credit Act 1974 of the United*

¹¹¹ Bank Negara Malaysia (2022). Monthly Highlights and Statistics in May 2022, *Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur*.

¹¹² Hamid, F. S., & Harizan, S. H. M. (2023). Behavioral biases and credit card repayments among Malaysians. *International Journal of Banking and Finance*, 18(2), 53-78

¹¹³ The Oxford English Dictionary (1989) 2nd Edition, Clarendon Press

¹¹⁴ Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur (t.t) Lisan al-Arab, Jilid 1, *Dār al-Ma’rif, Mesir, ms 141*

¹¹⁵ Mohammed, M. J., Ismail, R., & Markom, R. (2011). The jurisprudential differences about the term credit “Al-i’timān” and credit card: Islamic and conventional perspectives. *International Journal of West Asian Studies*, 3(2).

¹¹⁶ *ibid*

Kingdom dan dalam *The USA Truth in Lending Act Section 103 (E)*.¹¹⁷ Mohamed Abdul Halim mengatakan bahawa kredit dan pinjaman mempunyai konsep yang tersendiri. Kredit membawa maksud kepercayaan bersama antara dua pihak atau lebih di mana seseorang itu yakin untuk memberi pinjaman wang untuk orang lain dan wang tersebut dipinjamkan kepada yang lain dan ditebus semula pada masa akan datang.¹¹⁸

Industri kad kredit juga mendapat permintaan yang banyak di Malaysia. Kad kredit yang pertama telah diterbitkan pada tahun 1973 dengan kemunculan *Diners Club Card*. Selapas itu Bank of America memperkenalkan VISA di Malaysia pada tahun 1978 diikuti oleh American Express pada tahun 1979 dan Hong Kong Bank yang memperkenalkan Mastercard pada tahun yang sama. Pada tahun 2004 pula, *Citibank* dan *Maybank* menjadi yang teratas dalam pasaran kad kredit di Malaysia dengan menguasai 50 peratus tempat di pasaran.¹¹⁹

Menurut Yeow, kad kredit merupakan sekeping kad plastik yang dikeluarkan oleh institusi kewangan atau bank yang membolehkan pelanggan memperolehi kredit dari kebanyakan kedai-kedai.¹²⁰ Dalam sistem perbankan, kredit boleh didefinisikan sebagai metod pembayaran barang dan perkhidmatan dan memiliki barang dan perkhidmatan tersebut dan membuat bayaran kemudian di bawah kontrak perjanjian. Secara fizikalnya, kad kredit merupakan sekeping kad segi empat tepat yang mewakili akaun pembiayaan. Kad kredit mengandungi strip magnetik di belakang kad dan

¹¹⁷ Abdul Wahab (2003). *Biṭāqāt al-Bankīah, Damascus*

¹¹⁸ Mohammed Abdul Halim Umar (2003) *Biṭāqāt al-I'timān , Mahīyatuhā wal-‘Alaqaṭ al-Naṣīḥah Istikhdāmihā baynal Shari’ah wal-Qanun, volume 2, the Conference of Electronic Banking Activities between Shariah and law, Dubai, 622*

¹¹⁹ Shahwan, S., & Mohd Dali, N. R. S. (2007). Islamic Credit Card Industry In Malaysia: Customers’ Perceptions And Awareness. In *Proceedings of 3rd Unites International Business Management Conference*.

¹²⁰ Tam, Moo Yeow. A Study of the Credit/Charge Card industry in Singapore. PhD diss., *National University of Singapore, 1996*.

nombor akaun di bahagian hadapan kad untuk memudahkan urusan transaksi dengan merekodkannya di dalam sistem¹²¹

Menurut Akademi Fiqh OIC pada sesi yang ke-tujuh pada tahun 1992 (Resolusi No 63/1/7), kad kredit merupakan satu dokumen yang diberi oleh penerbitnya kepada seseorang yang lain pada asas sebuah kontrak yang membolehkan mereka membeli barang dan perkhidmatan dari vendor yang menerima dokumen tersebut tanpa membayar barang dan perkhidmatan tersebut serta merta kerana dokumen tersebut termasuk komitmen penerbit.¹²² Definisi ini perlu diubahsuai kerana pada masa sekarang sistem kad kredit telah berubah.

Majlis Kesatuan Fiqh Islam sedunia (*Majma' Fiqh al-Islāmī*) memberi takrif bahawa kad kredit merupakan satu bentuk penyata sandaran yang diiktiraf, dihasilkan oleh pengeluar kepada mana-mana pihak yang diiktiraf melalui kontrak di antara kedua-dua belah pihak yang mengiktiraf kad kredit tadi, tanpa perlu membuat pembayaran tunai segera, kerana ia mengandungi jaminan pembayaran oleh pihak pengeluar. Ada tiga faktor yang mempengaruhi industri kad kredit iaitu, kad kredit merupakan medium utama untuk jurubank kerana kos operasinya yang rendah, kebanyakan pasaran kad kredit di negara membangun belum lagi tepu dan kad kredit boleh mencipta kekecohan ekonomi jika tidak dipantau dengan betul.

Menurut AAOIFI, kad kredit mempunyai tiga ciri-ciri. Pertama, kad kredit menyediakan kemudahan kredit pusingan dalam had dan tempoh kredit yang ditentukan oleh pengeluar kad. Kedua, pemegang kad kredit boleh membuat bayaran barang dan perkhidmatan dan mengeluarkan tunai dalam tempoh kredit yang diberikan. Ketiga,

¹²¹ Landes, L. (2013). Credit Card Basics: Everything You Should Know [online]. *Forbes, Personal Finance*.

¹²² Majma' Fiqh Islami (1985-2000). Resolutions and Recommendations of The Council of The Islamic Fiqh Academy, *Jeddah*, 134

ketika membeli barang dan perkhidmatan, pemegang kad diberikan tempoh kredit yang percuma, di mana jumlah yang perlu dibayar hendaklah dilangsaikan dalam tempoh ini dan tiada faedah dikenakan dalam tempoh ini.¹²³ Konklusinya, kad kredit adalah kad pembayaran yang dikeluarkan oleh bank atau institusi kewangan kepada pemegang kad yang membolehkannya membayar barang dan perkhidmatan secara terus atau atas talian atau untuk memperoleh pendahuluan tunai sehingga had kredit yang dipersetujui yang perlu dibayar pada masa hadapan.

3.2.2 Sejarah Kad Kredit

Konsep menggunakan instrumen yang tiada nilai untuk mewakili transaksi perbankan ini telah bermula lima ribu tahun yang dulu apabila masyarakat Mesopotamia menggunakan tanah liat sebagai medium pembayaran. Pada tahun 1800an pula, ketika perkembangan di barat, peniaga akan menggunakan syiling kredit dan plat caj (*charge plate*) untuk memanjangkan tempoh hutang kepada petani dan peternak supaya mereka boleh melambatkan pembayaran bil sehingga musim menuai. Terma kad kredit ini diasaskan oleh Edward Bellamy pada tahun 1887.¹²⁴

Pada tahun 1900-an pula, beberapa kedai seberneka dan syarikat minyak mengeluarkan kad mereka yang tersendiri. Kad tersebut hanya diterima oleh peniaga yang mengeluarkannya dan direka untuk mempromosikan kesetiaan pelanggan lebih dari menyenangkan pelanggan. Antara penciptaan kad kredit yang terawal menurut laman web Mastercard, adalah kad yang diberi nama *charge-it*. Kad ini dicipta oleh John Biggins pada tahun 1946. Kad ini berfungsi apabila seorang pelanggan ingin menggunakannya untuk membuat bayaran dan bil transaksi tersebut diberikan kepada bank yang berkaitan. Peniaga akan menerima bayaran daripada pelanggan melalui bank.

¹²³ AAOIFI (2010) Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions. *Manama: AAOIFI, (ISBN 99901-23-07-1)*

¹²⁴ <https://www.creditcards.com/credit-card-news/history-of-credit-cards.php>

Akan tetapi, pelanggan hanya boleh membuat pembelian tempatan sahaja dan hanya boleh menggunakan perkhidmatan dari Bank Brooklyn sahaja.¹²⁵

Menurut pandangan *The Diners Club*, kad kredit pertama dicipta hasil dari sebuah peristiwa di mana seorang yang bernama Frank Namara telah lupa membawa beg duitnya ketika sedang makan malam di sebuah restoran. Beliau telah memberi kad namanya sebagai jaminan untuk menyelesaikan masalah tersebut. Hal ini membuatkan Frank mendapat idea untuk mencipta sebuah kad kredit yang dinamakan *The Diners Club* untuk menyelesaikan masalah-masalah yang serupa dengan peristiwa yang dialaminya. Beliau telah bergabung dengan rakannya, Ralph Schneidar untuk menghasilkan kad tersebut yang mempunyai tujuan untuk hiburan dan perjalanan sahaja.¹²⁶

Pada tahun 1951 pula, sebuah kad kredit telah dicipta oleh Franklin National Bank di New York bagi tujuan memberi pinjaman kepada pelanggan tetapi sama seperti kad Charge-it, ianya hanya boleh digunakan oleh pemegang akaun bank tersebut sahaja. Pada tahun 1958, kad kredit pertama dikeluarkan oleh Bank of America dan dinamakan Visa sedekad selepas itu apabila berjaya dijadikan kad kredit antarabangsa.¹²⁷ Visa telah menjadi kad kredit yang dominan untuk penggunaan antarabangsa. Kemudian pada tahun 1966 pula, bank-bank di California menubuhkan *Interbank Card Association* (ICA) yang telah mengeluarkan kad kredit kedua terbesar di peringkat antarabangsa iaitu *Mastercard*.¹²⁸ Kejayaan kedua-dua syarikat kad kredit terbesar ini bergantung

¹²⁵ <http://cardcredits.com/Mastercard.php>

¹²⁶ Lindsey (1980). Credit Card Franchisee Services. Report on the supply of Credit Card Franchise Services in the United Kingdom. London: Her Majesty's Stationary Office. 7

¹²⁷ Zumello, C. (2011). The "Everything Card" and Consumer Credit in the United States in the 1960s. *The Business History Review*, 85(3), 551-575

¹²⁸ Newman, P., Milgate, M., & Eatwell, J. (Eds.). (1992). *The New Palgrave Dictionary Of Money & Finance* (Vol. 1). Basingstoke.: Macmillan.

kepada keahlian beribu insitusi kewangan yang menubuhkan undang-undang, piawaian dan yuran pertukaran.

3.2.3 Aplikasi dan Kepentingan Kad Kredit

Pada awal penciptaan kad kredit, ianya dipandang sebagai sebuah instrumen kewangan untuk golongan berada dan sebagai melambangkan kemewahan. Pada awal 1900-an, pemilik kad kredit terdiri dari golongan orang kaya bagi tujuan hiburan dan perjalanan.¹²⁹ Akan tetapi pada waktu sekarang, penggunaan kad kredit telah meluas ke serata dunia dan semakin praktikal sebagai alat pengganti alat pembayaran. Golongan berpendapatan sederhana (*middle class*) dan golongan atasan (*high class*) lebih banyak menggunakan kad kredit ini berbanding dengan golongan berpendapatan rendah (*low-class*). Hal ini kerana setiap kad kredit yang dikeluarkan oleh pelbagai bank dan institusi kewangan mempunyai kriteria khusus sebelum dibenarkan memiliki kad kredit. Ini termasuk had pendapatan.

Sistem kad kredit konvensional memerlukan empat pihak untuk beroperasi. Empat pihak ini terdiri pemegang kad (*cardholder*), pengeluar kad (*card issuer*), peniaga (*merchant*) dan (*acquirer*). Pemegang kad merupakan pelanggan bank yang memohon kad kredit. Pemegang kad ini seterusnya menggunakan kad kredit untuk membeli barang atau perkhidmatan. Pada kebiasaannya pemegang kad akan menggunakan kad kredit apabila membeli-belah ketika mana mereka tidak mahu menggunakan wang tunai atau dalam keadaan wang tunai sukar untuk didapati, contohnya ketika berada di luar negara.


Penerbit atau pengeluar kad kredit pula terdiri daripada pihak bank atau insitusi kewangan yang mengeluarkan kad kredit. Pihak bank akan mengeluarkan sekeping kad

¹²⁹ *ibid*

yang berukuran 3-1/8 inchi x 2-1/8 inchi dan mengandungi maklumat identifikasi seperti tanda tangan, gambar atau apa-apa maklumat yang menunjukkan identiti pengguna kad kredit untuk merekodkan jumlah yang dibelanjakan oleh menggunakan kad di mana dia perlu membayarnya pada waktu yang ditetapkan. Penerbit kad selalu mendapat maklumat penggunaan kad melalui *acquirer*.¹³⁰

Pemegang kad pula membuat transaksi dengan pihak yang ketiga iaitu peniaga barang dan perkhidmatan. Peniaga telah merekodkan pembelian dari pihak pelanggan dan seterusnya menghantar penyata akaun kepada acquirer iaitu bank peniaga. Bank peniaga seterusnya meminta bayaran dari bank pemilik kad kredit. Untuk lebih difahami, penulis menyediakan gambar rajah seperti berikut:

Rajah 3.1: Sistem Kad Kredit



¹³⁰ Mansor, F. (2004). Produk Kad Kredit Islam dan Aplikasinya di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Jurnal Syariah*, 12(1), 111-124.

Sumber: Olahan dari penulis melalui kajian oleh Fadhilah Mansor¹³¹

Terdapat beberapa jenis kad kredit konvensional. Ada banyak faktor yang menentukan jenis kad kredit yang dikeluarkan oleh pihak bank atau institusi kewangan. Ini merupakan strategi pemasaran orang penerbit kad kredit. Antara faktor yang diambil kira untuk menentukan jenis-jenis kad kredit ialah kelayakan pelanggan, keistimewaan yang ditawarkan, rebat tunai, diskaun untuk barang dan perkhidmatan dari syarikat tertentu, keistimewaan insurans dan kadar faedah. Kad kredit mempunyai manfaat yang banyak kepada pelanggannya terutamanya mereka yang berniaga atau sesiapa yang memerlukan pinjaman wang. Akan tetapi, setiap sesuatu perkara mempunyai kelemahan atau keburukan. Kad kredit adalah satu instrumen yang mempunyai banyak kontroversi dan dikatakan punca kebangkrutan.

3.3 Konsep Kad Kredit Islam

Mengikuti perkembangan kewangan dan perbankan Islam pada hari ini, banyak pencapaian yang telah dihasilkan oleh institusi kewangan Islam pada peringkat antarabangsa mahupun negara Malaysia sendiri. Antara produk yang dihasilkan oleh institusi kewangan Islam adalah kad kredit Islam. Kad kredit Islam atau kad kredit patuh syariah ini mempunyai tujuan yang sama dengan kad kredit konvensional, kecuali tiada faedah yang dikenakan kepada kad kredit Islam jika pemegang kad lewat membuat pembayaran.

3.3.1 Pengertian Kad Kredit Islam

Di dalam kajian Noorhidayah¹³², beliau mentakrifkan kad kredit Islam sebagai instrumen pembayaran yang mematuhi sekurang-kurangnya tiga prinsip Islam. Pertama,

¹³¹ ibid

¹³² Saad, N. M. (2014). The Study on Islamic Credit Cards (practice by Islamic Banks in Malaysia) (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia).

ia mesti mematuhi keperluan syariah untuk memberi pinjaman, mengelakkan larangan seperti *ribā* (faedah), *gharar* (ketidakpastian), dan *maysir* (perjudian). Kedua, kad itu harus diterima secara meluas, menggunakan skim pembayaran antarabangsa seperti *MasterCard* atau *Visa*. Ia juga sepatutnya menawarkan ciri seperti nombor CVV dan jumlah penahanan. Ketiga, kad kredit Islam tidak seharusnya menggalakkan tingkah laku yang dilarang atau transaksi yang tidak sesuai, selaras dengan prinsip Islam.

Kad kredit Islam pertama yang diperkenalkan di Malaysia ialah Kad Kredit al-Tasrif oleh Ambank. Pemegang dikenakan caj denda 1.25 peratus setiap bulan atau 15 peratus setahun pada baki yang tertunggak. Tiada pembayaran yang dikenakan jika pembayaran diselesaikan dalam tempoh masa yang diberikan. Selepas itu, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) memperkenalkan kad kreditnya yang tersendiri iaitu Kad Bank Islam (KBI) pada 23 Julai 2002. BIMB mengenakan caj sebanyak 18% setiap tahun yang telah dinyatakan di dalam kontrak sebelum pemegang kad memilikinya.¹³³ Selepas itu, bank-bank lain seperti BSN dan Maybank Islamic mengikuti jejak langkah kejayaan Ambank dan BIMB dan mengeluarkan kad kredit mereka yang tersendiri. Bukan itu sahaja, bank-bank di Indonesia dan Brunei juga mengeluarkan kad kredit Islam sendiri. Di Indonesia, bank pertama yang mengeluarkan kad kredit Islam adalah Bank Danamon Syariah.¹³⁴

3.3.2 Aplikasi Kad Kredit Islam dalam Perbankan Islam

Keperluan kepada kad kredit Islam ini berdasarkan dua faktor iaitu kad kredit ini diperkenalkan untuk memenuhi permintaan pelanggan yang mempunyai cita rasa untuk memiliki kad yang membolehkan mereka untuk berurusan dengan transaksi kewangan Islam sahaja. Kedua, kredit kad Islam ini penting dalam membantu bank komersial

¹³³ Hanudin Amin, (2012) Patronage factors of Malaysian local customers toward Islamic credit cards, *Management Research Review*, Vol. 35 Issue: 6, pp.512-530

¹³⁴ Asep Dadan, (2010) Kajian Pelaksanaan Kad Kredit Syariah Di Bank Danamon Syariah Indonesia, *Disertasi Kajian Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya*.

mempelbagaikan sumber pembiyaannya. Sumber pembiayaan bank-bank Islam selalunya terhad kepada aktiviti-aktiviti simpanan, pasaran wang Islam dan sukuk. Kad kredit Islam ini boleh membantu dalam menarik pelanggan untuk menggunakan perbankan Islam.

Perbezaan yang ketara antara kredit kad konvensional dan Islam adalah faedah atau *ribā*. Kad kredit konvensional menggunakan faedah di dalam aplikasinya. Faedah dikenakan ke atas pemegang kad yang membuat bayaran lewat. Jika pemegang kad membuat bayaran dalam tempoh kredit yang ditetapkan, tiada faedah dikenakan ke atasnya. Selain itu, kad kredit Islam hanya boleh digunakan dalam membeli barang dan perkhidmatan yang halal. Barang dan pekhidmatan haram dibeli menggunakan kad kredit Islam. Faktor penglibatan *ribā* juga merupakan faktor permintaan ke atas kad kredit Islam. Kesedaran bahawa *ribā* itu haram dan dilarang di dalam Islam mendorong pelanggan bank mendesak bank untuk mengeluarkan kad kredit Islam. Struktur pelaksanaan kad kredit berbeza mengikut kontrak syariah yang digunakan akan tetapi hasil yang dilihat oleh orang awam adalah sama. Menurut salah seorang ahli MPS yang ditemu bual penulis, walaupun kontrak yang digunakan berbeza-beza, hasil perlaksanaannya serupa. Pihak pengeluar kad kredit Islam mempunyai hak untuk memilih kontrak yang diingini dan bersesuaian.¹³⁵

3.3.3 Hukum Kad Kredit Islam

Terdapat banyak khilaf ulama dalam pelaksanaan kad kredit Islam, bukan sahaja dalam hukum penggunaannya tetapi juga dalam konsepnya, hukum konsep-konsepnya dan struktur yang sesuai untuk pengoperasian kad kredit. Sebelum masuk lebih lanjut tentang itu, penulis menghuraikan hukum kad kredit Islam atau kad kredit Islam. Ulama

¹³⁵ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

kontemporari mempunyai pendapat yang berbeza dalam pengharaman kad kredit secara keseluruhannya. al-Hakim mengatakan bahawa Ibn Mani' berpendapat bahawa penggunaan kad kredit konvensional adalah harus dan dibenarkan jika pemegang kad berjaya membuat bayaran dalam tempoh pembayaran semula sebelum dikenakan faedah.¹³⁶ Selain itu, tidak menggunakan kemudahan pengeluaran tunai yang boleh mencetuskan klausa faedah juga disyorkan oleh para ulama yang membenarkan penggunaan kad kredit konvensional.

Majlis Penasihat Akademi Fiqh OIC membuat resolusi bahawa kredit kad konvensional tidak dibenarkan dalam Islam jika kondisinya termasuk penglibatan *ribā*, walaupun pemegang kad mempunyai niat untuk membuat bayaran semula dalam tempoh yang ditetapkan untuk menghindari *ribā*. OIC membenarkan penggunaan kad kredit jika kad kredit yang dikeluarkan tidak terlibat dengan *ribā*.¹³⁷ Dalam hal ini, ada dua keadaan yang mengharuskan kad kredit, iaitu penerbit boleh mengambil beberapa jumlah wang dari pemegang kad ketika menerbitkan kad tersebut atau ketika pembaharuan kad sebagai yuran perkhidmatan. Kedua, harus untuk penerbit mengambil komisen dari barang dan perkhidmatan yang dibeli oleh pemegang kad jika barang dan perkhidmatan tersebut dijual dengan harga yang sama. Ini bermakna penerbit boleh mengambil komisen dari peniaga dengan syarat peniaga tidak menaikkan harga ketika kad digunakan.

Akan tetapi, oleh kerana kad kredit Islam telah pun wujud di dunia hari ini, pengguna yang beragama Islam boleh menghindari *ribā* dalam kad kredit konvensional dengan menggunakan kad kredit Islam. Kad kredit Islam itu sendiri masih mempunyai banyak isu di mana ada sesetengah ulama syariah mengkritik struktur-struktur dan

¹³⁶ al-Hakim (2012) al-Biṭāqat I'timāniah khilāf baina al-Taḥrīm wa al-Taḥlīl al-Muṭlak, *Sahifah al-sharq al-Matbu'ah* no 145, ms 31

¹³⁷ OIC Fiqh Academy (2004) Resolutions of the OIC Council of Islamic Fiqh Academy in its 15th meeting (Arabic), Resolution No. 139, 5/15 on "Credit Cards". Muscat: OIC Fiqh Academy.

operasi aplikasi kad kredit Islam dan mengisytiharkannya sebagai tidak patuh syariah dan hanyalah sebuah helah untuk mengharuskan penggunaan *ribā*. Antara punca perdebatan ini adalah kontrak-kontrak syariah yang digunakan untuk menghasilkan kad kredit Islam.

3.3.4 Kontrak-Kontrak yang Digunakan untuk Menghasilkan Kad Kredit Islam dan hukumnya

Dalam konsep pembayaran dan perjanjian, kad kredit Islam sama dengan kad kredit konvensional dari segi skim yang digunakan. Dalam kad kredit Islam, terdapat perjanjian yang melibatkan dua pihak, tiga pihak dan empat pihak. Seperti kad kredit konvensional, kad kredit Islam juga terdapat penerbit (*issuer*), pemegang kad (*cardholder*) dan peniaga (*merchant*). Walaupun pelaksanaan kad kredit Islam sama dengan kad kredit konvensional, penciptaan dan pelaksanaan kad kredit Islam ini berdasarkan prinsip atau kontrak syariah yang bebas dari *ribā*. Seperti produk-produk kewangan Islam yang lain, kad kredit Islam juga dikeluarkan hasil dari prinsip-prinsip syariah yang ada. Terdapat perbezaan pendapat antara ulama kontrak atau prinsip yang digunakan untuk menghasilkan kad kredit Islam. Ada pelbagai jenis kontrak kad kredit Islam yang dikeluarkan di Malaysia dan di negara-negara lain yang menghasilkan kad kredit. Di sini penulis menghuraikan kontrak-kontrak syariah yang digunakan di dalam kad kredit Islam yang ditawarkan bank-bank Islam di Malaysia.

Jadual 3.1: Jenis kontrak-kontrak dalam kad kredit Islam di Malaysia

Kad Kredit Islam yang ditawarkan bank	Kontrak yang digunakan
Maybank Islamic	<i>ujrah</i>
Bank Islam Malaysia Berhad	<i>Bay' Al- 'īnah/Tawarruq</i>
Bank Simpanan Nasional	<i>ujrah</i>
CIMB Islamic	<i>ujrah</i>
Ambank Islamic	<i>ujrah</i>
Affin Islamic Bank	<i>Bay' al-tawarruq</i>
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	<i>Bay' al-tawarruq</i>
HSBC Amanah	<i>ujrah</i>

Sumber: Diolah oleh penulis

3.3.4.1 Konsep *Bay' al- 'īnah* Dalam Kad Kredit Islam

Menurut Nuradli¹³⁸, Ilham reza et al¹³⁹, Maryam et al¹⁴⁰ dan Bukhari¹⁴¹, *bay' al- 'īnah* merupakan kontrak pertama yang digunakan di Malaysia untuk menghasilkan kad kredit Islam. Konsep ini digabungkan dengan *qard al-ḥasan* dan *al-wadī'ah*. *Bay' al- 'īnah* digunakan di dalam Ambank al-Tasliif pada tahun 1996 dan Kad Bank Islam (KBI) pada tahun 2003. Menurut bahasa, *al- 'īnah* (العينة) datang dari perkataan (العين) iaitu tunai yang wujud pada masa sekarang¹⁴². Dalam kitab ahli bahasa, ibn Manzur mengatakan bahawa *al- 'īnah* itu *ribā'*¹⁴³. Kedua, *al- 'īnah* itu adalah *al-salaf* (السلف) iaitu pendahuluan dan ketiga, pembelian apa yang dijual secara tangguh dengan harga yang lebih rendah dari harga yang dijual¹⁴⁴.

¹³⁸ Shahwan, S., & Mohd Dali, N. R. S. (2007). Islamic credit card industry in Malaysia: customers' perceptions and awareness. In *Proceedings of 3rd Uniten International Business Management Conference*.

¹³⁹ Ferdian, I. R., Dewi, M. K., & Rahman, F. K. (2008, August). The practice of Islamic credit cards: a comparative look between Bank Danamon Indonesia's Dirham Card and Bank Islam Malaysia's BI Card. In *IAEI International Conference* (pp. 1-13).

¹⁴⁰ Basri, M. N. B. H., Nor, N. M., Hakliff, S. Z. B. A., & Hashim, M. B. Islamic Credit Cards: Issues and Challenges In Achieving Maqasid Shariah.

¹⁴¹ Sillah, B. M. (2017). Islamic Credit Cards: How Do They Work, And Is There A Better Alternative?. *Journal of Islamic Banking and Finance*, 5(2), 1-8.

¹⁴² al-Azhari, M. B. A. (2001). Tahzib al-Lughah. Bayrūt: Dār Ihya' al-Turath al- 'Arabi.

¹⁴³ Manzur, I. Lisan Al- 'Arab (1999). Bayrūt: Dār Ihya' al-Turath al- 'Arabi.

¹⁴⁴ al-Rāzī, M. I. A. B. The Chosen of Correction Dictionary,(= Mukhtar Al-Sahah), ed. by Mahmoud Khater. The House of Hadis.

Menurut istilah pula, ulama mazhab-mazhab fiqh mempunyai pendapat yang berbeza. Menurut mazhab Shāfi'ī, *al-ṭinah* ialah menjual sesuatu barang dengan harga yang tertangguh, dan memperolehi barang tersebut. Kemudian dibelinya semula secara tunai dengan harga yang lebih rendah¹⁴⁵. Mazhab Mālikī berpendapat bahawa penjualan barang pembeli kepada penjualnya semula atau kepada wakilnya dengan cara tertangguh. Ibn Qudāmah pula mengatakan *al-ṭinah* itu adalah di mana barang dijual dengan harga tertangguh, kemudian dibelinya semula dengan harga tunai yang lebih rendah.¹⁴⁶

MPS BNM mendefiniskan *bay' al-ṭinah* sebagai kontrak yang melibatkan transaksi jual beli semula sesuatu aset oleh penjual. Dalam urusan niaga ini, penjual menjual aset kepada pembeli secara tunai dan kemudian membeli semula aset tersebut pada harga tertunda yang lebih tinggi daripada harga jualan tunai. Ia juga boleh dijalankan di mana penjual menjual aset kepada pembeli pada harga tertunda dan seterusnya membeli balik aset secara tunai pada harga yang lebih rendah daripada harga jualan tertunda.¹⁴⁷

Konsep *bay' al-ṭinah* di dalam kad kredit disokong oleh kontrak *al-wadī'ah* dan *qard al-ḥasan*. Dalam kontrak *al-wadī'ah*, pelanggan boleh menggunakan kad kredit untuk membuat pembayaran melalui kredit yang disediakan. *Qard al-ḥasan* ditakrifkan sebagai pinjaman yang baik, iaitu pinjaman yang bebas dari *ribā*.¹⁴⁸ Pada asalnya, dalam konsep kad kredit, bank akan memenuhkan kad dengan pinjaman tanpa *ribā*. Pemegang kad akan menggunakan kad dan memulangkan semula duit tersebut dalam tempoh yang ditentukan. Sebagai balasan, pemegang kad akan

¹⁴⁵ al-Sarakhsī, S. A. D. (1978). Kitāb al-Mabsut. Dārul Ma'rifah.


¹⁴⁶ Ibn Qudamah, A. M. A. A. (1983). Al-Mughnī. Dārul Kitāb al-Arabī, Beyrūt. Jilid 6, ms 250

¹⁴⁷ Majlis Penasihat Syariah (2011). Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi kedua, *Bank Negara Malaysia*

¹⁴⁸ Mansor, F. (2004). Produk Kad Kredit Islam dan Aplikasinya di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Jurnal Syariah*, 12(1), 111-124.

membayar yuran keahlian kad kredit yang berjumlah tetap.¹⁴⁹ Struktur pelaksanaan *bay' al-ṭinah* dalam kad kredit adalah seperti rajah di bawah:

Rajah 3.2: Struktur *Bay' Al-ṭinah*



Sumber: Kajian Fadhilah Manor¹⁵⁰ dengan olahan dari Penulis

Penerangan:

1. Pelanggan pergi ke bank untuk perkhidmatan kredit
2. Bank mengenalpasti aset yang ingin dijual kepada pelanggan dan menjual aset tersebut kepada pelanggan dengan harga + untung secara kredit.
3. Pelanggan menjual semula aset tersebut kepada bank untuk dapatkan wang tunai segera.
4. Bank mengkreditkan wang tunai tersebut di dalam akaun *al-wadī'ah* pelanggan

Bay' al-ṭinah mempunyai banyak kontroversi dan isu syariah dalam aplikasinya dalam muamalat dan kewangan Islam. Para ulama' dari mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī terutamanya telah mengkritik dan menolak pelaksanaan kontrak

¹⁴⁹ ibid

¹⁵⁰ Mansor, F. (2004). Produk Kad Kredit Islam dan Aplikasinya di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Jurnal Syariah*, 12(1), 111-124.

ini.¹⁵¹ Mereka berpandangan bahawa kontrak *bay' al-īnah* adalah *bātil* dan *fāsid* walaupun secara zahirnya akad pertama dan kedua dalam kontrak tersebut sempurna rukun dan syaratnya. Para ulama fuqaha dari Mazhab Shafī'ī berpendapat bahawa kontrak *bay' al-īnah* diharuskan dan sah tetapi hukumnya bertukar makruh jika disertakan niat fasid. Doktrin *bay' al-īnah* tidak diiktiraf oleh ulama' di Timur Tengah. Majoriti pakar syariah juga telah mengharamkan *bay' al-īnah* dan dikatakan bahawa *bay' al-īnah* adalah sebuah helah untuk mengharuskan *ribā*.¹⁵²

MPS BNM¹⁵³ telah memutuskan untuk mengambil pandangan mazhab Shāfī'ī dan Zahīrī yang membenarkan *bay' al-īnah*.¹⁵⁴ Pada mesyuarat yang ke-18 pada 12 April 2001, MPS membuat resolusi bahawa mekanisme kad kredit Islam mengaplikasikan konsep *bay' al-īnah* untuk menjana dana untuk tujuan kredit oleh pelanggan yang meminta kad kredit Islam adalah dibenarkan. Walaubagaimana pun, ada beberapa resolusi berkaitan dengan isu *al-īnah*. Pada tahun 2006, satu dialog diadakan untuk mencari resolusi terbaik berkaitan dengan *al-īnah*, iaitu dengan menggantikan *al-īnah* dengan menggunakan pendekatan *al-tawarruq*.¹⁵⁵ Isu kontroversi ini juga telah membuatkan BIMB menukar kontrak *bay' al-īnah* dengan kontrak *bay' al-tawarruq* dalam perjanjian dan pelaksanaan KBI.

3.3.4.2 Konsep *Bay' al-Tawarruq* dalam Kad Kredit Islam

Bay' al-tawarruq merupakan satu kontrak syariah moden yang dikeluarkan untuk menggantikan *bay' al-īnah*. Dari sudut bahasa, *tawarruq* berasal dari bahasa Arab, وَرَقٌ,

¹⁵¹ al-Mubarak, T., & Osmani, N. M. (2010, October). Applications of Maqasid Al-Shari'ah and Maṣlahah in Islamic Banking practices: An analysis. In *International Seminar on Islamic Finance in India* (Vol. 4, No. 6).

¹⁵² Hassan, R. (2011), *Islamic Banking and Takaful*, Pearson Malaysia, Petaling Jaya. 49

¹⁵³ Majlis Penasihat Syariah (2011) Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, *Bank Negara Malaysia*

¹⁵⁴ Al-Mubarak, T., & Osmani, N. M. (2010, October). Applications of Maqasid Al-Shari'ah and Maṣlahah in Islamic Banking practices: An analysis. In *International Seminar on Islamic Finance in India* (Vol. 4, No. 6).

¹⁵⁵ *ibid*

yang bermaksud wang perak, dirham, atau logam perak.¹⁵⁶ Perkataan *tawarruq* ditakrifkan sebagai “meminta perak atau dirham”. Takrif ini membawa maksud *tawarruq* kerana apabila membeli sesuatu barang atau perkhidmatan dengan bayaran, pembeli tidak berniat untuk menggunakannya sebaliknya hanya ingin menjadikannya sebagai jalan untuk mendapatkan wang tunai yang lebih banyak.¹⁵⁷

Dari segi istilah pula, Ibn Muflih memberikan definisi *tawarruq* sebagai berhajat kepada pertukaran tunai dari seratus kepada dua ratus dan boleh mendapatkannya.¹⁵⁸ Al-Bahutī mentakrifkan *tawarruq* sebagai orang yang berhajat kepada wang dan membeli apa yang berharga seratus dengan harga seratus lima puluh.¹⁵⁹ Dalam kitab himpunan fatwa Ibn Taymiyyah, beliau mengatakan bahawa definisi *tawarruq* adalah seorang individu membeli barangan secara tertunggak, kemudian menjualnya secara tunai kepada penjual yang lain dengan harga yang lebih rendah dari yang dijualnya untuk mendapatkan tunai tersebut.¹⁶⁰ *Majma' Fiqh al-Islāmī* pula mengatakan bahawa *al-tawarruq* adalah pembelian aset dari kalangan harta penjual dan memilikinya dengan harga tertunggak. Kemudian pembeli menjualnya secara tunai kepada selain penjual asal untuk mendapatkan tunai.¹⁶¹ Konklusinya, *al-tawarruq* adalah pembelian barang secara bertangguh, kemudian menjualnya secara tunai kepada penjual yang lain dengan harga yang lebih rendah dari yang dibelinya untuk mendapatkan tunai tersebut. Tujuan *al-tawarruq* adalah untuk mendapatkan tunai tersebut.

¹⁵⁶ al-Shirāzī, Majd Al-Din Muhammad (2005). *al-Qamus al-Muḥiṭ, Mu'āsasah al-Risalah, Bayrūt*, 924

¹⁵⁷ Aprianto, N. E. K., & Nazilah, I. R. (2023). Analysis of the Concept of Tawarruq in the Perspective of Sharia Economic Law. *el-Uqud: Jurnal Kajian Hukum Ekonomi Syariah*, 1(1), 47-59.

¹⁵⁸ al-Maqdisi, I. M., & Muhammad, A. A. S. A. D. (1981). *Al-Furu' . Ed. Abd Al-Latif Muhammad Al-Subki. Bayrūt: 'Alam al-Kutub*.

¹⁵⁹ al-Buhuti, M. B. Y. (2003). Kasyaf Al-Qina' 'an Matn al-Iqna'. *Riyāḍ: Dār 'Alam al-Kutub*.

¹⁶⁰ Taymiyah, I. (1961). *Majmu' Fatāwā Shaykh al-Islām Aḥmad Ibn Taymīyyah. Riyāḍ: Maktabah al-Riyāḍ*, 1382, 8.

¹⁶¹ *Majma' Fiqhul Islāmī* (1998) Perjumpaan Persatuan Fiqh Islam Se-dunia yang kelima, *Makkah, ms 320*

Dari segi kewangan, Dr Abdillah al-Saidi mendefinisikan *bay' al-tawarruq* dengan penghasilan tunai dengan membeli komoditi dari bank dan mewakilkan orang lain untuk menjualnya dengan harga yang rendah kepada pembeli.¹⁶² Pelaksanaan *bay' al-tawarruq* dalam kredit kad Islam adalah di mana bank menjual aset kepada pemohon kad kredit dengan harga tertunggak. Pemohon kad kemudian menjual semula aset tersebut kepada pihak ketiga untuk mendapatkan tunai. Ini merupakan perbezaan *bay' al-ṭinah* dan *bay' al-tawarruq*; dalam *bay' al-ṭinah* hanya dua pihak sahaja yang terlibat manakala dalam *bay' al-tawarruq* tiga pihak terlibat. Hal ini dapat mengurangkan kontroversi helah yang ada dalam *bay' al-ṭinah*. Walau bagaimanapun, masih ada lagi perbezaan pendapat ulama dan pakar fiqh dalam konsep *tawarruq*. Jumhur ulama dari mazhab Ḥanafī Mālikī, Shafī'ī dan Ḥanbalī mengharuskannya dengan syarat pihak ketiga tidak boleh berpakat dengan penjual pertama. Antara ulama yang tidak membenarkan *bay' al-tawarruq* adalah dari mazhab Ḥanbalī iaitu Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim. Ibn Taymiyyah mengatakan bahawa tujuan jual beli dalam *bay' al-tawarruq* adalah untuk mendapatkan tunai, bukannya untuk mendapatkan aset yang dijual beli.¹⁶³

Antara salah satu jenis *bay' al-tawarruq* yang menjadi kontroversi dan menimbulkan perdebatan antara ulama adalah *tawarruq al-munazzam* iaitu *tawarruq* yang disusun (*organised tawarruq*). Jenis *tawarruq* ini ditegah kebanyakan ulama kerana helah yang terdapat di dalamnya kerana ketiga-tiga pihak disusun untuk mendapatkan tunai. Antara ulama yang mengharamkannya adalah Wahbah al-

¹⁶² 'Abdullah al-Saidī (2003). *Tawarruq Kamā Tajrīh al-Ma'ārīf fil Waqt al-ḥadīr, Majma' Fiqh al-Islāmī yang ke-10, Makkah*

¹⁶³ *ibid*

Zuhaylī. Beliau mengatakan bahawa *tawarruq al-munazzam* mengandungi unsur *ribā* dan kontrak *tawarruq* adalah satu bentuk helah.¹⁶⁴

3.3.4.3 Kontrak *Ujrah* Dalam Kad Kredit Islam

Ujrah adalah yuran atau caj perkhidmatan yang diberikan atas perkhidmatan bank dalam menyediakan kad kredit. Dari segi bahasa, *ujrah* membawa maksud ganjaran atau upah atas pekerjaan. Dari segi istilah pula, terdapat beberapa pandangan. Pertama, *ujrah* bermaksud harta yang dibayar kepada penerima upah atas kerja yang dilakukannya. Menurut fiqh pula, *ujrah* membawa maksud pembalasan yang diberikan kepada penerima upah atas khidmat, manfaat atau pekerjaan yang dilakukannya.¹⁶⁵ *Jumhūr ulamā'* tidak mempunyai apa-apa masalah dengan *ujrah*. *Ujrah* tidak dibahasakan secara panjang lebar dan semua pihak berpendapat bahawa *ujrah* adalah harus. Menurut SS, *ujrah* boleh didefinisikan sebagai caj pembiayaan untuk penggunaan perkhidmatan kewangan.

Kad kredit yang berasaskan *ujrah* diaplikasikan buat pertama kali adalah *Skywards Emirates Islamic Bank* (EIB) yang diterbitkan oleh EIB¹⁶⁶. Konsep *ujrah* di dalam kad kredit berasaskan struktur caj di mana tiada faedah dikenakan kepada pemegang kad. Ciri-cirinya yang berbeza dengan kad kredit konvensional adalah caj perkhidmatan tetap. Tiada peratusan caj tambahan dikenakan atas kelewatan pembayaran. Akan tetapi, caj yang dikenakan berlainan mengikut jenis-jenis kad. Di bawah konsep ini juga, bank Islam menjadi penjamin atas transaksi yang dilakukan oleh pelanggan. Oleh kerana itu, bank mempunyai hak untuk mengenakan caj yang berbeza

¹⁶⁴ Al-Zuhaylī, W. (2009, December). *Tawarruq, Its Essence And Its Types: Mainstream Tawarruq And Organized Tawarruq*. In *Organization Of The Islamic Conference The International Islamic Fiqh Academy In The 19th Session In April*.

¹⁶⁵ Miri Kazim (2016) *al-Ujrah Tobi'athā wa Thuruha* (Dirasah Muqaranah fil Fiqh Al-Islami), *Majalah Jamiah Babil, al-'Ulum al-Insāniah, Jilid 24/2, Jamiah Qadisiyyah*

¹⁶⁶ Farook, S. (2009). *Innovating Islamic Plastic: A Value Added Socially Responsible Alternative*. *Oxford Islamic Finance, Dār al-Istithmar*

mengikut perkhidmatan yang ditawarkan. Bank bergantung kepada caj pengurusan atau mana-mana caj perkhidmatan lain seperti caj tahunan dan lain-lain sebagai pendapatan utamanya.

3.3.4.4 Kontrak *al-Wakālah* dan *al-Kafālāh* Dalam Kad Kredit Islam

Selain itu, *al-wakālah* dan *al-kafālāh* merupakan kontrak sampingan yang menjayakan penubuhan kad kredit. *Wakālah* datang dari perkataan *wa ka la* (و ك ل) yang membawa maksud wakil. Selain dari itu, *al-wakālah* membawa beberapa maksud seperti perlindungan (الحفظ), cukup (الكفاية), tanggungan (الضمان) atau penyerahan (التفويض) yang juga membawa maksud memberi kuasa atau mewakilkan¹⁶⁷. Al-Asqalanī mendefinisikan *al-wakālah* sebagai penyerahan atau pemeliharaan¹⁶⁸. Kesimpulannya, dari segi bahasa, *al-wakālah* membawa maksud seseorang mewakilkan kepada orang lain kerana kelemahannya untuk menguruskan atau melakukan sesuatu pekerjaan.

Dari segi istilah pula, menurut ulama mazhab Mālikī, *al-wakālāh* adalah tindakan seseorang mewakilkan diri kepada seseorang yang lain untuk melakukan beberapa tanggungjawab yang merupakan haknya di mana tindakan ini tidak boleh dikaitkan dengan kuasa selepas kematian kerana itu sudah termasuk dalam bahagian wasiat. Ulama mazhab Ḥanafī pula mendefinisikan *al-wakālah* dengan seseorang mempercayai seseorang menggantikan dirinya dalam melakukan sesuatu pada bidang-bidang yang boleh dilakukannya. Ulama' mazhab Shāfi'ī berpendapat bahawa *al-wakālah* adalah satu pernyataan yang mengandungi satu pendelegasian sesuatu perkara

¹⁶⁷ Karim Helmi (2002). *Fiqh Muamalah*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h.20.

¹⁶⁸ al-Asqalanī, Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar. 1986. *Fath al-Bārī bi Syarḥ, Dārul Risālah al-'Ālamiyyah*, jilid 4, 606

oleh seseorang kepada individu lain yang boleh melaksanakan apa yang dikuasakan ke atasnya.¹⁶⁹

Bank-bank Islam yang menawarkan kad kredit Islam berdasarkan konsep *al-wakālah* akan membuat pembayaran untuk transaksi yang dilakukan kepada peniaga dan mengenakan caj kepada pemegang kad (*ujrah*) di bawah konsep *al-wakālah*.¹⁷⁰ Pada masa yang sama, pemegang kad akan dikenakan caj apabila mengeluarkan tunai iaitu caj untuk penggunaan perkhidmatan pengeluaran tunai. Caj agen akan boleh dikenakan pada jumlah tetap pada setiap transaksi atau ditentukan peratusannya dari jumlah transaksi. Kad ini tidak ada faedah atau caj-caj lain tetapi pemegang kad perlu membayar caj penerbitan, caj perkhidmatan tahunan, caj pembaharuan, caj penukaran kad dan caj penukaran mata wang. Contohnya, Bank Islam Jordan telah menutup fungsi pengeluaran tunai dari mesin ATMnya jika kad keluaran banknya digunakan. Akan tetapi jika kad kredit keluaran bank Islam Jordan digunakan pada mesin ATM bank-bank lain, fungsi pengeluaran tunai akan diaktifkan. Di sini konsep *al-wakālah* digunakan. Bank Islam Jordan sebagai wakil atau agen yang mewakilkan diri membayarkan wang kepada pemegang kad kredit.¹⁷¹

Al-Kafālah pula dari segi bahasa datang dari perkataan *ka fa la* yang membawa maskud jaminan, beban dan tanggungan.¹⁷² *Al-Kafālah* merupakan jaminan yang diberikan penjamin kepada pemberi hutang untuk memenuhi tanggungjawab ke atas yang ditangguh. Dari segi istilah, mazhab Mālikī, Shafī'ī dan Ḥanbalī bersepakat

¹⁶⁹ Permana, I., & Putria, U. (2022). Implementation Of Akad Al-Wakālah In Economic Transactions In Sharia Financial Institutions. *Amwaluna: Jurnal Ekonomi Dan Keuangan Syariah*, 6(2), 201-213.

¹⁷⁰ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance INCEIF), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

¹⁷¹ al-husban, A. A. A., Massadeh, A. A. M., & Haloush, H. (2021). The Islamic credit card as an electronic payment method: the technical trick in the installment payment contract as a financial product. *International Journal of Law and Management*.

¹⁷² Al-Barghish, H. M. S. (2009). *Khadāmāt al-Maṣārif al-Mu'āṣirah: Aḥkāmuhā wa al-Badā'il al-Sharī'ah Lahā. Dār al-Yusr, Kaherah*.

bahawa *kafālah* adalah penerimaan tanggungjawab ke atas hak seseorang individu.¹⁷³ Sayyid Sābiq mengatakan bahawa *al-kafālah* adalah *al-ḥamālat* (Denda, tanggungan).¹⁷⁴ Ibn Qudāmah memberi takrif *al-kafālah* sebagai menggabungkan tanggungan penjamin dengan orang yang dijamin dalam melaksanakan sesuatu hak iaitu hutang; maka hutang itu tertanggung ke atas keduanya.¹⁷⁵ *Al-Kafālah* juga boleh membawa maksud memindahkan tanggungjawab seseorang yang dijamin kepada pemegang tanggungjawab orang lain iaitu penjamin.

Munurut MPS BNM, *al-kafālah* adalah satu kontrak jaminan ke atas sesuatu barang dan perkhidmatan yang diberikan pemberi jamin kepada pihak-pihak yang terlibat. Antara ciri-ciri *al-kafālah* adalah untuk menyediakan khidmat jaminan untuk melengkapkan keperluan libiliti pihak yang dijamin.¹⁷⁶ *Al-Kafālah* adalah wajib disediakan oleh penjamin. Mekansime *al-kafālah* termasuklah pihak-pihak yang tertentu seperti penerima manfaat (مكفول له), penjamin (كفيل) dan pihak yang dijamin (مكفول عنه).

Pada tahun 1998, Sudin Haron membuat satu kajian di mana kontrak-kontrak syariah ini boleh dikumpulkan dalam satu kumpulan iaitu kontrak-kontrak caj perkhidmatan.¹⁷⁷ Di Malaysia, kontrak-kontrak yang tergolong dalam kategori ini adalah *al-wakālah*, *al-kafālah*, *al-hawālah* dan *al-ujrah*. Ini bermakna, pelanggan yang menggunakan kontrak-kontrak ini akan dikenakan caj perkhidmatan. Atas usahanya, penjamin mendapat imbalan tertentu dari orang yang dijaminnya. Dalam isu kad kredit, institusi pengeluar kad kredit adalah penjamin untuk pemegang kad dan peniaga merupakan pemberi hutang. Ada tiga pihak yang terlibat dalam kontrak perjanjian kad

¹⁷³ Ibid

¹⁷⁴ Sayyid Sābiq (1971). *Fiqh al-Sunnah, Dār al-Kutub Al-arbaʿ, Bayrūt, 1010*

¹⁷⁵ Ibn Qudāmah, A. B. A. (1968). *Al-Mughnī. Egypt: Maktabah Al-Kaherah. Jilid 8, ms 145*

¹⁷⁶ *ibid*

¹⁷⁷ Haron, S. (1998). A Comparative Study of Islamic Banking Practices. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics, 10*.

kredit ini. Akan tetapi terdapat isu di mana kontrak *al-kafālāh* adalah kontrak *al-tabarru'* atau *al-ta'āwun* iaitu bantuan atau pertolongan. *Jumhūr ulamā'* mengatakan bahawa penjamin tidak boleh mendapat upah atas khidmatnya kecuali balasan dari Allah swt.¹⁷⁸

Sesetengah penyelidik mengatakan bahawa hubungan di antara pemegang kad dan pengeluar kad mempunyai kedua-dua elemen *al-wakālah* dan *al-kafālāh*¹⁷⁹ kerana ia mempunyai perjanjian pinjaman daripada pengeluar kad kredit kepada pemegang kad, dan jika kad digunakan, kontrak *al-wakālah* dan *qard* terlaksana. Pengeluar membuat bayaran kepada peniaga atas pihak pemegang kad dan meminta semula bayaran pada waktunya. Oleh itu, penyelidik berpendapat bahawa jaminan bayaran yang ditawarkan oleh pengeluar kad di atas pihak pemegang kad adalah dari kontrak *al-kafālāh*. Walau bagaimana pun, ada beberapa elemen yang perlu ada untuk menjadikan sesuatu kontrak itu *kafālāh*. Pertama, pemiutang mesti meminta hutang kepada hutang dulu sebelum meminta kepada *kafīl* (penjamin). Ini bukanlah satu isu di dalam kad kredit kerana bayaran sudah pun dijamin oleh pengeluar sama ada pemegang kad mempunyai tunai atau pun tidak. Akan tetapi, yang perlu dititikberatkan adalah kad kredit selalunya digunakan untuk pengenalan, pengesahan peribādi dan untuk jaminan bayaran, terutamanya dalam transaksi atas talian.

3.4 Isu Kad Kredit di Malaysia Berdasarkan Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam

Di dalam subtopik ini, penulis akan membincangkan lima isu yang dikemukakan oleh MPS BNM di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam. Antara yang akan

¹⁷⁸ *ibid*

¹⁷⁹ IBRC (2015) *Studies In Banking Borrowing Cards And Cash Withdrawals (Arabic)*, Prepared by: Sheikh Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman, Kantakji

dibincangkan adalah latar belakang Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, isu kad kredit Islam berasaskan *bay' al-ṭinah* dan *al-wadī'ah*, isu kad kredit Islam berasaskan *ujrah*, isu perlindungan takaful kepada pemegang kad kredit, isu rebat dalam pemberian tunai semula (*cashback*) ke atas fi tahunan kad kredit Islam dan isu kad kredit Islam yang berasaskan akad *al-wakālah* dan *al-kafālah*.¹⁸⁰

3.4.1 Latar Belakang Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam

Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam ini, seperti yang dinyatakan di dalam Bab 1, merupakan satu buku kumpulan resolusi-resolusi yang dihasilkan oleh MPS BNM. Resolusi-resolusi yang dihasilkan merupakan kata putus yang disepakati oleh ahli MPS di dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan berkaitan dengan hukum-hukum produk atau kontrak kewangan Islam.

Resolusi-resolusi ini dihasilkan untuk merekodkan isu-isu syariah yang khususnya melibatkan kewangan Islam. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam ini menjadi rujukan utama penasihat-penasihat syariah setiap institusi kewangan Islam dan bank-bank Islam di dalam Malaysia. Resolusi pertama yang dibuat oleh ahli MPS adalah pada 8 Julai 1997.¹⁸¹ Dalam mesyuarat tersebut, terdapat dua keputusan syariah yang dihasilkan berkaitan dengan konsep ijarah dalam pembiayaan kenderaan dan *bay' al-ṭinah* dalam Terbitan Sijil Hutang Islam Boleh Niaga. Kedua-dua isu ini merupakan resolusi yang pertama dan kedua.¹⁸²

Setiap resolusi ini direkodkan dan dibukukan. Sehingga hari ini, terdapat tiga edisi Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam yang dihasilkan oleh MPS. Edisi pertama

¹⁸⁰ Majlis Penasihat Syariah (2011). Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi kedua, *Bank Negara Malaysia*

¹⁸¹ Laman sesawang MPS BNM, <http://sacbnm.org>

¹⁸² Hussain, M. A., Hassan, R., & Hassan, A. (2013). Resolusi Syariah oleh Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan Perspektif Undang-Undang. *KANUN*, 2(2), 220-237.

telah dimansuhkan dan digantikan dengan edisi yang kedua. Edisi kedua Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam ini pula mengandungi dua jilid yang berasingan. Jilid pertama mengandungi resolusi-resolusi syariah yang dikumpulkan pada tahun 1997 sehingga 2009. Jilid kedua pula mengandungi resolusi-resolusi yang dihasilkan pada tahun 2010 dan 2011. Sehingga tahun 2012, terdapat 149 resolusi yang telah dibukukan. Edisi ketiga yang diterbitkan pada tahun 2017 pula merupakan kesinambungan dari edisi pertama dan kedua.

Proses menghasilkan satu resolusi memerlukan kepada ijtihad kolektif dan pembuatan keputusan bersama ahli-ahli MPS. Selain dari ijtihad dan kaedah-kaedah penetapan hukum, peranan ahli-ahli MPS merupakan faktor penting dalam menghasilkan suatu hukum. Di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, terdapat lima isu yang berkaitan dengan kad kredit Islam. Kelima-lima isu ini dibentangkan untuk memastikan bahawa kad kredit mematuhi segala garis panduan syariah yang telah ditetapkan. Antara isu yang dikemukakan di dalam resolusi syariah ini ialah isu kad kredit Islam yang berasaskan akad *bay' al-ṭinah* dan *al-wadī'ah*, akad kredit Islam yang berasaskan *ujrah*, manfaat perlindungan takaful bagi pemegang kad kredit Islam, rebat dalam bentuk pemberian tunai (*cashback*) ke atas fi tahunan kad kredit dan kad kredit yang berasaskan akad *al-wakālah* dan *al-kafālah*.¹⁸³

3.4.2 Isu Kad Kredit Islam Berasaskan Akad *Bay' Al-ṭinah* dan *Wadī'ah*

Isu ini timbul apabila terdapat IKI yang mencadangkan untuk menawarkan perkhidmatan kad kredit Islam kepada pelanggannya. Seperti yang dibincangkan di dalam bab 2, mekanisme kontrak *bay' al-ṭinah* ini tercipta apabila IKI menjual aset kepada pelanggan pada nilai nominal campur keuntungan secara kredit pada tempoh

¹⁸³ Majlis Penasihat Syariah BNM (2010), Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam, *Bank Negara Malaysia*

yang ditetapkan. Kemudian pelanggan akan membayar semula aset tersebut kepada institusi kewangan pada harga nominal. Isu yang timbul dalam hal ini adalah sama ada kedua-dua kontrak yang digunakan dibenarkan di dalam Islam dan jika dibenarkan, adakah produk kad kredit ini boleh membiayai barangan *ribāwī* seperti emas, perak dan barangan makanan.

Isu utamanya adalah sama ada kad kredit boleh berasaskan akad *bay' al-ṭinah* dan *al-wadī'ah* atau pun tidak. *Bay' al-ṭinah* merupakan satu kontrak syariah yang baru. Ianya tidak pernah wujud secara literal pada zaman Rasulullah SAW. Para ulama' pada zaman dahulu mempunyai pendapat yang berbeza dalam menetapkan hukum *bay' al-ṭinah*. Ada golongan yang mengharamkannya dan ada golongan yang mengharuskannya. Antara yang mengharamkannya adalah dari kalangan mazhab Ḥanāfī, Mālikī dan Ḥanbalī. Mereka mengharamkannya berdasarkan dalil dari hadis Nabi Saw.

عن ابن عمر رضي الله عنه قال ، سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: إذا ضن الناس بالدينار والدرهم وتبايعوا بالعينة واتبعوا أذناب البقر وتركوا الجهاد في سبيل الله أنزل الله بهم بلاء فلا يرفعهم عنهم حتى يراجعوا دينهم

*Maksud: "Apabila manusia sangat bakhil dengan dinar dan dirham, dan mengurus niaga secara al-ṭinah serta mereka mengekori ekor-ekor lembu, lalu meninggalkan jihad fī sabilillah, nescaya Allah akan menurunkan bala ke atas mereka dan dia tidak akan mengangkatnya daripada mereka sehinggalah mereka kembali kepada agama mereka"*¹⁸⁴

Dalam athar dari 'Ā'ishah RA pula:

عن ابن إسحاق السبيعي عن امراته أنها دخلت على عائشة قد خلت معها أم ولد زيد بن أرقم فقالت: يا أم المؤمنين إني بعت غلاما من زيد أرقم بثمان مائة درهما نسيئة وإني ابتعته منه بست مائة نقدا. فقالت لها عائشة بئس ما شريت وبئس ما اشتريت، أبلغني زيد أنه قد أبطل

¹⁸⁴ Ibn Ḥanbal (1991), 'Abd Allah Muḥammad al-Darwish (ed.), al-Musnad lil-Imām Aḥmad Ibn ḥanbal, No. hadis: 4824 & 4825. j. 2. Bayrūt: Dār al- Fikr, h. 260-261

جهاده مع رسول الله إن لم يتب وأفحمت صاحبتنا فلم تتكلم طويلا ثم إنها سهل عليها فقالت: يا أم المؤمنين أرأيت إن لم آخذ إلا رأس مالي؟ فتلت عليها "فمن جاءه موعظة من ربه فانتهى فله ما سلف وأمره إلى الله..."

Daripada Ibn Ishāq al-Subay'ī, daripada isterinya bahawa dia telah menemui 'Ā'ishah RA dan masuk bersamanya Ummu Walad Zayd bin Arqam lalu berkata: wahai Ummu al-Mukminin, sesungguhnya aku telah menjual seorang hamba kepada Zayd bin Arqam dengan harga lapan ratus dirham secara tangguh, dan aku kemudiannya membelinya semula dengan harga enam ratus dirham secara tunai". Maka berkata 'Ā'ishah kepadanya: "itu adalah seburuk-buruk jual beli yang engkau lakukan. Sampaikan kepada Zayd bahawa dia telah membatalkan (pahala) jihadnya bersama Rasulullah jika dia tidak bertaubat". Perkataan "'Ā'ishah itu membuatkan sahabat kami terdiam lalu ia tidak berkata-kata agak lama. Kemudian setelah dia menerima katakata 'Ā'ishah itu lalu ia berkata, apakah pandangan puan jika saya hanya mengambil modalku sahaja?" lalu 'Ā'ishah membacakan firman Allah yang bermaksud: Maka sesiapa yang telah didatangi akan peringatan daripada tuhaninya lalu ia berhenti (meninggalkannya) maka baginya adalah modalnya dan urusannya adalah diserahkan kepada Allah [Al-Baqarah (2):275]¹⁸⁵

Menurut Athar ini, Aisyah RA mengencam perbuatan Zayd Ibn Al-Arqam dengan terbatalnya segala pahala jihad yang dilakukan bersama-sama dengan Rasulullah SAW. Di sini dapat menyimpulkan bahawa *bay' al-īnah* itu haram menurut kaedah *sadd al-dharā'i'*. *Sadd al-dharā'i'* merupakan salah satu dari kaedah-kaedah *uṣūl fiqh*. *Sadd* dari segi bahasa merupakan menghalang atau menutup. *al-dharā'i'* merupakan kata jamak kepada perkataan *dzarī'ah* yang membawa maksud jalan (الوسيلة) atau penyebab kepada tersambungnyanya sesuatu. Dari segi istilahnya pula, *sadd al-dharā'i'* merupakan perbuatan yang pada zahirnya merupakan diharuskan dan jalannya kepada perbuatan yang haram.¹⁸⁶ Para *usūliyyūn* mentakrifkannya sebagai menghalang jalan-jalan perkara yang harus pada zahirnya dan selalu mendorong kepada perbuatan yang haram. Ibn 'Asyūr mengatakan bahawa *sadd al-dharā'i'* adalah satu frasa dalam istilah-

¹⁸⁵ 'Ali bin 'Umar al-Dāraqutnī (2001), Sunan al-Dāraqutn, "*Kitāb Al-Buyū* ", No. hadis 2982. j. 3. Bayrūt: Dār Al-Ma'rifah, 52

¹⁸⁶ Ibn Manzur (1970), Lisanul Arab, Mutaba'ah al-Amiriah, j 32/18, Kaherah

istilah para fuqaha' untuk membatalkan amal-amal yang boleh menyimpang ke arah mafsadah yang besar walaupun pada zatnya, tiada mafsadah yang terlihat.¹⁸⁷

Imām al-Shatībī berpendapat bahawa sesuatu yang jarang-jarang membawa kepada *mafsadah* pada asalnya dibenarkan atas sebab kemaslahatan pada kebiasaannya jarang-jarang dilanggar kerana kebiasaannya tidak wujud pertembungan *maṣlahah* dan *mafsadah* kecuali jika jalan pertimbangannya terpesong dari kebiasaan kemaslahatan syariah. Menurut al-Shatībī juga, *sadd al-dharā'i'* asalnya adalah *syar'ī qat'ī* yang disepakati penggunaannya secara menyeluruh. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan pendapat ulama' dalam *tafāsīlīh* iaitu dari segi butiran atau secara terperinci. Imām al-Nawāwī mengatakan bahawa *maṣlahah* dan *mafsadah* tidak boleh bercanggah. Ia sangat penting untuk beramal ke atas *maṣlahah* dan meninggalkan *mafsadah*.

Menurut Wahbah al-Zuhaylī untuk menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu dilarang atau tidak, terdapat tiga cara. Pertama, objektif atau tujuan yang mendorong seseorang untuk melaksanakan sesuatu perbuatan, sama ada tujuannya menjurus ke arah halal atau haram. Kedua, hasil atau akibat dari perbuatan tersebut. Jika hasil perbuatan itu membawa ke arah kemudharatan atau mafsadah, maka perbuatan tersebut harus dicegah. Ketiga, suatu *maṣlahah* itu mesti membawa kebaikan kepada masyarakat umum bukan *maṣlahah* kepada seseorang individu sahaja.¹⁸⁸

Berbalik kepada Āthār 'Ā'ishah itu, ia menunjukkan bahawa *bay' al-'inah* pada asalnya adalah harus, akan tetapi *bay' al-'inah* membuka jalan kepada *mafsadah* atau haram. Oleh kerana itu, sebahagian dari para ulama mengharamkannya. Para ulama' dari kalangan mazhab Mālikī dan Ḥanbalī mengatakan bahawa *bay' al-'inah* dilarang kerana kesan daripada perbuatan tersebut, bukan hanya daripada formula atau bentuk

¹⁸⁷ Ibn' Ashur, M. A. T. (2001). *Maqāsid al-Shari'ah al-Islamiyyah. Amman: Dār al-Nafā'is.*

¹⁸⁸ al-Zuhaylī, W. (1987). *Uṣūl fiqh al-Islami, Dār al-Fikr, Damsyik, Juzuk 2, Ms 799*

bagaimana kontrak *bay' al-ṭinah* dilaksanakan. Jual beli seperti ini menimbulkan kecurigaan kerana tujuan yang tidak jelas. Menurut sebahagian dari kalangan mazhab Ḥanāfī pula, kontrak *bay' al-ṭinah* bersifat *fāsid* yang boleh merosakkan hukum kerana dasar transaksi ini yang dilakukan oleh penjual untuk membeli kembali barang yang dijualnya sebelum pembeli melunaskan bayarannya adalah tidak sah.

Selain dari itu, ada para ulama' yang mengharamkannya kerana *bay' al-ṭinah* merupakan satu helah untuk menghalalkan *ribā*. Seperti yang diketahui, *ribā* diharamkan berdasarkan nas-nas dari al-Quran dan hadis serta *ijmā'* ulama'. Akan tetapi, ada orang-orang yang mencari helah untuk beramal dengan ribadengan tidak dibebani dengan nas-nas yang nyata. Inilah yang dinamakan sebagai *bay' al-ṭinah*. Muhammad Ibn al-Asan al-Shaibānī, anak murid kepada Imam Abu Hanīfah, berpendapat dalam bahawa beratnya beban memakan *ribā* lebih berat dari mengangkat sebuah gunung.¹⁸⁹ Transaksi yang berasaskan *bay' al-ṭinah* melanggar banyak objektif-objektif asas dalam amalan perbankan Islam. Mafāsid yang terjadi hasil daripada *bay' al-ṭinah* mengatasi *maṣlahahnya*.

Ada juga para ulama' yang mengharuskan *bay' al-ṭinah*. Kebanyakan dari mereka yang mengharuskan *bay' al-ṭinah* ini daripada kalangan mazhab Shāfi'ī. Imām Shāfi'ī telah mengatakan di dalam kitabnya, *al-Umm*, bahawa apabila seseorang telah menjual suatu aset dalam satu tempoh dan pembeli telah menerimanya, maka tidak menjadi suatu kesalalahan jika dia membeli aset tersebut semula daripada orang yang telah membeli daripadanya dengan harga yang sedikit¹⁹⁰. Imām al-Subkī mengambil ayat-ayat Imām Shāfi'ī dengan menambah bahawa dibolehkan membeli semula barang tersebut secara tunai atau hutang kerana ia merupakan dua kontrak jual beli yang berbeza.

¹⁸⁹ al-Shaibānī, A. (1987). *Al-Musnad. Bayrūt: Dār al-Fikr*.

¹⁹⁰ al-Shāfi'ī (t.t), *Al-Umm*, h. 95.

Para ulama' yang mengharuskan *bay' al-ṭinah* juga mengatakan bahawa athar daripada 'Ā'ishah RA adalah athar dhaif. Hal ini kerana, seseorang daripada perawi athar ini, iaitu al-'Āliyyah Binti Anfa' adalah *al-majhulah*. al-Darāqutnī mengatakan bahawa beliau dianggap sebagai seseorang yang tidak diketahui yang membuatkan rangkaian sanad itu terputus. Dari segi matannya pula, para ulama' berpandangan bahawa 'Ā'ishah RA tidak boleh menentukan status ganjaran Zayd yang sama-sama pergi jihad bersama-sama dengan Rasulullah SAW kerana Zayd telah melakukan ijtihad dan berpandangan bahawa kontrak jual beli *al-ṭinah* dibenarkan. Walaupun tindakan Zayd itu salah, beliau akan diberi ganjaran kerana telah berijtihad di mana setiap ulama' yang berijtihad akan diberikan pahala oleh Allah SWT.

Pada Julai 1998, MPS telah mengharuskan penggunaan kontrak *bay' al-ṭinah* dalam menghasilkan produk-produk kewangan Islam. *Bay' al-ṭinah* diterima atas beberapa pertimbangan iaitu melalui firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَاَ

Terjemahannya: Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan ribā.
(Al-baqarah 2:275)

Menurut firman Allah SWT ini, *bay' al-ṭinah* terdiri dari dua kontrak jual beli yang berbeza dan berasingan dengan menggunakan lafaz yang sah di sisi syarak. Itulah asas yang digunakan untuk menghalalkan *ribā*, mengambil dalil yang nyata tanpa menyentuh niat sebenar. Menurut MPS, *bay' al-ṭinah* diharuskan selagi mana ianya tidak melanggar syarat-syarat sah kontrak yang telah ditetapkan oleh para ulama' mazhab Shāfi'ī.¹⁹¹ Syarat-syarat tersebut adalah:

¹⁹¹ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

- i. *Bay' al-ṭinah* mestilah mempunyai dua akad jual beli yang jelas dan berasingan
- ii. Tidak ada syarat pembelian semula aset dalam akad.
- iii. Tempoh untuk pemeteraian setiap akad adalah berbeza
- iv. Turutan pemeteraian adalah betul akad di mana akad jual beli pertama mestilah disempurnakan dulu sebelum akad yang kedua dimeterai.
- v. Mestilah berlaku pemindahan hak milik aset serta wujud penguasaan ke atas aset yang sah berdasarkan syarak dan amalan perniagaan semasa.

Dalam isu helah pula, para ulama' Malaysia berpendapat bahawa tidak semua helah dilarang. Malah, ulama' mazhab Hanafi dan Shāfi'ī secara umumnya mengharuskan helah selagi mana ia tidak bercanggah dengan hak-hak orang awam atau terlibat dengan perkara batil. Melalui kenyataan ini, MPS BNM telah mengharuskan helah sebagai bukti bahawa amalan *bay' al-ṭinah* adalah instrumen yang patuh syariah dan dianggap sebagai salah satu cara jalan keluar dari masalah (*makhrāj*) yang diperlukan oleh orang awam selagi mana ia menepati syarat-syarat yang ditetapkan¹⁹².

Walaupun kontrak *bay' al-ṭinah* dikatakan salah satu bentuk helah untuk menghalalkan ribā, hakikat yang boleh didapati adalah, *bay' al-ṭinah* merupakan kontrak jual beli yang halal. Antara hasil atau resolusi yang didapati adalah, walaupun *bay' al-ṭinah* mempunyai *mafsadah* dalam perlaksanaannya, *maṣlahahnya* bagi mengelakkan keterlibatan *ribā* yang sebenar. Untuk berjalan seiring dengan produk-produk konvensional, IKI perlu mencari alternatif yang tidak memudaratkan orang awam. Pada hal ini, beramal dengan kontrak *bay' al-ṭinah* lebih banyak *maṣlahahnya*

¹⁹² Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

dari beramal dengan ribā untuk memenuhi *ḥājīyyāt* pengguna awam dalam produk-produk pembiayaan.¹⁹³

Selain itu, untuk menyokong keharusan *bay' al-ṭinah*, adalah kemaslahatan *bay' al-ṭinah* untuk orang awam. Contohnya, untuk menangani masalah kekurangan kecairan (*liquidity shortage*) tanpa ada keperluan untuk menggunakan pinjaman berasaskan ribā. Dalam isu kad kredit Islam, pada awal penubuhannya, *bay' al-ṭinah* merupakan kontrak yang dipakai untuk mendapatkan tunai dengan cepat. Jadi, kontrak *bay' al-ṭinah* juga digunakan untuk menghasilkan kad kredit. MPS bersetuju bahawa konsep *bay' al-ṭinah* diharuskan dalam kad kredit Islam untuk menjadikannya alternatif lain selain daripada beramal dengan riba secara terus terang. Kemunculan *bay' al-tawarruq* pula menjadi alternatif kepada *bay' al-ṭinah* dengan adanya pihak ketiga dalam kontrak itu lebih baik. Menurut MPS, penggunaan kontrak *bay' al-ṭinah* masih diharuskan di Malaysia, akan tetapi penggunaannya dalam bank-bank Islam sudah berkurang. Selepas kematangan produk, kebanyakan bank tidak menggunakannya lagi.

Kontrak *al-wadī'ah* pula merupakan kontrak simpanan dalam IKI. Secara am dan khususnya, *wadī'ah* tidak mempunyai apa-apa unsur perkara haram atau bercanggah dengan hukum Islam. Konsep *al-wadī'ah* di sini adalah deposit simpanan yang menjadi perantaraan antara bank dan pemegang kad. Apabila pembeli menerima tunai hasil penjualan aset kepada bank, bank membuatkan sebuah akaun untuk menyimpan wang tersebut. Pemegang kad kredit Islam boleh menggunakan wang tersebut dan perlu membayar semula jumlah wang yang digunakan apabila sampai tempoh masanya.

¹⁹³ Ferdian, I. R., Dewi, M. K., & Rahman, F. K. (2008, August). The practice of Islamic credit cards: a comparative look between bank danamon indonesia's dirham card and bank Islam malaysia's BI card. *In IAEI International Conference* (pp. 1-13).

Model kad kredit telah dikenalkan oleh empat IKI iaitu “*al-Taslif Credit Card*” oleh AmBank yang dilancarkan pada Disember 2001, KBI yang dilancarkan oleh BIMB pada Julai 2002, “*al-Aiman Card*” oleh BSN yang dilancarkan pada Disember 2006 dan “*Ikhwan Card-I*” oleh Maybank Islam yang dilancarkan pada tahun 2008.¹⁹⁴ Dalam isu penggunaan *bay’ al-ṭinah*, antara sumber yang digunakan untuk penepatan hukum ini ialah masalah. *Bay’ al-ṭinah* merupakan satu kontrak yang penuh kontroversi. Akan tetapi sebelum ada alternatif lain seperti *bay’ al-tawarruq*, IKI perlukan satu kontrak yang mempercepatkan proses untuk mendapatkan tunai. Oleh kerana itu, *bay’ al-ṭinah* digunakan dengan asas bahawa ianya satu kontrak yang memberi kemaslahatan kepada ummah. Sejarah *bay’ al-ṭinah* yang ditubuhkan untuk mendapatkan tunai secara cepat segera dan memudahkan masyarakat untuk membuat pinjaman.

Ahli MPS sendiri bersetuju dengan adanya kontrak *bay’ al-tawarruq*, *bay’ al-ṭinah* tidak lagi menjadi satu kontrak yang diperlukan. Kebanyakan bank yang menggunakan kontrak *bay’ al-ṭinah* tidak lagi menawarkannya lagi dan telah bertukar kepada kontrak *bay’ al-tawarruq*. Di sini penulis dapat melihat bahawa ketetapan hukum syarak dalam kewangan Islam mengikut peredaran zaman dan sentiasa berubah dan berkembang ke arah yang lebih baik dan positif.¹⁹⁵

3.4.3 Isu Akad *Ujrah* dalam Kad Kredit Islam

Ada beberapa IKI mencadangkan penggunaan akad *ujrah* dalam kad kredit. Di bawah mekanisme ini, *ujrah* iaitu upah atau caj dikenakan ke atas pemegang kad kredit sebagai balasan penawaran perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan yang diberikan oleh institusi kewangan Islam. Isu yang perlu diselesaikan oleh MPS dalam kes ini adalah

¹⁹⁴ Noor, A. M., & Azli, R. (2009). A Review of Islamic Credit Card Using Bay’ Al-ṭinah and Tawarruq Instrument as Adopted by Some Malaysian Financial Institution. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1-20.

¹⁹⁵ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

untuk memastikan sama ada struktur kad kredit yang berasaskan *ujrah* ini bertepatan dengan syarak. Merangka struktur yang betul dan patuh syariah juga perlu dititikberatkan dalam menetapkan kontrak-kontrak yang ingin diaplikasikan di dalam sesebuah produk. Kontrak atau akad yang tidak sesuai boleh menjadikan sesebuah struktur produk tersebut tidak kukuh atau tidak patuh syariah.

Penggunaan konsep *ujrah* dalam akad kad kredit Islam adalah salah satu bentuk inovasi dan merupakan salah satu alternatif kepada pengguna *bay' al-ṭinah*. Konsep *ujrah* lebih telus dan tidak melibatkan kontrak tertentu seperti kontrak *bay' al-ṭinah* yang memerlukan kontrak sokongan aset. Selain itu, konsep *ujrah* menepati piawaian yang ditetapkan oleh AAOIFI yang memebenarkan institusi mengeluarkan kad kredit dan mengenakan caj untuk perkhidmatan pengeluaran tunai, bersesuaian dengan perkhidmatan yang disediakan, tetapi bukan caj yang berubah mengikut jumlah tunai yang dikeluarkan. Seperti yang dinyatakan di dalam piawaian AAOIFI:

“Pengeluar kad berhak menerima caj keahlian termasuk caj pembaharuan keahlian pemegang kad sebagai pembayaran perkhidmatan (*ujrah*) dari pemegang kad dibenarkan atas penggunaan perkhidmatan kad yang ditawarkan. Tambahan, pengeluar kad dibenarkan untuk menerima apa-apa caj yang datang dari harga objek daripada transaksi atau perkhidmatan sebagai upah (*ujrah*) menjadi orang tengah (*samsarah*), pemasaran (*taswīq*) dan kutipan hutang (*tahsil al-dayn*)”¹⁹⁶

Dalam al-Quran pula mempunyai dalil tentang keharusan *ujrah* atau memberi upah.

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ٢٦ قَالَ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ
أُنْكِحَكَ إِحْدَى ابْنَتَيَّ هَاتَيْنِ عَلَى أَنْ تَأْجُرَنِي ثَمْنِي حَجَجٍ ۖ فَإِنْ أَتَمَمْتَ عَشْرًا فَمِنْ
عِنْدِكَ وَمَا أُرِيدُ أَنْ أَشُقَّ عَلَيْكَ سَتَجِدُنِي إِِنْ شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّالِحِينَ ٢٧

Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah. Bapa perempuan itu berkata (kepada Musa):

¹⁹⁶ AAOIFI (2017) Shariah Standards for Islamic Financial Institutions

Aku hendak mengahwinkanmu dengan salah seorang dari dua anak perempuanku ini, dengan syarat bahawa engkau bekerja denganku selama delapan tahun; dalam pada itu, jika engkau genapkan menjadi sepuluh tahun, maka yang demikian itu adalah dari kerelaanmu sendiri dan (ingatlah) aku tidak bertujuan hendak menyusahkanmu; engkau akan dapati aku Insya Allah, dari orang-orang yang baik layanannya.[Al-Qasas:27]

Di dalam ayat surah al-Qasas ini, kita mendapati bahawa pada zaman Nabi Musā AS, konsep *ujrah* atau mengambil upah sudah pun berlaku. Untuk menolong Nabi Musa AS, Nabi Syu'ib AS telah mengambilnya sebagai pekerja dan upahnya adalah salah seorang dari kedua orang anak perempuannya. Di sini penulis dapat melihat bahawa konsep *ujrah* itu di mana, suatu pihak berkemampuan dalam memiliki harta atau wang tunai tetapi memerlukan khidmat dan pihak lagi satu memerlukan tunai dan mempunyai kemampuan dalam memberi khidmat. Konsep ini diharuskan oleh hukum-hukum Islam dan tidak lagi dijumpai ulama yang menolaknya. Dalam qawaid fiqhiah pula, konsep *ujrah* ini bertepatan dengan konsep:

الأصل في العقود والشروط الإباحة إلا ما دل الدليل على تحريمه

Maksudnya: *Asal dalam setiap akad dan syarat adalah harus kecuali ada dalil yang mengharamkannya.*

Konsep ini menjelaskan bahawa jika sesuatu tidak melanggar syariat, maka ianya dibenarkan untuk diamalkan. Dalil daripada sunnah pula didapati dalam *Sunān al-Kubrā* dari tulisan al-Bayhaqī, hadis no. 11343.

عن عبد الله بن عمر رضي الله عنهما قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: أعطوا الأجير أجره قبل أن يجف عرقه

Maksudnya: *Daripada Abdullah ibn Umar RA berkata: Rasulullah SAW bersabda: Berikan pekerja itu upahnya sebelum kering keringatnya.*¹⁹⁷

Hadis ini menjelaskan bahawa memberi upah atau hak kepada orang yang diupah atau pekerja pada waktunya tanpa bertanggung merupakan satu sunnah yang perlu

¹⁹⁷ al-Bayhaqī (1994) Sunan al-Kubrā. Maktabah Dārul Bāz, juz 6, h. 120, hadis no 1134.

diikuti. Apatah lagi memberi upah kepada haknya. Hadis dari *Sunan al-Kubrā* ini telah menjadi rujukan MPS untuk hukum *ujrah*. Oleh kerana pemberian *ujrah* merupakan sesuatu perkara yang harus dalam Islam, bahkan pada beberapa situasi, boleh menjadi sunnah. Dalam isu kad kredit Islam di Malaysia, MPS telah memutuskan bahawa kad kredit Islam yang berasaskan konsep *ujrah* dibenarkan dari segi syarak. Aplikasi *ujrah* di dalam kontrak kredit kad sebagai kontrak sokongan kepada kontrak-kontrak lain ¹⁹⁸ dan dibenarkan.

Pada isu pengenalan *ujrah* dalam pinjaman, MPS telah mengambil kata-kata daripada AAOIFI yang bersetuju bahawa konsep *ujrah* diharuskan dalam kontrak kad kredit Islam. Kebanyakan keputusan yang dibuat oleh MPS dirujuk dari AAOIFI atau mana-mana intitusi penasihat syariah di peringkat antarabangsa. Hal ini kerana, penasihat syariah AAOIFI juga menggunakan ijihad kolektif yang ketat. AAOIFI merupakan sebuah organisasi antarabangsa yang terkemuka yang bertanggungjawab dalam membangunkan dan menerbitkan piawaian syariah untuk IKI pada peringkat global.¹⁹⁹ Piawaian-piawaian syariah yang dikeluarkan oleh AAOIFI diikuti oleh lebih 45 negara di serata dunia termasuk MPS BNM dan semua insituti kewangan dan perbankan Islam di Malaysia. Justeru itu, peranan piawaian syariah AAOIFI penting dalam pembuatan keputusan oleh MPS BNM. Ijihad kolektif yang digunakan untuk menetapkan keputusan keharusan penggunaan *ujrah* dalam kontrak kad kredit Islam di Malaysia oleh AAOIFI juga digunapakai oleh MPS BNM.

Isu penggunaan *ujrah* di dalam kad kredit dikaitrapatkan dengan *qard*. Kontrak *qard* bersama *ujrah* ini dikritik sebagai menyerupai kad kredit konvensional. Akan tetapi, *ujrah* yang dikenakan dalam kad kredit Islam bukan berasaskan pinjaman. Ianya

¹⁹⁸ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

¹⁹⁹ <https://aaoifi.com/?lang=en>

berasaskan perniagaan barang dan perkhidmatan. Perkhidmatan yang disediakan oleh pihak bank dalam menguruskan kad kredit yang digunakan oleh pemiliknya. Antara bank yang menggunakan akad *ujrah* dalam penggunaan kad kredit termasuk HSBC Amanah dan *EON CAP Islamic Bank Berhad*.²⁰⁰ Hukum harus dalam kontrak *ujrah* ini disepakati oleh semua ulama' bahawa terdapat dalil yang jelas dalam al-Quran dan Sunnah. Menurut sumber utama syariah, iaitu al-Quran, dalam surah al-Qasas yang dinyatakan sebelum ini, *ijmā'* ulama mempunyai kata sepakat bahawa hukum *ujrah* ialah harus. Dalil ini disokong oleh dalil di dalam sunnah yang telah dinyatakan di dalam *Sunān al-Kubrā* oleh al-Baihaqī. Rasulullah SAW telah memberi arahan bahawa setiap orang yang bekerja harus diberi *ujrah*. MPS telah mengambil langkah untuk mengambil pendapat jumhur ulama' ini dan mengharuskan *ujrah* di dalam penggunaan kad kredit Islam.²⁰¹

3.4.4 Isu Perlindungan Takaful bagi Pemegang Kad Kredit Islam

Terdapat cadangan daripada institusi kewangan kepada MPS untuk menawarkan perlindungan takaful apabila berlaku sesuatu kepada pemegang kad yang menyebabkan individu tersebut hilang keupayaan untuk menjana pendapatan selama-lamanya dan tidak boleh membayar hutang kad kreditnya seperti kematian atau kecacatan kekal (*total permanent disability*). Dalam hal ini, jika kad kredit yang ditawarkan mempunyai manfaat takaful, pengeluar kad kredit akan membantu pemegang kad ini membayar hutangnya yang tertunggak bagi tidak membebankan ahli keluarga atau waris pemegang kad.²⁰² Dalam hal ini, MPS perlu menyelesaikan isu yang dicadangkan ini, sama ada

²⁰⁰ Noor, A. M., & Azli, R. (2009). A Review of Islamic Credit Card Using bay'Al-'īnah and tawarruq Instrument as Adopted by Some Malaysian Financial Institution. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1-20.

²⁰¹ Majlis Penasihat Syariah (2009) Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, *Bank Negara Malaysia*

²⁰² Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

perlindungan takaful peribadi sebagai salah satu bentuk manfaat yang dikenakan *ujrah* dibenarkan dari segi syarak.

Salah satu keistimewaan yang ditawarkan oleh kad kredit konvensional adalah perlindungan insuran ditawarkan kepada pemegang kad kredit. Takaful merupakan model alternatif untuk insurans konvensional. Takaful datang dari perkataan arab ka fa la yang membawa maksud bantuan bersama. Ini bermakna takaful didirikan dengan prinsip bantuan bersama. Takaful menyediakan perlindungan aset dan harta. Saranan bantu membantu ini terdapat dalam al-Quran, Surah al-Mā'idah ayat ke 2. Firman Allah SWT:

وَتَعَاوُنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوُنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
الْعِقَابِ ٢

Maksudnya: ...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya). [Al-Maidah:2]

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (AKPI) 2013 mendefiniskan takaful adalah “suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu”.²⁰³ Perniagaan takaful pula ditafsirkan sebagai “perniagaan yang berhubung dengan pentadbiran, pengurusan dan operasi kumpulan wang takaful untuk peserta takafulnya yang mungkin melibatkan elemen pelaburan dan simpanan...”²⁰⁴

²⁰³ Seksyen 2(1), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

²⁰⁴ ibid

Hukum takaful adalah harus. Keputusan MPS dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam selari dengan keputusan Akademi Fiqh OIC. Tiada percanggahan untuk penggunaan *al-wakālah* sebagai salah satu kontrak syariah dalam pelaksanaan takaful. Hal ini kerana, konsep *al-wakālah* itu dibenarkan oleh syarak.²⁰⁵

Pada 12 September 2007, ahli MPS telah memutuskan bahawa perlindungan takaful pada kad kredit konvensional tidak dibenarkan.²⁰⁶ Keputusan MPS ini berdasarkan pertimbangan bahawa kad kredit konvensional yang disediakan oleh bank atau syarikat kad kredit ditawarkan pakej perlindungan takaful. hal ini tidak dibenarkan kerana konsep *tabarru'* dalam takaful menyeru ke arah tolong menolong dalam kebaikan. Kad kredit konvensional yang berasaskan *ribā* bukan sesuatu kebaikan malah merupakan perkara haram yang dilarang oleh syarak. Apa-apa yang bercanggah dengan prinsip asas takaful secara kesuluruhannya adalah dilarang.

Dalam isu penawaran takaful dalam pakej kad kredit Islam, ahli MPS telah memutuskan bahawa pakej perlindungan takaful dalam kad kredit Islam dibenarkan. Akan tetapi, tidak dibenarkan mengenakan caj. Hal ini kerana pemegang kad kredit bukan peserta takaful dan hanya bayaran hibah dibenarkan.²⁰⁷ Antara prinsip asas syariah yang menjadikan manfaat perlindungan takaful harus bahkan digalakkan untuk diberikan kepada pemegang kad kredit Islam adalah *maṣlaḥah* iaitu kemudahan kepada pemegang kad. Manfaat takaful ini boleh mengurangkan beban hutang yang ditanggung pemegang kad atau ahli keluarga/waris yang tidak mempunyai keupayaan

²⁰⁵ Majlis Penasihat Syariah (2010). Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi kedua, *Bank Negara Malaysia*

²⁰⁶ *ibid*

²⁰⁷ *ibid*

untuk membayarnya. Hal ini beretepatan dengan ayat “tolong-menolong dalam kebaikan.”²⁰⁸

Caj perkhidmatan tidak boleh dikenakan pada manfaat takaful ini kerana caj yang dikenakan boleh menyerupai ribā. Konsep ini ditegah oleh MPS dalam hal ini. Setiap manfaat dan keistimewaan yang diberikan kepada pelanggan kad kredit harus berbentuk *tabarru'* atau hadiah sebagai galakan untuk pemegang kad menggunakan kad kredit dengan yakin.²⁰⁹ Takaful yang diberi sebagai manfaat kad kredit ini bertujuan demi kemaslahatan pemegang kad itu sendiri supaya jika ada keburukan yang berlaku atas pemegang kad yang akan menyebabkannya tidak mampu untuk membayar hutang dapat dielakkan. Konsep *maṣlahah* diaplikasikan dalam isu ini untuk mengharuskan penggunaannya. Selain itu dalam isu pemberian manfaat takaful kepada pengguna kad kredit pula, pada asal timbulnya isu ini apabila ada IKI datang merujuk kepada MPS untuk memasukkan manfaat perlindungan takaful dalam pakej kad kredit yang ada. Dalam kad kredit konvensional, MPS telah menolak penambahan manfaat takaful ini atas sebab ianya tidak menepati syarak.

Dalam kad kredit Islam pula, manfaat takaful dibenarkan selagi mana perlaksanaan dan strukturnya tidak bercanggah dengan syarak. Dalam isu pemberian takaful dalam kad kredit Islam, isu yang terlibat adalah manfaat ini tidak boleh terlibat dengan kontrak *ujrah*. Hal ini telah dirungkai dalam bab sebelum ini di mana pemberian takaful dalam akad kad kredit yang menggunakan *ujrah* menyerupai *ribā al-faḍl*. Perkara ini tidak dibenarkan di sisi syarak. MPS telah merujuk kitab *al-Mawsū'ah al-*

²⁰⁸ al-Maidah:2

²⁰⁹ ibid

Fiqhīyyah al-Kuwaitīyyah (Ensiklopedia Fiqh Kuwait) dari Kementerian Hal Ehwal Awam dan Islam Kuwait.²¹⁰

Ensiklopedia ini merupakan rujukan pakar-pakar *usūl fiqh* dalam membuat kajian tentang masalah-masalah dan isu syariah yang timbul. Ensiklopedia ini mengandungi hukum-hukum fiqh tentang perkara-perkara yang melibatkan ibadah, muamalat dan sebagainya. Ianya juga tidak terikat dengan mana-mana mazhab. MPS juga turut sama menggunakan ensiklopedia ini sebagai rujukan untuk menyelesaikan masalah-masalah syariah yang timbul dalam kewangan Islam.²¹¹

Takaful tidak dibenarkan dalam akad kad kredit Islam yang menggunakan kontrak *ujrah* kerana apabila merujuk dalam kitab *al-Mawsū'ah al-Fiqhīyyah al-Kuwaitīyyah* ini, ianya menyerupai *ribā al-faḍl*. MPS telah menggunakan definisi *ribā al-faḍl* untuk menyamakannya dengan kaitan *ujrah* dan takaful. Menurut informan dari MPS juga, tiada percanggahan syariah dalam isu takaful selagi mana tiada percanggahan di dalam struktur dan perlaksanaannya. Beliau juga menyatakan bahawa takaful dan pemberian tunai semula merupakan salah satu bentuk kemudahan dan masalah untuk pengguna kad kredit.²¹² Takaful dapat membantu pengguna kad kredit dan ahli keluarganya apabila mereka tidak dapat melangsaikan hutang atas faktor-faktor yang tak dapat dielakkan seperti kematian pengguna kad, kecacatan seumur hidup yang menghalang pengguna kad untuk terus bekerja dan sebagainya. Hal ini dapat mengurangkan beban pengguna kad serta ahli keluarganya. Tidak semua kad kredit

²¹⁰ Kuwait, K. W. (2006). *al-Mawsū'ah al-Fiqhīyyah al-Kuwaitīyyah: Kuwait. Dārul Salāsīl*.

²¹¹ *ibid*

²¹² Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

menawarkan manfaat takaful. Antara yang menawarkannya adalah Kad Kredit Ikhwan-I dari Maybank Berhad.²¹³

3.4.5 Isu Rebat dalam Bentuk Pemberian Tunai (*cashback*) ke atas fi Tahunan Kad Kredit

Konsep pemberian tunai (*cash back*) telah banyak digunakan dalam laman web Amerika Syarikat dan United Kingdom. Platform-platform tersebut menjadi tuan rumah kepada 2000 hingga 4000 kedai dan berinteraksi dengan lebih kurang 2.5 juta pelanggan yang membelanjakan lebih dari \$2.3 billion pada tahun 2013. Di Brazil pula, model pemberian tunai kini sedang berkembang dan telah memperolehi ruang dan sambutan yang lebih banyak. Walaupun modal pemberian tunai tidak boleh dibandingkan dengan program-program loyalti yang sudah berakar umbi dalam negara tersebut, tidak dinafikan bahawa rebat dalam bentuk pemberian tunai semula ini semakin meningkat. Menurut kajian dilakukan oleh *Total System Services*, lebih kurang 57 peratus rakyat Amerika Syarikat memegang sekurang-kurangnya satu kad kredit yang mempunyai manfaat pemberian tunai semula.²¹⁴

Pemasaran negara Cina yang dibangunkan oleh pemasaran bersekutu menguatkan lagi fungsi-fungsi untuk menyenangkan pelanggan dengan mengenalkan sistem pemberian tunai semula. Fanli.com merupakan medium yang pertama yang memperkenalkan sistem pemberian tunai semula ini di Cina pada tahun 2006. Perniagaan *Cashback* ini mula meningkat pada Jun 2010 apabila rangkaian tersebut mempunyai 280 perkongisian dengan rangkaian lain dengan lima belas juta ahli yang

²¹³Laman sesawang Maybank, https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/cards/credit/islamic_mastercard_ikhwan_gold_card-bm.page?

²¹⁴ Total System Services (2018). Consumer Payment Study, *TSYS, U.S.A*

berdaftar. Lebih 1.5 juta Yuan jumlah rebat yang diberi semula ke ahli-ahli setiap bulan. Jumlah rebat ini akan dimasukkan ke dalam akaun bank atau Alipay pelanggan.²¹⁵

Menurut kamus Cambridge, pemberian tunai didefinisikan sebagai : *a system in which banks or businesses encourage people to buy something by giving them money after they have bought it.* ²¹⁶ (Suatu sistem di mana bank atau syarikat menggalakkan pelanggan untuk membeli sesuatu dengan memberi mereka wang tunai semula selepas mereka membelinya.) Model pemberian tunai semula ini merupakan sebuah kenderaan promosi (*promotional vehicle*) yang membolehkan peniaga membezakan harga dalam kalangan pelanggan. Harga produk-produk berbeza mengikut kategori penerima tunai semula (*cash back*) dan bukan penerima tunai semua (*non-cash back user*). ²¹⁷

Dalam kad kredit pula, konsep pemberian tunai atau rebat ini juga banyak ditawarkan oleh syarikat-syarikat dan bank yang mengeluarkan kad kredit untuk menggalakkan pembayaran semula pada waktu yang ditetapkan. Konsep ini juga dicadangkan oleh IKI untuk diberikan kepada pemegang kad kredit Islam ke atas fi tahunan jika kad kredit digunakan sekurang-kurangnya dua kali sebulan. Masalah hukum yang perlu diselesaikan oleh ahli MPS adalah sama ada pemberian tunai ini dibolehkan atau tidak dalam kad kredit Islam. Pemberian tunai (*cash back*) merupakan salah satu bentuk keistimewaan yang diberikan kepada pemegang kad kredit Islam apabila beliau selesai membayar hutangnya atau pemotongan harga barangan atau rebat tunai apabila membeli sesuatu barangan atau perkhidmatan. Keistimewaan dan manfaat ini ditawarkan oleh bank untuk menggalakkan pemegang kad kredit membayar hutang tepat pada waktunya.

²¹⁵ Zhou, J., & Kasikitvorakul, C. (2013). Cash-back Websites: An empirical study of factors influencing customer loyalty.

²¹⁶ Dictionary, C. (2008). Cambridge Advanced Learner's Dictionary. *PONS-Worterbucher, Klett Ernst Verlag GmbH*.

²¹⁷ Ho, Y. C. C., Ho, Y. J. I., & Tan, Y. (2013, May). Online Cashback Pricing: A New Affiliate Strategy For E-business. In *Proceedings of the 34th international conference on information systems (ICIS)*.

Tiada isu besar dalam pemberian *cash back* dari bank sebagai pemiutang kepada penghutang iaitu pemegang kad kredit kerana ini adalah kelonggaran pemiutang kepada penghutang. Yang menjadi masalah jika pemberian tunai itu dari penghutang kepada pemiutang. Di sini timbul isu manfaat dan keistimewaan kepada pemiutang yang boleh menjurus kepada ribadan kezaliman. Selain dari itu, MPS juga telah memutuskan bahawa pemberian *cash back* ini perlu dalam bentuk hibah, bukannya *ujrah*. Hal ini kerana, jika *cash back* ini adalah salah satu bentuk *ujrah*, elemen *ribā* iaitu menukar tunai dengan tunai dengan harga yang berbeza. Sama seperti hukum *ujrah* dan takaful dalam kad kredit Islam, MPS telah merujuk *Mawsū'ah al-Fiqhīyyah al-Kuwaitīyyah* dari Kementerian Kuwait untuk menetapkan hukum tukaran tunai dengan tunai.²¹⁸ MPS telah menetapkan bahawa pemberian tunai daripada pihak bank kepada pemegang kad dibenarkan atas prinsip hibah, iaitu hadiah atau pemberian tanpa balasan.

3.4.6 Isu Kad Kredit yang Berasaskan *al-Wakālah* dan *al-Kafālah*

Beberapa pakar kewangan Islam mencadangkan penggunaan kontrak *al-wakālah* dan *al-kafālah* dalam pembentukan kad kredit Islam. Seperti yang dinyatakan dalam subtopik 3.3.4.4, *al-wakālah* merupakan sebuah kontrak wakil di mana seseorang mewakilkan diri kepada seseorang untuk melakukan sesuatu tanggungjawab. *Al-Kafālah* pula di mana seseorang itu bertanggungjawab menjadi penjamin kepada seseorang yang lain.

Melalui kedua kontrak ini, IKI memutuskan untuk mengeluarkan kad kredit kepada pelanggan dengan adanya had kredit yang ditetapkan. Kemudian, pemegang kad akan menggunakan kad kredit tersebut untuk membeli barang dan perkhidmatan di mana peniaga akan meminta pihak bank untuk membayar jumlah yang digunakan oleh pelanggan. Bank seterusnya akan meminta menghantar invois urusan niaga kepada

²¹⁸ *ibid*

pengantara antara bank peniaga dan IKI iaitu *Visa* atau *Mastercard*. *Visa/Mastercard* akan meminta IKI untuk menjelaskan jumlah yang diminta oleh bank peniaga.²¹⁹

Dalam konsep *al-wakālah*, *ujrah* perlu dibayar oleh pemegang kad kredit mengikut peraturan yang ditetapkan daripada had kredit kepada IKI yang menjadi wakil bagi pihak pemegang kad untuk menjelaskan pembayaran kepada peniaga.²²⁰ Dalam konsep *al-kafālah* pula, IKI menjadi penjamin dalam membuat pembayaran kepada *Visa/Mastercard*, untuk pembayaran yang dibuat kepada peniaga dan menjamin pembelian yang dibuat oleh pemegang kad kredit daripada peniaga.²²¹ Dalam isu *al-wakālah* dan *al-kafālah* ini, ahli MPS perlu menyelesaikan isu sama ada kontrak *al-wakālah* dan *al-kafālah* dalam kad kredit bertepatan dengan syarak dan strukturnya atau sama ada kaedah penetapan kadar peraturan *ujrah* daripada had kredit dibenarkan oleh syarak.

Kontrak *al-wakālah* dan *al-kafālah* mempunyai definisi literal yang hampir sama tetapi mempunyai perlaksanaan yang berbeza. Dalam perbankan Islam, kontrak *al-kafālah* lebih kepada *kafālah al-māl* iaitu jaminan kepada harta. Dalam kata erti lain, jaminan untuk memulangkan sesuatu harta kepada pemiliknya. Jenis *kafālah al-māl* yang digunakan dalam kontrak kad kredit Islam adalah *kafālah al-‘ayn*. *Kafālah al-‘ayn* ini adalah jaminan ke atas pembayaran barangan yang dibeli oleh pemegang kad kredit.²²² Dalam struktur kad kredit Islam, bank secara tidak langsung menjadi penjamin kepada pemegang kad untuk membayar hutangnya kepada peniaga. *Al-Kafālah* merupakan satu kontrak yang ada dalam kontrak-kontrak lain seperti kontrak *ujrah*,

²¹⁹ Chowdhury, M. S. A., Shahabuddin, A. M., Ullah, H., Haque, M. S., & Ahmmed, M. (2023). Comparative Study Of Islamic Credit Cards To Be Accepted: Muslim Consumers' perceptions. *American International Journal of Social Science Research*, 14(1), 1-8.

²²⁰ *ibid*

²²¹ Husni, A. (2023). Sharia Issues in Islamic Credit Card Based on Indonesia Practice. *JISRAH: Jurnal Integrasi Ilmu Syariah*, 4(2), 223-231.

²²² Mustakim, M. (2019). Analisis Hukum Ekonomi Syariah Terhadap Akad *Kafālāh Bil Ujrah* pada Produk Pembiayaan Haji Amitra FIF Group Cabang Semarang (*Doctoral dissertation, UIN Walisongo*).

bay' al-ṭinah atau *bay' al-tawarruq*. Kerana secara tidak langsung, bank menjadi penjamin kepada pemegang kad untuk membayar hutang-hutangnya. Dari sisi lain, untuk mendaftar kad kredit, pemegang kad juga perlu ada penjamin. Tiada isu untuk kontrak *al-kafālah* dalam hal ini kerana *al-kafālah* hanya satu kontrak sokongan. *Ujrah* yang dikenakan juga perlu dikenakan pada kadar yang tetap. Dalam konsep *al-wakālah* pula, terdapat isu atau permasalahan dalam struktur kerana dalam kontrak *al-wakālah*, *wakīl* iaitu orang yang mewakilkan hanya menjadi pengantara antara bank dan peniaga.

Contohnya, jika pemegang kad kredit membeli barangan berharga RM50 menggunakan kad kredit secara berhutang kepada peniaga. Jika menggunakan konsep *al-wakālah*, bank menjadi wakil pemegang kad untuk membayar harga barangan tersebut kepada peniaga dan pada masa yang sama, wang tersebut merupakan wang pinjaman kepada pemegang kad yang dipegang oleh bank. Di sini, boleh lihat bahawa tiada sesuatu yang jelas yang diwakilkan oleh bank kerana wang yang dibayar itu merupakan wang pinjaman dari bank juga. Barang yang diwakilkan iaitu wang tersebut jelas bukan milik pemegang kad dan tidak boleh diwakilkan. Penggunaan *al-wakālah* di sini tidak jelas. Selain itu, fungsi *al-wakālah* di sini hanya terhad kepada peranan bank mewakili pemegang kad, sedangkan banyak lagi manfaat dan keistimewaan yang boleh ditawarkan oleh bank kepada pemegang kad.

Kontrak *al-wakālah* tidak kuat untuk diaplikasikan dalam kontrak kad kredit. Oleh kerana itu, MPS menolak penggunaan *wakālah* dalam struktur kad kredit.²²³ Hal ini berbeza dengan *al-kafālah*. Dalam kontrak *al-kafālah*, bank hanya menjamin pemegang kad kredit tetapi tidak mewakili pemegang kad untuk membayarkan wang tersebut yang memang salah satu tanggungjawab bank apabila menerbitkan kad kredit. Konsep *al-kafālah* wujud dalam kontrak-kontrak kad kredit yang lain.

²²³ Hasnat, M. A., & Alom, S. (2017). The implementation of Kafālāh in Islamic banking and finance organizations in Malaysia. *Int J Sci Res Publ*, 7(7), 768-777.

Dalam hal berkenaan dengan konsep *wakālah bil ujrah* atau *kafālah bil ujrah*, para ulama' kontemporer mempunyai berbeza pendapat. Ibn Qudāmah telah mengatakan bahawa penjamin perlu menitikberatkan dan menjaga pembayaran hutang. Pembayaran hutang itu merupakan kewajipan orang yang dijamin.²²⁴ Jika *ujrah* dikenakan, pinjaman atau hutang tersebut menghasilkan untung untuk pemberi hutang. Ada pendapat lain mengatakan bahawa kondisi mengenakan caj fi dalam *al-kafālah* boleh menjerumus ke arah *gharar* (ketidakpastian) yang tidak dibenarkan syarak dan penjamin yang menjamin hutang orang lain dengan caj akan terlibat dengan *ribā*. Akan tetapi, ulama kontemporer mempunyai pendapat yang berbeza seperti Yusūf al-Qaradāwī, Sheikh Nazīh Hammād dan Sheikh 'Abdul Mānī'. Mereka berpandangan bahawa kontrak tabbaru' boleh tukar kepada akad *al-mu'āwadah* dengan syarat ahli lain dalam akad tersebut bersetuju. Pada masa yang sama pula, penjamin berhak mendapat upah atau balasan atas kerja atau usahanya menjadi penjamin.²²⁵

al-Zuhaylī membenarkan upah dalam *al-kafālah* atas dasar *maṣlahah* dan keperluan masyarakat.²²⁶ Di sini *maṣlahah* memainkan peranan lagi dalam menyelesaikan masalah fiqh. Kontrak *al-kafālah* bukan sahaja yang ada dalam kad kredit Islam. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kontrak *al-kafālah* merupakan kontrak sampingan di mana tanggungjawab bank bukan sahaja menjamin pemegang kad kredit. Jadi *ujrah* boleh dikenakan hanya pada kos-kos pentadbiran. *Ujrah* tidak boleh dikenakan secara peratusan. *Ujrah* hanya boleh dikenakan dengan jumlah yang tetap kerana *ujrah* secara peratusan kerana hal ini bertentangan dengan syarak seperti yang

²²⁴ ibid

²²⁵ Firdausi, F. A. (2019). Analisis Hukum Islam dan Fatwa DSN No. 57/DSN-MUI/V/2007 Terhadap Praktik Akad *Kafālāh Bil 'Ujrah* Pada Pembiayaan Konsumtif Di BMT UGT Sidogiri Capem Waru (Doctoral Dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).

²²⁶ ibid

ditetapkan oleh majlis penasihat syariah antarabangsa.²²⁷ MPS telah mengambil pendapat ini untuk menyelesaikan masalah syariah ini.

3.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, di dalam bab ini, penulis telah membincangkan konsep kad kredit konvensional dan Islam. Penulis mendapati bahawa ulama kontemporari telah bersepakat mengharuskan penggunaan kad kredit Islam dan mengharamkan penggunaan kad kredit konvensional. Penulis juga telah membincangkan kontrak-kontrak syariah yang digunakan untuk menghasilkan kad kredit Islam dan mendapati bahawa kontrak *bay' al-'inah* digunakan pada awal penubuhan kad kredit Islam di Malaysia tetapi ditukar kepada kontrak *bay' al-tawarruq*. *Ujrah* juga digunakan dalam majoriti bank-bank di Malaysia berdasarkan jadual yang dikemukakan oleh penulis. Isu perlindungan takaful kepada pemegang kad kredit dan rebat pemberian tunai semua ke atas fi tahunan kad kredit Islam pula tidak bercanggah dengan syarak selagimana manfaat ini tidak dikenakan upah. Kontrak *al-wakālah* dan *al-kafālah* juga merupakan kontrak sampingan dalam menghasilkan kad kredit Islam juga tidak mempunyai isu besar selagimana tiada caj-caj tersembunyi yang dikenakan.

²²⁷ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

BAB 4: ANALISIS IJTIHAD DAN KAEDAH YANG DIGUNAKAN MAJLIS PENASIHAT SYARIAH DALAM MENETAPAN HUKUM KONTRAK- KONTRAK KAD KREDIT ISLAM

4.1 Pengenalan

Di dalam bab ini, penulis akan membuat analisis berdasarkan bab sebelum ini dan temu bual bersama salah seorang ahli MPS BNM. Bab ini menunjukkan kembali bagaimana MPS menyelesaikan isu-isu yang terdapat dalam isu-isu kad kredit yang ada dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam. Di samping itu juga, di dalam bab ini penulis akan menganalisis kedudukan *maṣlaḥah* dan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam kad kredit Islam. Hal ini penting untuk kajian ini kerana *maṣlaḥah* banyak mempengaruhi keputusan-keputusan syariah yang dibuat oleh MPS dan *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan tujuan akhir sesebuah hukum syariah ditetapkan. Penulis juga membuat analisis kedudukan *maṣlaḥah* dan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam kad kredit Islam dengan menggunakan pendekatan *fiqh al-muwāzanāt*

4.2 Analisis Ijtihad yang Digunakan MPS Dalam Isu Kad Kredit

Dalam subtopik ini, penulis akan buat satu analisis tentang ijtihad dan proses pembuatan keputusan yang dilakukan oleh MPS dalam isu kad kredit Islam. Penulis membahagikan subtopik ini kepada dua bahagian. Dalam bahagian pertama, penulis akan membentangkan satu analisis bagaimana MPS penggunaan kaedah-kaedah *uṣūl fiqh* tertentu dalam menghasilkan kad kredit Islam berdasarkan isu-isu di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam dan langkah bagaimana MPS membuat keputusan dan ijtihad dalam penepatan sesuatu hukum.

4.2.1 Analisis Sumber-Sumber dan Manhaj yang digunakan oleh MPS dalam Menetapkan Hukum dalam Kontrak-Kontrak Kad Kredit

Dalam bahagian ini, penulis akan menganalisis sumber dan manhaj *uṣūl fiqh* yang digunakan oleh MPS untuk menetapkan hukum dalam kontrak kad kredit Islam berdasarkan isu-isu yang dikemukakan dalam bab 3. Menurut panel yang ditemu bual, beliau mengatakan sumber dan manhaj yang digunakan oleh MPS BNM dalam menetapkan hukum sama seperti yang digunakan dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam SS²²⁸. Di dalam resolusi tersebut, terdapat senarai sumber-sumber dan manhaj yang digunakan. Ahli MPS SS telah membuat sebuah garis panduan sumber-sumber dan manhaj yang perlu diikuti oleh ahli MPS dalam mengeluarkan suatu resolusi. Sumber-sumber dan manhaj ini tidak semuanya digunakan dalam setiap resolusi, hanya sumber atau manhaj yang berkaitan sahaja digunakan.

Shamsiah²²⁹, mengatakan bahawa sumber-sumber dan manhaj syariah serta kaedah-kaedah *uṣūl fiqh* yang digunakan dalam menetapkan hukum syariah dalam kewangan Islam adalah diperlukan. Hal ini kerana sumber-sumber dan kaedah *uṣūl fiqh* merupakan salah satu bahagian dalam metodologi penepatan hukum Islam yang perlu diperhatikan. Jika sumber-sumber dan manhaj ini tidak digunakan dengan baik, keputusan sesebuah hukum adalah tidak pasti dan tidak boleh digunakan. Shamsiah juga mengatakan bahawa ahli MPS menggunakan manhaj *ta'wīl, istiqrā'* dan *talfīq*. Mereka juga tidak mengesahkan kepada mazhab tertentu sahaja. Pandangan pakar-pakar dalam kewangan Islam di dalam dan luar negara juga diambilkira untuk menguatkan lagi kajian yang dibuat.

²²⁸ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

²²⁹ Mohamad, S. (2014). Aplikasi Syariah Dalam Mengembangkan Keuangan Islam (Analisis Sumber-Sumber Syariah dan Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Keputusan MPS-SS Malaysia). *al-Risālah*, 14(1), 1-22.

Sumber utama yang digunakan dalam isu kad kredit Islam ialah al-Quran itu sendiri. Dalam apa-apa isu syariah yang ada, setiap mujtahid perlu merujuk dulu kepada al-Quran iaitu sumber utama dalam syariah. Di dalam kitab al-Quran, tiada ayat atau nas tentang perintah atau larangan terang mengenai kad kredit. Akan tetapi, terdapat ayat yang menjadi kayu ukur kepada pengharaman kad kredit konvensional dan juga ayat yang mengharuskan kad kredit Islam. Tiada ijtihad yang boleh mengubahnya. Jadi, secara terang-terangan, *ribā* merupakan sesuatu yang haram. Ini merupakan garis ukur yang tersebar dalam kewangan Islam dan pengharaman *ribā* juga merupakan antara punca tertubuhnya kewangan Islam iaitu usaha pakar-pakar kewangan dan fiqh untuk mencari dan mencipta produk yang bebas dari *ribā*, *gharar* dan *maysir*. Apa-apa produk yang mempunyai unsur riba merupakan sesuatu yang haram dan kad kredit konvensional mengandungi *ribā*.

Di dalam surah al-Baqarah ayat 278-279, Allah SWT berfirman bahawa amalan *ribā* merupakan satu larangan yang jelas dan nyata. Secara umumnya, *ribā* merupakan asbab kepada pengharaman kad kredit konvensional. Sumber *qiyās* digunakan dalam ijtihad untuk menetapkan hukum kad kredit konvensional. *Qiyās* merupakan sebuah analogi deduktif di mana mujtahid mengaplikasikan hukum yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis kepada penepatan hukum yang baru. Penggunaan *ribā* di dalam kad kredit konvensional sebagai denda kepada pengguna kad kredit yang lewat membayar pinjaman daripada pihak bank merupakan *'illah* kepada pengharaman penggunaan kad kredit konvensional. Kaedah fiqh الأصل في الأشياء الإباحة (Ketetapan asal sesuatu perkara itu adalah harus) juga dipakai dalam hal ini dan menunjukkan bahawa sesuatu perkara itu harus pada asalnya dan menjadi haram jika wujud elemen haram di dalamnya.²³⁰

²³⁰ Mohammad Hashim Kamali, (2008). *Qawa'id Al-Fiqh: The Legal Maxims of Islamic Law. The Association of Muslim Lawyers*, 2

4.2.2 Langkah-Langkah yang Diambil oleh MPS dalam Membuat Ijtihad Dalam Isu Kad Kredit

Apabila menemui seorang ahli MPS, beliau telah mengatakan bahawa dalam setiap isu yang dikemukakan oleh IKI, ada tiga langkah yang dilakukan oleh MPS.²³¹ Perkara ini juga disokong oleh kajian yang ditulis A. Mustafa et al.²³² Pada peringkat awalnya, MPS akan mengenalpasti isu tersebut. Kemudian, MPS akan memulakan perbincangan tentang isu yang dikemukakan dalam mesyuarat berkala dan perbincangan akan diadakan. Dalam perbincangan inilah ahli-ahli MPS akan mengeluarkan pandangan dan pendapat masing-masing berdasarkan sumber dan manhaj *uṣūl fiqh* dan ijtihad. Langkah yang terakhir pula, MPS akan mengeluarkan keputusan yang disepakati antara mereka. Keputusan ini wajib diikuti oleh setiap institusi kewangan dan perbankan Islam serta sesiapa sahaja yang mengamalkan kewangan Islam.

Rajah 4.1 : Langkah-Langkah Membuat Ijtihad Dalam Isu Kad Kredit



Sumber: Olahan dari Penulis hasil dari temu ramah dengan ahli MPS

4.2.2.1 Mengenalpasti Isu

Pada peringkat awal, IKI akan mengemukakan isu atau produk yang ingin dirujuk kepada seketariat MPS. Sekretariat MPS merupakan sebuah urus setia yang ditubuhkan

²³¹ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

²³² Mustafa, A., & Ab Rahman, A. (2021). Tatacara Ijtihād oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam Menyelesaikan Isu Kewangan Islam. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)*.

di bawah seksyen 54 Akta Bank Negara Malaysia 2009²³³. Sekretariat ini berfungsi untuk membantu MPS. Menurut Manual Rujukan Institusi Kewangan Islam kepada MPS, fungsi-fungsi sekretariat adalah²³⁴:

1. Membantu MPS dalam menguruskan mesyuarat MPS khususnya mengenai perjalanan dan pentadbiran mesyuarat MPS.
2. Menyediakan input dan ulasan syariah termasuk menjalankan penyelidikan dalam isu-isu syariah yang dirujuk oleh pihak-pihak tertentu untuk dibincangkan dalam mesyuarat MPS.
3. Menyediakan minit mesyuarat MPS.

Peranan Sekretariat ini pula disenaraikan seperti berikut:

1. Mengenalpasti dan membincangkan isu-isu syariah yang akan dibincangkan
2. Menjalankan penyelidikan syariah dan menyediakan kertas syariah untuk perbincangan dalam mesyuarat
3. Menyelaras dan mengeluarkan notis mesyuarat kepada ahli-ahli MPS dalam tempoh yang bersesuaian
4. Melaksanakan tugas pentadbiran yang berkaitan dengan mesyuarat MPS termasuklah hal-hal berkaitan logistik, pembentangan kertas mesyuarat, rakaman dan minit mesyuarat atau apa-apa fungsi bagi memastikan pengurusan mesyuarat MPS menjadi efisien.

Menurut manual itu juga, sekretariat MPS akan mengadakan dulu pra-mesyuarat atau perbincangan bersama-sama dengan pihak yang mengemukakan isu atau produk

²³³ Seksyen 54, Akta Bank Negara 2009

²³⁴ Majlis Penasihat Syariah (2016). Manual Rujukan Institusi Kewangan Islam kepada Majlis Penasihat Syariah, *Bank Negara Malaysia*

baru sebelum dirujuk kepada ahli MPS.²³⁵ Hal ini bertujuan untuk memastikan ada isu syariah ke atas perkara yang dikemukakan dan ingin dirujuk. Ini adalah prosedur pertama yang perlu dititikberatkan dalam menapis apa-apa permintaan dari pihak IKI. Selain itu, sekretariat MPS perlu mengenalpasti keputusan yang sedia ada yang berkaitan dan memastikan bahawa tiada duluan dalam aplikasi dan konteks bagi perkara yang ingin dirujuk. Sekretariat MPS juga perlu memastikan bahawa tiada keputusan syariah yang dirujuk secara berulang. Secara asasnya, sekretariat MPS akan betul-betul memastikan bahawa isu yang dikemukakan dan ingin dirujuk oleh pihak IKI itu merupakan isu yang baru dan mempunyai keperluan kepada MPS untuk menyelesaikan isu tersebut. Selepas betul-betul disahkan isu yang hendak dibincangkan itu perlu, pihak IKI perlu mengisi borang khusus sekurang-kurangnya sebulan sebelum mesyuarat MPS.

4.2.2.2 Perbincangan

Pebincangan tentang isu syariah bermula apabila sekretariat MPS mengesahkan isu syariah yang perlu kepada ijtihad, keputusan atau perbincangan MPS. Menurut informan dari ahli MPS, langkah ini merupakan langkah terpenting dalam menyelesaikan isu-isu dan masalah syariah yang terdapat dalam kewangan Islam. Dalam langkah ini, ahli MPS akan melihat kepada asas-asas syariah yang terdapat dalam kitab-kitab syariah, fiqh, muamalat dan sebagainya, hasil resolusi muktamar-muktamar besar, resolusi-resolusi dari AAOIFI, pandangan ulama-ulama lama mahupun kontemporari dan pandangan-pandangan dari pelbagai pihak untuk sesuatu isu kewangan itu.²³⁶

Dalam langkah ini juga, MPS akan sama-sama berijtihad, memberikan pandangan masing-masing dan bersetuju dengan satu keputusan. Ahli MPS juga akan

²³⁵ ibid

²³⁶ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

merujuk sumber-sumber syariah seperti al-Quran, hadis , *ijmā'* ulama terdahulu, *qiyās* dan sumber-sumber lain, kitab-kitab fiqh, pandangan-pandangan ulama terdahulu atau kontemporari serta pandangan penasihat-penasihat syariah di peringkat antarabangsa seperti AAOIFI untuk membuat keputusan. Ijtihad mereka berdasarkan manhaj-manhaj ini.

Seperti yang dinyatakan di dalam subtopik 4.3.1, ahli MPS BNM juga menggunakan kayu ukur yang sama dengan MPS SS dalam menetapkan hukum iaitu sumber dan manhaj yang sama. Menggunakan sumber dan manhaj tersebut, ahli MPS membuat *takyīf fiqhī*, istinbat al-hukum, pendapat ulama-ulama terdahulu dan kontemporari, ahli MPS akan membincang dalam mesyuarat untuk mendapatkan satu resolusi. Jika terdapat percanggahan pandangan, pandangan yang mendapat sokongan majoriti akan diambil. Proses perbincangan ini tidak didedahkan kepada masyarakat umum, akan tetapi hanya satu resolusi sahaja yang dikeluarkan bagi setiap isu yang dikemukakan.

4.2.2.3 Mengeluarkan Keputusan

Selepas ahli-ahli MPS berbincang dan mengeluarkan pendapat masing-masing tentang isu yang dikemukakan, mereka akan bersepakat kepada satu pandangan sahaja. pandangan ini yang akan dikeluarkan sebagai resolusi syariah. Setiap resolusi yang dikeluarkan oleh MPS adalah wajib untuk diikuti oleh setiap IKI serta individu-individu yang beramal dengan kewangan Islam di Malaysia. Tujuan hanya satu resolusi sahaja dikeluarkan adalah untuk memudahkan pihak IKI, pengguna dan masyarakat umum untuk mendapatkan garis panduan mengaplikasikan kontrak-kontrak syariah dalam kewangan Islam. Setiap keputusan yang dikeluarkan oleh MPS adalah muktamad dan wajib diikuti setiap pihak.

Keputusan-keputusan ini kemudian dibukukan dalam satu buku Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam.²³⁷ Ahli-ahli MPS merupakan mereka yang pakar di dalam bidang ekonomi, kewangan, *uṣūl fiqh* dan perundangan. Pelbagai latar belakang pendidikan dan kepakaran merupakan kekuatan MPS untuk menetapkan hukum sebuah keputusan. Dalam aplikasinya di dalam kewangan Islam, penting untuk setiap ahli MPS untuk mempunyai kepakaran dan ilmu dalam isu-isu yang ingin diijtihad dan dibincangkan sebelum mengeluarkan keputusan dan resolusi yang muktamad. al-Sa'di berkata bahawa seorang *al-hākim* (yang menetapkan hukum) tidak menghukum dan membuat keputusan sehingga beliau mempunyai pengetahuan yang mendalam berkenaan dengan hukum syarak secara keseluruhan dan juga secara terperinci dari semua sisi.²³⁸ Atas sebab itu, ia menjadi penting dan tepat apabila penepatan suatu hukum berdasarkan prinsip dan garis panduan syarak.

Seperti yang dinyatakan dalam langkah pertama, mengenalpasti isu atau masalah yang ingin dikemukakan adalah perkara yang penting sebelum membincangkan masalah yang ada. Dalam mengenalpasti isu yang ada, ahli MPS perlu betul-betul faham isu dan masalah produk yang ada serta struktur produk yang dikemukakan. Kaedah ini merupakan satu kayu ukur yang kuat dalam peranan pakar-pakar *uṣūl fiqh* dan kewangan Islam untuk menetapkan hukum dan resolusi dalam masalah yang timbul atau untuk mengkaji struktur kontrak produk-produk yang ingin ditawarkan oleh IKI di Malaysia.

Selain itu, Antara isu yang timbul dalam hal ini juga adalah apabila ada kritikan yang ditujukan kepada MPS di dalam beberapa kajian lain. Antara kritikan yang dilontarkan adalah kesangsian beberapa pihak mengenai kompetensinya MPS dalam

²³⁷ *ibid*

²³⁸ Abu al-ḥaj, S. (2016). The Era-Based Classification of the Jurisprudential Levels of the Mujtahidin of the Hanafis.

mebuat keputusan dalam masalah-masalah kewangan Islam.²³⁹ Isu tiada langkah-langkah ijtihad dan proses pembuatan keputusan yang dinyatakan untuk masyarakat awam. Ada juga kritikan yang mengatakan bahawa penggunaan *talfiq* yang digunakan dalam membuat keputusan syariah di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam²⁴⁰. *Talfiq* ialah satu manhaj di mana pelbagai mazhab digunakan untuk menghasilkan satu hukum syariah tetapi isu ini telah diselesaikan di mana ahli MPS telah mengatakan bahawa perbezaan mazhab tidak menjadi satu isu di dalam penetapan hukum. MPS akan mengambil dulu pandangan ulama' mazhab Shāfi'ī terlebih dahulu sebelum mazhab lain. Akan tetapi, MPS tidak terlalu ketat untuk mengambil pandangan mazhab-mazhab lain.

Antara sebab ketidakterikatan MPS kepada pandangan sesebuah mazhab adalah kerana dalam menyelesaikan isu-isu dan masalah yang ada dalam kewangan Islam, MPS akan melihat kepada sudut impak negatif sesebuah keputusan kepada masyarakat.²⁴¹ MPS sangat mengambil berat tentang masalah sesebuah kontrak produk kewangan Islam kepada masyarakat umum. Dalam membuat kajian dan analisis tentang sesebuah produk, MPS akan membuat penilaian sejauh mana produk tersebut memberi impak negatif kepada masyarakat dan ekonomi negara. Ianya merupakan sebuah elemen terpenting dalam membuat keputusan syariah.

²³⁹ Asni, F. A. H. M., & Sulong, J. (2018). The Model of Istibat by the Shariah Advisory Council of Central Bank of Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(1), 218-248.

²⁴⁰ Mohd Hafiz, J. (2016). Aplikasi Talfiq Dalam Resolusi Syariah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia/Mohd Hafiz Jamaludin (*Doctoral dissertation, University of Malaya*).

²⁴¹ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

4.3 Analisis Kedudukan *Maqāṣid al-Sharī'ah* dan *Maṣlahah* Dalam Isu Kad Kredit Islam

Maqāṣid al-sharī'ah dan *maṣlahah* merupakan salah satu manhaj penting dalam sesuatu hukum syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam. Ketika kajian ini dijalankan, penulis mendapati bahawa *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan asas dan manhaj yang sering digunakan untuk menetapkan hukum yang berkaitan dengan kad kredit. Seperti yang dinyatakan dalam subtopik sebelum ini, melihat kepada kemaslahatan sesebuah produk kewangan Islam itu merupakan sebuah elemen yang dititikberatkan oleh MPS dalam membuat keputusan dan menyediakan resolusi.

Selain dari manhaj atau metode *maṣlahah* yang digunakan dalam menetapkan hukum-hukum produk kewangan Islam, manhaj yang digunakan oleh MPS dan penasihat-penasihat syariah lain adalah *qiyās* yang berdasarkan kontrak-kontrak syariah yang pernah dikeluarkan sebelum ini. Kedua-kedua metode ini selari antara satu sama lain. Akan tetapi, antara permasalahan yang wujud dalam isu-isu fiqh dalam kewangan Islam adalah ianya tidak berkembang²⁴² jika IKI hanya bergantung kepada teks-teks dari kitab lama. Majlis-majlis penasihat syariah perlu membuat keputusan dan ijtihad berdasarkan *maṣlahah* yang lebih luas dan fleksibel.²⁴³ Kegagalan untuk merealisasikan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam masyarakat dan persekitaran yang sering berubah, akan menjurus ke arah kegagalan menangani keperluan masyarakat dan menyumbang keberkesanan perkembangan ekonomi masyarakat Islam. Untuk mengelakkan hal ini, majlis-majlis penasihat syariah perlu keluar dari rangka kerja semasa dan perlu memikirkan metode-metode baru untuk menyelesaikan masalah yang ada dalam

²⁴² Pollard, J., & Samers, M. (2013). Governing Islamic Finance: Territory, Agency, And The Making Of Cosmopolitan Financial Geographies. *Annals of the Association of American Geographers*, 103(3), 710-726.

²⁴³ Siddiqi, M. N. (2006). Islamic Banking And Finance In Theory And Practice: A Survey Of State Of The Art. *Islamic Economic Studies*, 13(2).

kewangan Islam. Dalam subtopik ini, penulis akan membuat analisis tentang kedudukan masalah dan *maqāṣid al-sharī'ah* dalam isu-isu kad kredit yang telah dianalisis sebelum ini.

4.3.1 Analisis Aplikasi Konsep *Maṣlahah* dan *Mafsadah* Dalam Kad Kredit Islam

Maṣlahah merupakan salah satu prinsip yang selalu digunapakai oleh MPS dalam menetapkan keputusan dalam kewangan Islam. Perkataan *maṣlahah* datang dari perkataan *ṣalah* yang membawa maksud damai dan baik. Imām al-Shatibī mengatakan bahawa sesuatu yang boleh mendatangkan manfaat dan memberi kesejahteraan dikira sebagai *maṣlahah*.²⁴⁴ Perkara yang dikatakan membawa *maṣlahah* ialah perbuatan manusia yang memberi manfaat dan kesan positif kepada diri sendiri khususnya dan masyarakat amnya. Dari segi istilahnya pula, *maṣlahah* merujuk kepada perlindungan terhadap objektif syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta melalui pendekatan mengambil manfaat dan menjauhi kemudharatan.

Maṣlahah menurut al-Ghazālī bermaksud menghasilkan kebaikan atau menghindari keburukan. Menurutnya, pengertian mencipta kebaikan dan mencegah keburukan adalah matlamat hamba dan mencapai kesejahteraan apabila matlamat itu tercapai.²⁴⁵ Marina et al juga mengatakan ada beberapa syarat *maṣlahah* yang perlu dicapai sebelum MPS mengeluarkan resolusi. Antaranya ialah *maṣlahah* mesti selaras dengan undang-undang syariah, tidak boleh bercanggah dengan dalil dan syariat Islam asas yang lain dan mesti mempertimbangkan *maṣlahah* daruriyyat dan hajiyyat. Ciri-ciri *maṣlahah* mestilah umum dan *qat'ī*. Maksudnya, ciri-ciri *maṣlahah* itu perlu memberi

²⁴⁴ Hassan, K.R. (1998). *Ma'jam Uṣūl fiqh, lildirasāt insāniah*, ms 268

²⁴⁵ Bakar, M. A., Abdul Rahim, A. K., & Ismail, C. Z. (2021). The Application Of *Maṣlahah* In Islamic Finance And Banking Products & Fatwa Resolutions In Malaysia. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27(1), 2793-2810.

impak dan manfaat kepada orang awam dan digunakan sebagai asas kepentingan individu. Oleh itu, ulama' berpendapat bahawa suatu *maṣlahah* itu perlu menjadi umum dan menjadi kebiasaan yang menyeluruh.²⁴⁶

Untuk menilai bahawa kad kredit Islam membawa kemaslahatan atau tidak, penulis telah menganalisis manfaat-manfaat kad kredit Islam kepada pengguna kad, penerbit kad dan peniaga. Dari sisi manfaatnya kepada pengguna, kad kredit lebih efisien dan diterima oleh kebanyakan negara. Jika pengguna kad ingin ke luar negara, lebih mudah untuk mereka menggunakan kad kredit sebagai medium transaksi dan tidak perlu mengeluarkan jumlah wang tunai yang banyak sehingga boleh mendatangkan risiko yang tinggi seperti kecurian, kehilangan dan sebagainya. Jika ada kehilangan atau kecurian yang berlaku, risiko ini dapat dielakkan dan dikurangkan hanya dengan menghubungi syarikat penerbit kad kredit untuk menghalang penggunaan kad tersebut. Kerugian wang dapat dikurangkan. Kad yang sudah dihalang tidak dapat digunakan sebagai alat pembayaran. Selain itu, kad kredit memudahkan urusan dan praktikal untuk pengeluaran tunai daripada ATM pada bila-bila masa apabila pengguna memerlukan tunai.

Dari segi penerbit kad kredit Islam pula, iaitu pihak bank atau mana-mana IKI yang mengeluarkan kad kredit, boleh mendapat manfaat dengan merasa aman dan tenang dengan keselamatan penggunaan kad kredit dalam transaksi yang dilakukan oleh pengguna. Selain itu, penerbit kad kredit dapat memperluaskan lagi jaringan pengagihan kad kredit di kalangan bank-bank. Perkara ini penting untuk mendapat kepercayaan bank-bank dalam mengambil inisiatif untuk menukar sistem kad kredit mereka kepada kad kredit yang patuh syariah. Sejurus itu, hal ini secara tidak langsung

²⁴⁶ ibid

dapat mempromosikan penggunaan kad kredit Islam dan kad kredit kad Islam kepada masyarakat umum.²⁴⁷

Jika lihat dari sudut manfaat kepada pihak bank iaitu *acquirer*, sistem kad kredit Islam ini dapat meluaskan lagi rangkaian mempromosikan penggunaan bank tersebut. Dengan cara ini, masyarakat lebih mengenali sistem perbankan Islam dan berminat untuk beramal dengannya. Perkara ini boleh menunjukkan bahawa *maṣlahah* kad kredit Islam lebih tinggi daripada mafsadahnyanya. Apabila pelanggan mula berminat kepada kad kredit, bank boleh mengambil peluang ini untuk menawarkan dan mempromosikan produk-produk kewangan islam yang ditawarkan oleh bank Islam yang boleh menjadi alternatif kepada produk perbankan konvensional.²⁴⁸

Dalam isu kad kredit yang pertama, iaitu penggunaan *bay' al-ṭinah* sebagai dasar sesebuah kontrak kad kredit Islam, MPS telah mengharuskan penggunaannya walaupun dikatakan bahawa kontrak *bay' al-ṭinah* ini kontroversi dan merupakan sebuah helah untuk menghalalkan *ribā*. MPS menafikannya dan mengatakan bahawa penggunaan *bay' al-ṭinah* diteruskan penggunaannya sehingga jumpa dengan alternatif yang lebih sejahtera. Hal ini kerana *bay' al-ṭinah* pada ketika kemunculannya dulu merupakan satu kontrak yang diperlukan untuk mendapatkan tunai dengan kadar segera.²⁴⁹ Kad kredit pula merupakan satu produk yang banyak memudahkan masyarakat dalam perbelanjaan harian.

Kontrak *bay' al-ṭinah* dalam kad kredit Islam bertepatan dengan *qawā'id fiqhiyyah* yang mengatakan bahawa “mengambil mudarat yang lebih ringan di antara

²⁴⁷ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

²⁴⁸ *ibid*

²⁴⁹ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

dua mudarat”²⁵⁰ Ini bertepatan dengan konsep *maṣlahah*. Dalam syarat-syarat *maṣlahah*, salah satunya adalah sesuatu hukum yang manfaatnya lebih besar dari *mafsadah* atau keburukannya. Ahli MPS juga telah mengatakan bahawa pada saat ini, penggunaan *bay’ al-‘īnah* sudah berkurang sejak kemunculan kontrak *bay’ al-tawarruq* yang lebih baik.²⁵¹ Dalam isu kontrak syariah yang mana merupakan kontrak paling memudahkan pelanggan dan pihak bank, di sini pihak MPS telah berpendapat bahawa produk yang dikeluarkan dari mana-mana kontrak yang telah dibenarkan oleh MPS baik dari segi harusnya dari sisi syarak dan dari segi strukturnya, semuanya tidak menjadi masalah kerana hasilnya yang sama iaitu pelanggan dapat menggunakan kad kredit Islam. Pelanggan hanya perlu memilih kontrak apa yang mereka inginkan dan pakej yang paling menepati cita rasa mereka.

Maṣlahah telah menjadi konsep yang penting dalam menyelesaikan isu operasi perkhidmatan dan produk perbankan dan kewangan Islam untuk mencapai *maqāṣid al-sharī‘ah*. Untuk tujuan itu, penulis mendapati bahawa perlaksanaan pendekatan konsep syariah dalam menentukan kontrak-kontrak dalam produk-produk dan perkhidmatan kewangan dan perbankan Islam merupakan pendekatan yang baharu dan lebih sejahtera untuk digunakan.

4.3.2 Analisis Aplikasi Maqāṣid al-sharī‘ah dalam Isu Kad Kredit

Maqāṣid al-sharī‘ah merupakan objektif atau tujuan yang ingin dicapai oleh syariah ketika menetapkan hukum.²⁴⁸ *Maqāṣid* datang dari perkataan *qa ṣa da*. Sebelum apa-apa keputusan syariah atau ijtihad dibuat dalam kewangan Islam, seorang mujtahid perlu faham tujuan (*maqāṣid*) dan jalan atau cara untuk mencapainya (*wasāil*). Berdasarkan

²⁵⁰ Washil, N. F. M., & Azzam, A. A. M. (2023). *Qawaid Fiqhiyyah. Amzah. Ms 20*

²⁵¹ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

penulisan Jasser Auda²⁵², beliau mengatakan bahawa *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan hikmah atau tujuan sesuatu masalah hukum diselesaikan dan tujuannya untuk mempertingkatkan perpaduan sosial. dengan kata lain, *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan tujuan untuk mencapai *maṣlahah* dalam sesuatu hukum. Beliau membahaskan tentang kepentingan menggunakan *maqāṣid al-sharī'ah* sebagai asas dalam menyelesaikan perbezaan pendapat dalam kalangan ulama.

Pendekatan *maqāṣid* boleh memberi solusi kepada dilemma perbezaan pendapat yang dihadapi. Sebagaimana para sahabat menggunakan *maqāṣid al-sharī'ah* untuk menyelesaikan konflik, seperti Abu Bakar RA.²⁵³ Tujuan kewangan dan perbankan Islam perlu selari dengan tujuan-tujuan (*maqāṣid*) syariah. Menurut Ebrahim dan Joo²⁵⁴, matlamat sistem kewangan dan perbankan Islam ialah mengimplentasikan sistem sosioekonomi yang berasaskan al-Quran dan Sunnah dalam masyarakat Islam. Mereka telah mengambil pendapat Ibn Taymīyyah yang mengatakan bahawa setiap transaksi dalam muamalat mesti tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah. Selain itu, matlamat sistem kewangan Islam juga adalah untuk membantu pembangunan ekonomi masyarakat Islam dengan cara mengembangkan pasaran kewangan Islam, IKI dan instrumen serta produk kewangan Islam. Hal ini dengan secara tidak langsung boleh meningkatkan kebajikan sosial.

Maqāṣid al-sharī'ah penting dalam penepatan sesuatu hukum kerana *maqāṣid al-sharī'ah* mengembangkan lagi pemahaman pematuhan syariah untuk memenuhi keperluan-keperluan hukum untuk produk-produk kewangan dari konteks mekanikal dan prosedur untuk memasukkan komitmen dalam nilai-nilai dan matlamat yang

²⁵² Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah: An Introductory Guide*. Herndon: International Institute of Islamic Thought, (IIIT).

²⁵³

²⁵⁴ Shahid Ebrahim, M. and Kai Joo, T. (2001). Islamic banking in Brunei Darussalam, *International Journal of Social Economics*, Vol. 28 No. 4, pp. 314-337

digariskan oleh visi kehidupan Islam. Dalam menghasilkan hukum yang sah, pemahaman keseluruhan objektif-objektif syariah untuk menyediakan kerangka teori oleh teks-teks tertentu dan prosedur teknikal supaya difahami adalah penting. al-Qarādwī mengatakan bahawa memahami *maqāṣid al-sharī'ah* sebelum meletakkan garis panduan dan peraturan-peraturan praktikal adalah lebih penting untuk mendapatkan hasil yang betul daripada proses ijtihad.²⁵⁵ *Maqāṣid al-sharī'ah* juga membuka ruang yang lebih besar untuk ijtihad seiring dengan prosedur teknikal *uṣūl Al-fiqh* untuk mengeluarkan hukum bagi memastikan intipati hukum dapat dicerminkan secara praktikalnya.

Setiap produk perbankan dan kewangan Islam harus menepati syariah dan untuk suatu produk itu menepati syariah, ianya harus menepati *maqāṣid al-sharī'ah* tanpa merosakkan ciri-ciri perniagaan iaitu persaingan, meraih keuntungan dan berdaya maju dalam jangka tempoh yang panjang. Dalam isu kad kredit ini pula, jika mengikut pandangan-pandangan ulama' lama, kad kredit merupakan satu produk yang membawa keburukan dan boleh menjurus kepada *ribā*. Selain itu, kad kredit boleh menyebabkan bankrap dan masalah hutang dan menambahkan hutang negara. Antara salah satu *maqāṣid al-sharī'ah* ialah menekankan penjagaan harta. Dalam penjagaan harta, antara menjaga harta orang Islam merupakan tujuan syariah. Mengelakkan terjatuh muflis dan bebanan hutang merupakan tujuan syariah. Kad kredit merupakan salah satu mekanisme yang membuka ruang muflis dan hutang.

Akan tetapi, kemaslahatan kad kredit Islam lebih tinggi daripada *mafsadah*nya. Penglibatan masyarakat muslim dalam perbankan konvensional dan pinjaman tidak sah yang sememangnya tidak syarie kerana adanya faedah atau *ribā*, akan juga menjadi kurang dengan adanya alternatif daripada perbankan dan kewangan Islam. Jika tiada

²⁵⁵ Qarādwī, Y. (2010). *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Muta'āliqah bil 'amal. Dār al-Shuruq.*

alternatif lain yang ditawarkan oleh perbankan dan kewangan Islam seperti kad kredit Islam, masyarakat yang memerlukan kad kredit akan mendapatkannya daripada bank-bank dan institusi kad kredit konvensional. Pengawalseliaan kad kredit Islam oleh syarikat penerbit kad kredit Islam seperti bank-bank Islam perlu diketatkan dan syarat-syarat yang diletakkan oleh pihak BNM dan bank-bank Islam untuk pembelian kad kredit perlu ketat dan selalu dikawalselia. Antara yang dilakukan oleh bank adalah meletakkan syarat minima pendapatan yang berpatutan untuk memohon kad kredit. Penyata gaji dan latar belakang kewangan pembiayaan yang baik juga juga diteliti sebelum seseorang boleh memiliki kad kredit.²⁵⁶

Inovasi produk-produk baru akan menjadi tidak bermakna jika pasaran tidak berkembang. IKI perlu menjadi lebih dinamik dan proaktif dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam dan komuniti-komuniti lain untuk meyakinkan dan untuk mendapatkan kepercayaan dari mereka. Perbankan dan kewangan Islam bukan sebuah institusi pinjaman wang. Ianya sebuah perbadanan urus niaga patuh syariah. Dalam konteks kontrak pembiayaan Islam yang menggunakan kontrak jual beli melalui sistem perbankan Islam yang merujuk kepada *maṣlahah* dan *maqāṣid al-sharī'ah*. *Maṣlahah* meletakkan beberapa syarat kepada kontrak sebagai tindakan utama untuk mencapai tujuan syariah daripada dua aspek. Pertama, asas produk kontrak tersebut adalah untuk tujuan kecairan dalam pembiayaan dalam sistem ekonomi dan kedua untuk mengelak dari terlibat dengan *ribā*.

Dalam kaitannya *maṣlahah* dengan *maqāṣid al-sharī'ah*, *maṣlahah* merupakan langkah dan cara untuk mencapai *maqāṣid al-sharī'ah*. Dalam penulis Mohd Daud, beliau ada mengatakan bahawa *bay' al-ʿīnah* dan *bay' al-tawarruq* merupakan salah

²⁵⁶ Mohamad Akram Laldin (Prof, Ahli MPS, Pengarah Eksekutif International Shariah Research Academy (ISRA) dan Profesor di International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)), temubual bersama dengan penulis pada 23 September 2019

satu kontrak syariah yang menggunakan pendekatan *maṣlahah*.²⁵⁷ Hal ini membuktikan bahawa penubuhan kad kredit Islam yang berasaskan kontrak *bay' al-ṭinah* dan *bay' al-tawarruq* ini bertepatan dengan konsep *maṣlahah* yang sejurus itu menepati *maqāṣid al-sharī'ah*.

4.4 Pendekatan *Fiqh al-Muwāzanāt* dalam *Maqāṣid al-sharī'ah* dan *Maṣlahah*

Dalam perbincangan untuk mengimbangkan *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam kad kredit Islam, penulis menggunakan pendekatan *fiqh al-muwāzanāt* untuk menganalisis sama ada kad kredit Islam lebih ke arah *maṣlahah* atau *mafsadah*. Jika dilihat dari langkah yang telah dilakukan oleh MPS BNM, penulis dapat melihat beberapa kontrak yang bercanggah dari segi *maṣlahah* dan *mafsadah* untuk mencapai tujuan syariah.

4.4.1 *Fiqh al-Muwāzanāt* dalam Menentukan *Maṣlahah* atau *Mafsadah*

Fiqh al-muwāzanāt merupakan satu kaedah atau tatacara yang bertindak sebagai perantaraan untuk menghasilkan pertimbangan ilmiah yang sempurna di antara beberapa *maṣlahah* atau antara beberapa *mafsadah* atau antara kedua-duanya ketika berlakunya kontradiksi antara satu sama lain.²⁵⁸ Menurut Abdul Muhaimin, *fiqh al-muwāzanāt* merupakan pendekatan yang berkait rapat dengan *fiqh al-awlawiyyāt* yang mempengaruhi tindaklaku dan keputusan untuk memastikan setiap apa yang umat Islam lakukan adalah yang terbaik dan bermanfaat. Abdul Muhaimin juga berpendapat bahawa ini merupakan sebuah keperluan untuk membuat keputusan antara beberapa lapisan *mafsadah* yang dihalang oleh syarak.²⁵⁹ *Fiqh al-muwāzanāt* berfungsi juga sebagai jambatan antara objektif *maqāṣid al-sharī'ah* dan praktikal instrumen kewangan

²⁵⁷ Awang, M. D., Asutay, M., & Azman Jusoh, M. K. (2014). Understanding of Maslaha and Maqāṣid al-Shariah concepts on Islamic banking operations in Malaysia. In *International Conference of Global Islamic Studies 2014* (pp. 12-32).

²⁵⁸ Ali, S. N. M., Mokhtar, S., Abd Halim Mohd Noor, A. S., Azmi, M., & Chuweni, N. N. (2020). The Use of Fiqh Muwāzanāt for Making Decisions in The Integration of Waqf Real Estate and Zakat Project Development: Qualitative Study. *MALAYSIAN CONSTRUCTION RESEARCH JOURNAL (MCRJ)*, 82.

²⁵⁹ Abdul Muhaimin Mahmood, Abdull Rahman Mahmood, M. I. A. M. K. (2011). Fiqh al-Muwāzanāt: Hubungan Dan Implikasinya Terhadap Fatwa. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 24, 159-184

moden seperti kad kredit Islam. Ia memastikan alat kewangan ini menyumbang kepada kesejahteraan manusia seperti yang digambarkan oleh syarak.

Dalam penulisan ‘Abdullah Yahyā al-Kamālī, beliau mengatakan bahawa imbalan antara dua maṣlaḥah bergantung kepada pencarian imbalan yang lebih berat iaitu yang rajih antara keduanya dari segi kepentingan, kesan dan pertimbangan syarak. Beliau juga membuat penilaian yang menyeluruh tentang *maqāṣid al-sharī‘ah* dengan merujuk kepada sumber-sumber utama dalam Islam dan tafsiran para ulama. Beliau juga membincangkan kepentingan memahami syariah islam dalam konteks kontemporari dan memberikan contoh praktikal untuk menunjukkan aplikasi prinsip-prinsip ini dalam undang-undang moden.²⁶⁰

Antara pembahagian yang beliau lakukan adalah dengan membuat susunan imbalan maṣlaḥah iaitu dengan membahagikan sesuatu hukum dalam kategori wajib, sunnah, makruh, haram dan harus dan membuat perbandingan apabila sesuatu *maṣlaḥah* bertembung dengan *maṣlaḥah* yang lain atau apabila suatu *mafsadah* bertembung dengan *mafsadah* lagi satu. Antara pembahagian tersebut adalah²⁶¹:

1. Pertembungan perbuatan wajib dan haram
2. Pertembungan meninggalkan perbuatan wajib atau haram
3. Pertembungan perbuatan wajib dan sunnah
4. Pertembungan meninggalkan perbuatan wajib atau sunnah
5. Pertembungan perbuatan sunnah dan makruh
6. Pertembungan meninggalkan perbuatan sunnah atau makruh
7. Pertembungan perbuatan harus dengan pembahagian hukum yang lain

²⁶⁰ Al-Kamali (2000). *Maqāṣid Syariah di Daw’ Fiqh al-Muwāzanāt*, Dār Ibn Ḥazm, Bayrūt, 9

²⁶¹ ibid

Fiqh al-muwāzanāt juga merupakan jambatan penghubung antara *maqāṣid* dan *maṣlaḥah* yang tertentu dalam instrumen kewangan seperti kad kredit Islam. Seperti yang disebutkan pada awal bab ini, *maqāṣid al-sharī'ah* merupakan tujuan mencapai objektif tertinggi dalam syariah. Objektif ini secara amnya difahami sebagai:

1. Melindungi nyawa (*ḥifẓ al-nafs*)
2. Menjaga agama (*ḥifẓ al-dīn*)
3. Melindungi akal (*ḥifẓ al-aql*)
4. Melindungi keturunan (*ḥifẓ al-nasl*)
5. Menjaga harta benda (*ḥifẓ al-māl*)

Fiqh al-muwāzanāt mengakui *maṣlaḥah* menggunakan kad kredit adalah:

1. Menyediakan akses kepada pembiayaan untuk pembelian.
2. Membolehkan pengguna kad kredit membuat belanjawan dan pengurusan kewangan yang lebih baik.
3. Membantu membina sejarah kredit yang positif.

Fiqh al-muwāzanāt membantu memastikan kad kredit Islam memenuhi kriteria *maṣlaḥah* dan mencapai *maqāṣid al-sharī'ah* dengan cara:

1. Mematuhi hukum syariah: *Fiqh al-muwāzanāt* mengutamakan penstrukturan kad kredit Islam yang tidak mengandungi riba sekaligus melindungi prinsip agama (*ḥifẓ al-dīn*).
2. Kecekapan dalam perancangan kewangan (*ḥifẓ al-māl*): Seseorang pengguna kad kredit Islam yang mahir dalam merancang dan menguruskan kewangan digalakkan menggunakan kad kreditnya dalam pembahagian komitmen bulanan serta mengutamakan keperluan dan kehendak. Contohnya, pengguna kad kredit mempunyai pendapatan bulanan RM3000 dan perlu untuk membeli sebuah telefon pintar yang berharga RM1500 yang merupakan keperluan pada zaman

sekarang. Dengan pendapatan yang terhad dan kemahiran dalam perancangan kewangan pengguna boleh menggunakan kad kreditnya untuk membayar ansuran sebanyak RM200 sebulan dan tidak menjejaskan pendapatan bulannya sehingga tidak boleh membayar komitmen lain dan membeli barang keperluan lain. Sebaliknya, jika seseorang itu tidak mahir dalam pengurusan kewangan, dia tidak digalakkan untuk memiliki kad kredit kerana khuwatir akan membawa kepada bebanan hutang yang banyak.

3. Akses kepada barangan dan perkhidmatan: Mengikut prinsip *fiqh al-muwāzanāt*, kad kredit Islam boleh memudahkan pengguna kad memperoleh keperluan dan meningkatkan taraf kehidupan, secara tidak langsung melindungi nyawa (*hifẓ al-nafs*) dan keturunan (*hifẓ al-nasl*).

4.4.2 Carta Alir Analisis *Maṣlahah* dan *Maqāṣid al-Sharī'ah* dalam Kad Kredit Islam

Di dalam subtopik ini, penulis mengemukakan satu carta alir proses menentukan kemaslahatan kad kredit berpandukan *maqāṣid al-sharī'ah* dan *fiqh al-Muwāzanāt*. Carta alir ini akan menentukan siapa yang harus menggunakan kad kredit dan siapa yang haram menggunakannya.

Rajah 4.2: Carta Alir Pendekatan *Fiqh al-Muwāzanāt* dalam Kad Kredit Islam



Sumber: Olahan Penulis

Proses 1: Penulis mengenalpasti *maṣlaḥah* yang terdapat di dalam kad kredit Islam. Berdasarkan subtopik sebelum ini dan mendapati bahawa hukum asal kad kredit Islam adalah harus. Antara kemaslahatan kad kredit islam adalah:

1. Kemudahan transaksi kewangan
2. Pengurusan aliran tunai yang lebih baik
3. Akses kepada barangan dan perkhidmatan
4. Potensi untuk program ganjaran dan rebat

Proses 2: Mengenalpasti *maqāsid al-sharī'ah* dalam kad kredit Islam. *Maṣlaḥah* yang didapati di proses 1 dapat mencapai *maqāsid al-sharī'ah*.

Jadual 4.2: Proses 2

Kemudahan transaksi kewangan	<i>Hifz al-māl</i>
Pengurusan aliran tunai yang lebih baik	<i>Hifz al-māl</i>
Akses kepada barangan dan perkhidmatan sejurus meningkatkan kualiti hidup	<i>Hifz Al-māl/ Hifz al-nafs</i>
Potensi untuk menyertai program ganjaran dan rebat	<i>Hifz al-māl</i>

Proses 3: mengenalpasti mafsadah yang mungkin terlibat dengan keburukan kad kredit Islam. Perkara ini bercanggah dengan *maqāṣid al-sharī'ah*.

1. Beban hutang dan lebihan perbelanjaan - bercanggah dengan *hifz al-māl* dan *hifz al-nafs*
2. Risiko riba- bercanggah dengan *hifz al-din*

Proses 4: Mengaplikasikan pendekatan *fiqh al-muwāzanāt*

Dari 4 proses ini, penulis mendapati 3 output tentang orang yang menggunakan kad kredit Islam.

Output 1: Kad Kredit Islam harus digunakan (*Mubāḥ*)

Jika masalah melebihi mafsadah, dengan penggunaan yang bertanggungjawab, kad kredit Islam dibenarkan untuk digunakan.

Output 2: Kad kredit Islam boleh digunakan bersyarat (*Mubāḥ bil sharāṭ*)

Kad kredit Islam harus digunakan dengan syarat untuk mengelakkan caj berasaskan riba dalam kad kredit konvensional dan berlebihan perbelanjaan.

Output 3: Kad Kredit Islam Menjadi Haram

Jika potensi bahaya melebihi manfaat, atau pengguna tidak mempunyai disiplin kewangan, kad kredit Islam mungkin tidak dibenarkan dan menjurus kearah haram menggunakan kad kredit Islam.

4.5 Kesimpulan

Untuk merumuskan bab ini, penulis mendapati bahawa MPS adalah perbadanan yang tertinggi dalam menjadi rujukan IKI mahkamah dan masyarakat secara umumnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam. Penulis juga mendapati bahawa MPS mempunyai satu prosedur dan proses yang kemas dan teliti dalam menghasilkan resolusi. Prosedur ini melibatkan sekretariat MPS yang banyak membantu memudahkan urusan membuat mesyuarat dan perbincangan mengenai isu-isu yang dikemukakan oleh IKI dan masyarakat umum. Proses yang penting dalam menghasilkan resolusi ini adalah manhaj dan pendekatan yang digunakan oleh MPS dalam perbincangan dalam membuat keputusan. Penulis mendapati bahawa MPS banyak berijtihad dengan menggunakan pendekatan *maṣlahah*. Malah, *maṣlahah* merupakan pendekatan utama dalam menghasilkan resolusi syariah yang berkaitan dengan kad kredit Islam. Hal ini kerana MPS berpendapat bahawa keperluan kepada kad kredit Islam itu melebihi keburukannya berdasarkan konsep *maṣlahah*. Kad kredit Islam juga mampu merealisasikan konsep *maqāṣid al-sharī'ah* iaitu dalam penjagaan harta.

BAB 5: RUMUSAN

5.1 Rumusan Kajian

Bab ini merupakan kesimpulan dan rumusan kepada perbincangan dari bab-bab sebelumnya. Kajian ini terdiri dari 5 bab yang meliputi Pendahuluan, Konsep ijihad dan kad kredit, hukum-hukum dan isu kad kredit di Malaysia berdasarkan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam oleh MPS BNM dan Analisis dan langkah-langkah ijihad yang dilakukan oleh MPS BNM. Berasaskan pengumpulan data dan analisis data yang dilakukan oleh penulis mengenai ijihad MPS dalam kad kredit, Penulis dapat membuat kesimpulan seperti berikut:

1. Ijihad merupakan suatu amalan yang telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Pada zaman kontemporari ini, ijihad masih diperlukan atas faktor-faktor adanya inovasi produk dan pembaharuan yang tidak pernah diselesaikan pada zaman Rasulullah oleh al-Quran dan Sunnah. Kewangan Islam pula berada di bawah fiqh muamalat yang memerlukan pakar-pakar untuk menetapkan hukum produk baharu. Ijihad yang diperlukan dalam kewangan Islam supaya ianya berkembang luas seiring dengan kemunculan produk-produk baharu di pasaran. Hal ini membuatkan kepada urgensi penubuhan MPS di bawah BNM, sebagai insituti kewangan tertinggi di Malaysia. MPS berperanan untuk menyediakan resolusi-resolusi dan ijihad kepada masalah dan isu berkaitan dengan hukum kewangan Islam dan takaful di Malaysia. Resolusi-resolusi ini kemudian dibukukan dalam buku Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam oleh MPS.
2. Suatu Isu yang dikemukakan di dalam resolusi tersebut ialah isu kepada kad kredit. Terdapat 5 isu berkaitan dengan kad kredit. Antaranya adalah

penggunaan kontrak *bay' al-īnah* dan *al-wadī'ah* penggunaan akad *ujrah*, isu kad kredit perlindungan takaful bagi pemegang kad kredit, isu rebat dalam bentuk pemberian tunai semula (*cashback*) ke atas fi tahunan kad kredit dan isu kad kredit menggunakan akad *al-wakālah* dan *al-kafālah*. Penulis mendapati bahawa MPS telah menggunakan *ijtihād al-jamā'ī* untuk menyelesaikan isu-isu diatas dan menggunakan pendekatan *maṣlahah*. Selain dari *bay' al-īnah*, isu-isu lain diatas didapati tiada pencanggahan dari ulama-ulama lama mahupun baru. Kebanyakan bank dan IKI telah berpindah kearah penggunaan alternatif lain seperti *bay' al-tawarruq*.

3. Sebelum penulis membentangkan tentang langkah-langkah yang dilakukan oleh MPS dalam menyelesaikan resolusi, penulis juga telah mendapati bahawa MPS BNM menggunakan manhaj yang sama dengan MPS SS. MPS tidak cenderung kepada mana-mana mazhab untuk membuat keputusan malah MPS mengambil kira setiap pandangan dari pakar *uṣūl fiqh* dan kewangan Islam untuk membuat keputusan. MPS telah mengambil langkah mengenalpasti isu yang dikemukakan oleh individu atau IKI, mengadakan perbincangan sesama ahli dan mengeluarkan keputusan dan resolusi kepada isu yang timbul. Dalam isu kad kredit ini, penulis mendapati bahawa dalam menetapkan hukum setiap isu yang berkaitan dengan kad kredit Islam, MPS lebih cenderung kepada pendekatan *maqāṣid al-sharī'ah*. Setiap keputusan yang dikeluarkan untuk menjaga kemaslahatan pengguna kad kredit dan IKI
4. Menjaga kemaslahatan pengguna kad kredit Islam merupakan salah satu cabang dari *maqāṣid al-sharī'ah*. Sebagai prinsip asas yang paling banyak digunakan oleh MPS, MPS perlu menepati syarat-syarat *maṣlahah*. Penulis mendapati bahawa setiap langkah ijthad MPS dalam isu kad kredit Islam tidak bercanggah dengan syarat-syarat ini. Kajian mendatang untuk mengeluarkan kad kredit

Islam dan produk-produk lain yang lebih sejahtera kepada pengguna dan IKI juga dalam pantauan MPS.

5. Penulis juga membuat satu analisis dan carta alir dengan mengaitkan *maṣlahah* dan *maqāṣid al-sharī'ah* dengan menggunakan pendekatan *fiqh al-muwāzanāt*. Penulis mendapati bahawa dengan mengimbangi *maṣlahah* dan *mafsadah*, hukum menggunakan kad kredit Islam boleh didapati, iaitu harus, harus bersyarat dan haram.

5.2 Implikasi Dasar dan Cadangan Kajian

Apabila penulis menyediakan kajian ini, penulis mendapati bahawa kajian ini banyak memberi kesan kepada beberapa golongan. Dalam subtopik ini, penulis akan mengemukakan kesan-kesan tersebut beserta cadangan kajian pada masa akan datang. Antara pihak yang terlibat dengan kajian ini ialah pengguna kad kredit Islam, IKI, MPS BNM dan kerajaan.

5.2.1 Kesan dan Saranan Terhadap Pengguna Kad Kredit Islam

Pengguna kad kredit Islam ini terdiri daripada orang awam dan pemilik perniagaan. Pada zaman kini yang menuju ke arah Tanpa Tunai (*cashless*), selain dari kad-kad lain seperti kad debit dan kad caj, kad kredit juga menjadi pilihan atas sebab kemudahannya menyediakan tunai segera dan beberapa barang dan perkhidmatan yang lebih mudah dibeli dengan menggunakan kad kredit. Golongan ini dapat menggunakan kad kredit Islam dengan tenang tanpa keraguan kerana hukumnya yang jelas halal dan disepakati MPS bahawa kad kredit Islam yang dihasilkan bertepatan dengan syarak. Pelbagai jenis kad kredit Islam dengan keistimewaannya yang tersendiri juga dikeluarkan oleh iIKIjuga membolehkan pengguna kad kredit Islam memilih kad kredit yang sesuai dengan citarasa masing-masing.

Saranan penulis kepada pengguna kad kredit Islam, tiada isu atau alasan untuk terlibat dengan ribā secara langsung dengan menggunakan kad kredit konvensional atas faktor kepelbagaian kad kredit Islam yang ada. Penulis juga menyarankan pengguna kad kredit meneliti kontrak-kontrak yang ada sebelum membuat permohonan kad kredit seperti caj-caj tersembunyi, limitasi kredit pengguna dan sebagainya. Pengguna juga boleh mengkaji dan meneliti akad-akad syariah yang digunakan oleh IKI. Penulis juga menyarankan pengguna kad kredit untuk jadi pengguna yang bijak supaya tidak terlibat dengan beban hutang dengan perbelanjaan yang berlebihan serta pembaziran. Hal ini amat dicegah oleh syarak dan tidak menepati aplikasi masalah dalam kad kredit.

5.2.2 Kesan dan Saranan Terhadap Institusi Kewangan Islam

Setiap IKI mempunyai panel-panel dan penasihat syariah yang selalu membincangkan tentang hukum berkaitan dengan kewangan Islam. Golongan ini berperanan membuat inovasi produk yang menjadikan kewangan Islam selaras dengan kewangan konvensional. Setiap isu yang dibincangkan dengan penasihat syariah bank memberi kesan kepada isu-isu baru yang dibincangkan MPS BNM. Kemunculan kad kredit Islam yang pertama juga hasil kerja dan kajian IKI di Ambank. Walaupun akad yang digunakan tidak sempurna dan mempunyai helah, itu merupakan titik permulaan kepada akad-akad kad kredit Islam yang lebih menepati syarak. Pada hari ini, setiap IKI mempunyai kad kredit Islamnya yang tersendiri dengan kepelbagaian akad dan keistimewaan.

Penulis menyarankan kepada pihak IKI untuk menyediakan akad yang paling banyak memberi kemaslahatan kepada pengguna dan bukan sahaja keuntungan kepada pihak IKI. Pihak IKI juga disarankan untuk lebih terbuka dalam menyediakan kontrak yang teliti dan jelas kepada pemohon kad kredit. Saranan kajian juga dicadangkan pada

masa akan datang tentang data perbandingan akad-akad syariah yang paling banyak digunakan di IKI dan akad yang paling banyak memberi manfaat dan keuntungan.

Kajian ke atas analisis penggunaan *al-muqassah* dalam kad kredit Islam di Malaysia. Penulis mendapati bahawa masih kurang kajian ke atas *al-muqassah* dan penggunaannya di Malaysia. Ada beberapa kajian yang mencadangkan penggunaan muqassah dalam kad kredit Islam. Dalam penulisan Bilal et al²⁶², beliau ada mencadangkan penggunaan *al-muqassah* dalam kad kredit Islam kerana model al-Muqassah berkemungkinan mempunyai kelebihan berbanding dalam reka bentuk dan operasinya jika dibandingkan dengan model *bay' al-īnah*, *bay' al-tawarruq* atau *ujrah*. Akan tetapi penulisannya terhad untuk membangunkan model kad kredit Islam patuh syariah baharu. Walau bagaimanapun, ia tidak membincangkan isu lain seperti persepsi pengguna, keperluan undang-undang dan peraturan.

5.2.3 Kesan dan Saranan Terhadap MPS BNM

Ahli MPS BNM perlu menyediakan satu dokumen tentang bagaimana mereka melakukan ijtihad dalam menetapkan keputusan-keputusan syariah. Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam dan Manual Rujukan Institusi Kewangan Islam kepada Majlis Penasihat Syariah ini mungkin membantu pengguna dan IKI mendapat dedahan tentang proses sesuatu isu di bawa masuk dalam mesyuarat MPS dan seterusnya menetapkan hukum dan penyelesaian. Akan tetapi, proses *ijtihād al-jamā'ī* itu dilakukan dan dibincangkan masih belum ada satu pernyataan yang boleh dirujuk.

Cadangan melakukan kajian dan terhadap isu-isu hukum lain di dalam Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam. Panduan MPS BNM ini mengandungi garis ukur yang mudah untuk difahami. Akan tetapi, penyelidik pada masa akan boleh melakukan kajian

²⁶² Bilal, M., & Meera, A. K. M. (2015). Al-Muqassah model: An alternative Shariah-compliant Islamic credit card model for Islamic financial institutions in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.

yang terperinci tentang hukum yang berkaitan dengan isu-isu lain dan bagaimama MPS menyelesaikan isu-isu tersebut serta manhaj ijithad lain yang digunakan.

5.3 Penutup

Konklusinya, MPS BNM telah melaksanakan tanggungjawab yang besar dalam menyediakan Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam sebagai rujukan kepada IKI dan orang awam. Ahli MPS juga telah menggunakan kepakaran mereka dalam *uṣūl fiqh* untuk menetapkan hukum syariah. *maṣlaḥah* dan *maqāṣid al-sharī'ah* yang menjadi keutamaan MPS dalam menetapkan hukum sesuatu isu juga tidak disalahguna MPS. Di samping memenuhi syarat-syarat untuk menggunakan pendekatan *maṣlaḥah*, ahli-ahli MPS juga memenuhi kriteria lengkap yang ditetapkan oleh syarak untuk berijtihad. Isu kad kredit Islam ini telah diselesaikan MPS dengan menyediakan jalan keluar yang memberi manfaat kepada setiap golongan masyarakat Islam di Malaysia.

BIBLIOGRAFI

BUKU

- AAOIFI (2010) *Shari'a Standards for Islamic Financial Institutions*. Manama: AAOIFI, (ISBN 99901-23-07-1)
- Abu Zahrah, M. (1958). *Usūl al-Fiqh*. Dārul Fikrī al-Arābī, Kaherah
- Ahmad bin Muhammad, Ibn Ḥanbal (1991), 'Abd Allah Muḥammad al-Darwish (ed.), *al-Musnad li al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*, No. Hadis: 4824 & 4825. j. 2. *Bayrūt: Dār al- Fikr, h. 260-261*
- ahmad, I., & al-Shaybanī, A. (1987). *al-Musnad*. *Dārul Fikr, Bayrūt*
- al-Asqālanī, Ahmad bin Ali bin Hajar. (1986). *Fathul Bārī bi Syarḥ*
- al-Azhari, M. B. A. (2001). *Tahdhib al-Lughah*. *Bayrūt: Dār lhyā'al-Turāth al-'Arabī*.
- al-Badkhsyī (2001). *Manāḥij al-Uṣūl fil Uṣūl*, *Dār al-Fikr, Bayrūt*
- al-Buhutī, M. B. Y. (2003). *Kasyaf al-Qinā'an Maṭn al-Iqnā'*. *Riyād: Dār'Alam Al-Kutub*
- al-Ghazālī (1993). *Al-Mustaṣfā fil Uṣūl*, *Maktabah 'Ilmiah*
- al-Kamali (2000). *Maqāṣid Syariah di Ḍaw' Fiqh Al-Muwāzanāt*, *Dār Ibn Ḥazm, 9*
- al-Maqdisi, I. M., & Muhammad, A. A. S. A. D. (1981). *al-Furū'*. Ed. *Abd Al-Latif Muhammad al-Subkī*. *Bayrūt: 'Alam al-Kutub*.
- al-Razi, M. I. A. B. *The Chosen of Correction Dictionary*, (= Mukhtar Al-Sahah), ed. by Mahmoud Khater. The House of Hadis.
- al-Sarakhsī, S. A. D. (1978). *Kitāb al-Mabsut*. *Dar al-Ma'rifah*.
- al-Zuhaylī, W. (1987). *Uṣūl fiqh al-Islami*, *Dār al-Fikr, Damsyik, Juzuk 2, Ms 799*
- Ali bin 'Umar al-Dāraqutnī (2001), *Sunan al-Dāraqutn*, "*Kitāb Al-Buyū'*", No. Hadis 2982. j. 3. *Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 52*
- Bin Muhammad, A. J. A. (1995). *Kitab al-Ta'rifāt*. *Bayrūt: Dār al-Kutub al- 'Ilmiyah*.
- Dictionary, C. (2008). *Cambridge advanced learner's dictionary*. *PONS-Worterbucher, Klett Ernst Verlag GmbH*.

- Dusuki, A. W. (2011). *Islamic Financial System: Principles & Operations. Kuala Lumpur: ISRA.*
- Hassan, K.R. (1998). *Ma'jam Uşul fiqh, lildirasāt insāniah, ms 268*
- Hassan, R. (2011), *Islamic Banking and Takaful, Pearson Malaysia, Petaling Jaya.*
- Ibn Hazm(1983). *al-Iḥkām fī Uşul al-aḥkām. Dār al-Afaq al-Jadīda.*
- Ibn Qudāmah, (1999). *al-Mughnī /tahqīq ‘Abd Allah ibn al-Muḥsin al-Turki, ‘Abd al-Fattāh Muḥammad al-‘Uulw, Riyaḍ: Dār ‘Ilam Al-Kutub, vol. 7*
- Ibn Qudāmah, A. B. A. (1968). *al-Mughnī. Egypt: Maktabah al-Kaherah.*
- Ibn Qudāmah, A. M. A. A. (1983). *al-Mughnī. Dār al-kitāb al-arabī, Beyrouth.*
- Jalāluddīn ‘Abdul Rahman (1984). *Ijtihad wa Ḍawābiṭuhu Wa Aḥkāmuhu, Dār al-Ṭibāqah al-Hadīthah, 14*
- Jamāl Al-Dīn Muḥammad Ibn Mukram, Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1990), 10: 375- 376*
- Kuwait, K. W. (2006). *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah: Kuwait. Dārul Salāsīl.*
- Majlis Penasihat Syariah (2009) *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia*
- Majlis Penasihat Syariah (2011). *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam Edisi kedua, Bank Negara Malaysia*
- Majlis Penasihat Syariah (2016). *Manual Rujukan Institusi Kewangan Islam kepada Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia*
- Majma’ Fiqh Islāmī (1985-2000). *Resolutions and Recommendations of The Council of The Islamic Fiqh Academy, Jeddah, Ms 134*
- Majma’ Fiqhul Islāmī (1998) *Perjumpaan Persatuan Fiqh Islam Se-dunia yang kelima, Makkah, ms 320*
- Manzur, I. *Lisan al-‘Arab (1999). Bayrūt: Dār Ihya’al-Turath al-‘Arabī.*
- Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur (t.t) *Lisan al-Arab, Jilid 1, Dār al-Ma’rif, Mesir, ms 141*
- Mutahhari, M. (1969). *The Principle of Ijtihad in Islam. Translated By John Cooper.” Al-Serat, Journal of Islamic Studies. X, (1).*

- Nādiyah Sharīf al-'Amri (1984). Ijtihād fil Islam, *Muāsasah Risalah, Bayrūt, h. 121-132*
- Newman, P., Milgate, M., & Eatwell, J. (Eds.). (1992). The new Palgrave dictionary of money & finance (Vol. 1). *Basingstoke.: Macmillan.*
- Qaraḍāwī, Y. (1999). al-Ijtihād fil-sharī'ah al-Islamiyyah: ma'a Naẓaarāt Tahlīlīyah fi al-ijtihād al-mu'asir. *Dār al-Qalam.*
- Qaraḍāwī, Y. (2010). Maqāṣid al-Sharī'ah al-Muta'ālīqah bil 'Amal. *Dār al-Syurūq.*
- Sayyid Sabiq (1971). Fiqh al-Sunnah Vol 13, *Dār Al-Kutub al-arbai', Bayrūt*
- Shaltūt, M. (1963). Al-Fatāwā. *Dār al-Qalam.*
- Sheikh Solāh Ibn Fauzan (1991). Ijtihad Dār al-muslim, *Riyāḍ*
- Shīrāzī (1990). al-Muhadhdhab Fī al-Fiqh Imām Shāfi'ī, *Dār al-Shāmiy,īah*
- Taha Jabir Al-'Alwani (1990), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī, Virginia: IIIT.*
- Taymiyah, I. (1961). Majmu' Fatawā Shaykh al-Islam Ahmad Ibn Taymiyah. *Riyāḍ: Matabi' al-Riyāḍ, 1382, 8.*
- The Oxford English Dictionary (1989) 2nd Edition, *Clarendon Press*
- TSYS (2018). *Consumer Payment Study*, TSYS, U.S.A

JURNAL

- Ali, S. N. M., Mokhtar, S., Abd Halim Mohd Noor, A. S., Azmi, M., & Chuweni, N. N. (2020). The Use of Fiqh Muwazanat for Making Decisions in The Integration of Waqf Real Estate and Zakat Project Development: Qualitative Study. *MALAYSIAN CONSTRUCTION RESEARCH JOURNAL (MCRJ)*, 82
- Ab Rahman, A., Mohamad, S., & Salleh, I. M. (2010). *Bay' al-Tawarruq* Dan Aplikasinya Dalam Pembiayaan Peribadi Di Bank Islam Malaysia Berhad. *Jurnal Syariah*, 18(2), 333-360.
- Abdullah (2001). Ijtihad dan Peranannya dalam Pengharmonian Pengamalan Undang-Undang Syariah di Dunia Islam Masa Kini, *Jurnal Syariah*
- Abozaid, A., & Khateeb, S. H. (2022). A Critical Shariah and Maqasid Appraisal of Islamic Credit Cards. *European Journal of Islamic Finance*, 9(3), 14-20.
- Akh Minhaji. (2001). Ahmad Hassan and Islamic Legal Reform in Indonesia 1887-1958, *Yogyakarta: Karunia Kalam Semesta Press*

- Ahmed, H. (2011). Maqasid Al-Shari'ah and Islamic financial products: a framework for assessment. *ISRA International journal of Islamic finance*, 3(1), 149-160
- al-Alwani, T. J. (1993). Ijtihad (Vol. 4). *International Institute of Islamic Thought (IIIT)*.
- al-Salaheen, A. M. M., & Aldhala'een, A. (2013). The Role Of Shari'a Fatwa And Supervisory Board In The Islamic Banks. *International Journal of Academic Research*, 5(1).
- al-Hakīm (2012) al-Biṭāqat I'timāniah Khilaf Bainat Tahrim Wa al-Tahlil al-Muṭlak, *Sahifah al-sharq al-Matbu'ah No 145, Ms 31*
- Arif, M. I. A. M., & Markom, R. (2013). Peranan dan Kedudukan Majlis Penasihat Syariah untuk Memperkasakan Sistem Kewangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan (UKM Journal of Management)*, 38.
- Asni, F. A. H. M., & Sulong, J. (2018). The Model of Istinbat by the Shariah Advisory Council of Central Bank of Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(1), 218-248.
- Aznan Hasan. (2003). An Introduction to Collective Ijtihad (Ijtihad Jama'i): Concept and Applications. *The American Journal of Islamic Social Sciences*. 20(2), 27-49.
- Bakar, M. A., & Rahim, A. K. A. *Ujrah* Credit Card: A Perspective From Shariah Advisory Council, Bank Negara Malaysia. *International Journal of Muamalat December 2021, Vol. 5, No. 1, pg 259-274*
- Bakar, M. A., Abdul Rahim, A. K., & Ismail, C. Z. (2021). The Application Of Maṣlaḥah In Islamic Finance And Banking Products & Fatwa Resolutions In Malaysia. *Journal of Contemporary Issues in Business and Government*, 27(1), 2793-2810.
- Bilal, M., & Meera, A. K. M. (2015). Al-Muqassah Model: An Alternative Shariah-Compliant Islamic Credit Card Model For Islamic Financial Institutions In Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*.
- Borhan, J. T. (2001). Pelaksanaan Prinsip Bay' bithaman 'Ajil Dalam Penggunaan Kad Kredit Islam: Suatu Kajian Di Arab-Malaysian Bank Berhad. *Jurnal Syariah*, 9(2), 33-52.
- Fakhurur Rāzī (1997). Maḥṣūl fī 'Ilm Uṣūl Fiqh, *Mua'sasah al-Risālah, Bayrūt*
- Grassa, R. (2013). Shari'ah Governance System in Islamic Financial Institutions: New Issues and Challenges. *Arab Law Quarterly*, 27(2), 171-187

- Halim, F. (2010). Hubungan Antara Maqasid Al-Syarī'ah Dengan Beberapa Metode Penetapan Hukum Hunafa: *Jurnal Studia Islamika*, 7(2), 121-134.
- Hallaq, W. B. (1984). Was the gate of ijtihad closed? *International Journal of Middle East Studies*, 16(1), 3-41.
- Haron, S. (1998). A Comparative Study of Islamic Banking Practices. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, 10.
- Hashish, A. A. (2010). Ijtihad institutions: The Key to Islamic Democracy Bridging and Balancing political and Intellectual Islam. *Richmond Journal of Global Law and Business* 9(1), 61-84.
- Hasnat, M. A., & Alom, S. (2017). The implementation of Kafālāh in Islamic banking and finance organizations in Malaysia. *International Journal Science Res Publication*, 7(7), 768-777.
- Hussain, M. A., Hassan, R., & Hasan, A. (2013). Resolusi Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan perspektif undang-undang. *Kanun-Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 25(2), 220-237.
- Ibrahim, A., Ibrahim, A., Jelani, A. B., & Noor, S. A. M. (2019). Pelaksanaan Ijtihad Kolektif Di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 2(2), 58-69.
- Injas, M. M. Y., Haron, M. S., Ramli, R., & Injas, R. A. (2016). The Importance Of The Shari'ah Supervisory Boards (Ssbs) in The Islamic Banking System. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, 9(2), 25-31.
- Johan, Z. J. (2019). Shariah Compliant Credit Cards: Disputes and steps forward. *Journal of Emerging Economies & Islamic Research*, 7(2), 1-11.
- Kamali, M. H. (1996). Methodological issues in Islamic Jurisprudence. *Arab Law Quarterly*, 3-33.
- Laldin, Mohamad & Furqani, Hafas. (2015). Shari'ah Scholars, Ijtihad and Decision Making in Islāmic Finance. *Journal of Islamic Business and Management*. 5. 37-50
- Malkawi, B. H. (2013). Shari'ah Board in the Governance Structure of Islamic Financial Institutions. *The American Journal of Comparative Law*, 61(3), 539-578.
- Minhaji, A. (1999). Reorientasi Kajian Uṣūl Fiqh. *al-Jami'ah Journal of Islamic Studies*, 63.
- Mohamad, S. (2014). Aplikasi Syariah Dalam Mengembangkan Keuangan Islam (Analisis Sumber-Sumber Syariah dan Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Keputusan MPS-SS Malaysia). *al-Risalah*, 14(1), 1-22.

- Mohamad, S., & Tuan Abdullah, A. (2007). Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Isu-isu Muamalat di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 4, 223-236.
- Mohammad Hashim Kamali, (2008). Qawa'id Al-Fiqh: The Legal Maxims of Islamic Law. *The Association of Muslim Layers*
- Mohammed, M. J., Ismail, R., & Markom, R. (2011). The jurisprudential differences about the term credit "Al-i'timān" and credit card: Islamic and conventional perspectives. *International Journal of West Asian Studies*, 3(2).
- Mustafa, A., & Ab Rahman, A. (2021). Tatacara Ijtihad oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dalam Menyelesaikan Isu Kewangan Islam. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)*.
- Noor, A. M., & Azli, R. (2009). A Review of Islamic Credit Card Using Bay'Al-'īnah and Tawarruq Instrument as Adopted by Some Malaysian Financial Institution. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1-20.
- Nor, A. H. M. (2000). Penutupan Pintu Ijtihad: Satu Kajian Semula. *Jurnal Syariah*, 8(1).
- Nyazee, I. A. (1983). The Scope of Taqlīd In Islamic Law: The Scope Of Taqlīd In Islamic Law. *Islamic studies*, 22(4), 1-29.
- Permana, I., & Putria, U. (2022). Implementation Of Akad al-Wakālāh In Economic Transactions In Sharia Financial Institutions. *Amwaluna: Jurnal Ekonomi Dan Keuangan Syariah*, 6(2), 201-213.
- Peters, R. (1981). Ijtihad and Taqlid in Eigtheenth and Nineteenth Century Islam. *Die Welt des Islams*, 20, 131-145.
- Pollard, J., & Samers, M. (2013). Governing Islamic finance: Territory, agency, and the making of cosmopolitan financial geographies. *Annals of the Association of American Geographers*, 103(3), 710-726.
- Prabowo, B. A., & Jamal, J. B. (2017). Peranan Dewan Pengawas Syariah terhadap Praktik Kepatuhan Syariah dalam Perbankan Syariah di Indonesia. *Jurnal Hukum Ius Quia Iustum*, 24(1), 113-129.
- Rahim, A., Affandi, R., Ismail, P., Mohamed, S., & Dahlal, N. (2010). Pembangunan Sistem fiqh semasa di Malaysia: satu analisis model pilihan. *UUM Journal of Legal Studies*, 1, 59-85.
- Rahman, F. (1962). Concepts Sunnah, Ijtihad And Ijmā' in The Early Period. *Islamic Studies*, 1(1), 5-21.

- Saiti, B., & Abdullah, A. (2016). *The legal maxims of Islamic law (excluding five leading legal maxims) and their applications in Islamic finance*. Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics, 29(2).
- Shaharuddin, A. (2010). Maṣlaḥah-Mafṣadah Approach in Assessing the Shari'ah Compliance of Islamic Banking Products. *International Journal of Business and Social Science*, 1(1).
- Shahid Ebrahim, M. and Kai Joo, T. (2001). Islamic Banking in Brunei Darussalam, *International Journal of Social Economics*, Vol. 28 No. 4, pp. 314-337
- Shaista, Fiona Dunne (1994). The Ijtihad Controversy, *Arab Law Quarterly*, Vol 9, No. 3
- Siddiqi, M. N. (2006). Islamic banking and finance in theory and practice: A survey of state of the art. *Islamic economic studies*, 13(2).
- Sillah, B. M. (2017). Islamic Credit Cards: How Do They Work, And Is There A Better Alternative?.. *Journal of Islamic Banking and Finance*, 5(2), 1-8.
- Vogel, F. E. (2000). Islamic Law and the Legal System of Saudi: *Studies of Saudi Arabia* (Vol. 8). Brill.
- Weiss, B. (1978). Interpretation in Islamic Law: The Theory of Ijtihad. *The American Journal of Comparative Law*, 26(2), 199-212.
- Wijaya, R. P., & Ismail, N. (2020). Shariah Credit Card in The View of Maqāṣid al-Sharī'ah. *Al-Iktisab: Journal of Islamic Economic Law*, 4(1), 17.
- Zakaria, T. A. B. (2013). A Judicial Perspective on Islamic Financial Litigation in Malaysia. *IIUMLJ*, 21, 143.

ARTIKEL

- Abdul Rahim (1911). The Principles of Muhammadan Jurisprudence according to The Ḥanāfīs, Malīkī, Shafī'i and Ḥanbalī Schools, *al-Pakistan Legal Decisions*
- Abdul Rauf (1995), The Muslim Mind: A Study of The Intellectual Muslim Life During the Classical Era (101-700H), *Kuala Lumpur*
- ‘Abdul Wahāb (2003). Biṭāqāt al-Bankīah, *Damascus*
- Abdullah As-Saidi (2003). Tawarruq Kamā Tajrīḥ al-Maṣārif fil Waqt al-ḥadīr, Majma’ Fiqh Islami yang ke-10, Makkah
- Abdullah, A. K. Addressing Uncritical Following in Jurisprudence.

- Abu al-ḥāj, S. (2016). The Era-Based Classification of the Jurisprudential Levels of the Mujtahidin of the Hanafis.
- Akhtar Aziz, Zeti (2005), "Islamic Banking and Finance Progress and Prospects Collected Speeches": 2000 – 2005, *Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia*
- Ani Munirah, Mohd Zakhiri (2016). The Development of Islamic Finance, *CLJ*
- Anscombe, F. F. (1997). The Ottoman Gulf: The Creation of Kuwait, Saudi Arabia, and Qatar. *Columbia University Press*.
- Auda, J. (2008). Maqasid Al-Shariah: An Introductory Guide. *Herndon: International Institute of Islamic Thought, (IIIT)*.
- Awang, M. D., Asutay, M., & Azman Jusoh, M. K. (2014). Understanding of Maslaha and Maqasid Al-Shariah concepts on Islamic banking operations in Malaysia. *In International Conference of Global Islamic Studies 2014* (pp. 12-32).
- Basri, M. N. B. H., Nor, N. M., Haklif, S. Z. B. A., & Hashim, M. B. Islamic Credit Cards: Issues and Challenges In Achieving Maqasid Shariah.
- Hanefah, M. M. (2012). Governance and Shariah Audit in Islamic Financial Institutions. *USIM Publisher*
- Hanudin Amin, (2012) *Patronage factors of Malaysian local customers toward Islamic credit cards, Management Research Review*, Vol. 35 Issue: 6, pp.512-530
- Hasan, Z. (2007). *Shariah Governance in the Islamic financial institutions in Malaysia*. Faculty of Shariah and Law Islamic Science University of Malaysia
- IBRC (2015) *Studies in Banking Borrowing Cards and Cash Withdrawals (Arabic)*, Prepared by: Sheikh Abdul Wahab Ibrahim Abu Sulaiman, Kantakji
- Ikromi, Z. (2017). Pendekatan Istiṣlāhi dalam Ijtihad Abu Bakar al-Ṣiddiq. *Madhahib*, 16(1), 50-70.
- Karim Helmi (2002). Fiqih Muamalah, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, h.20.
- Lindsey (1980). *Credit Card Franchisee Services. Report on the supply of Credit Card Franchise Services in the United Kingdom*. London: Her Majesty's Stationary Office. h.7
- Landes, L. (2013). Credit Card Basics: Everything You Should Know [online]. *Forbes, Personal Finance*.
- Mohd Azam (2013). Resolusi Syariah oleh Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan Perspektif Undang-Undang, Kanun Disember 2013, IIUM

- OIC Fiqh Academy (2004) *Resolutions of the OIC Council of Islamic Fiqh Academy in its 15th meeting (Arabic), Resolution No. 139, 5/15 on "Credit Cards"*. Muscat: OIC Fiqh Academy.
- Shuhaimi, A. F. (2018). Revisiting the usage of Islamic credit card in the light of Maqasid Shariah.
- Shaybanī, A. (2016). Maqasid al-Syari'ah Sebagai Metode Ijtihad. *al-Hikam*, 8(1), 127-142.
- Sharkūn, M. R. N. (2016). The Influence of Prophet Muhammad's Thought on Ijtihad. *Sains Humanika*, 8(3-2).
- Yong, Y. N. (2007). 'Malaysia: Way ahead in Islamic Finance', *The Edge Daily*
- Yulianti, R. T. (2007). Pola Ijtihad Fatwa Dewan Syari'ah Nasional MUI tentang Produk Perbankan Shari'ah. *La Ribā*, 1(1), 57-75.
- Yusof, E., Fahmy, E., & Kan, Z. (2010). Appraisal on End Products and Services Offered by Islamic Banks from Maqasid Shari'ah Perspective.
- Zhou, J., & Kasikitvorakul, C. (2013). Cash-back Websites: An empirical study of factors influencing customer loyalty.
- Zumello, C. (2011). The "Everything Card" and Consumer Credit in the United States in the 1960s. *The Business History Review*, 85(3), 551-575

TESIS DAN DISERTASI

- Asep Dadan, (2010) Kajian Pelaksanaan Kad Kredit Syariah Di Bank Danamon Syariah Indonesia, Disertasi Kajian Sarjana, *Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya*.
- Firdausi, F. A. (2019). Analisis hukum Islam dan fatwa DSN No. 57/DSN-MUI/V/2007 terhadap praktik akad *kafālāh bil ujah* pada pembiayaan konsumtif di BMT UGT Sidogiri Capem Waru (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).
- Mohd Hafiz, J. (2016). Aplikasi Talfiq Dalam Resolusi Syariah Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia/Mohd Hafiz Jamaludin (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mustakim, M. (2019). Analisis Hukum Ekonomi Syariah Terhadap Akad *Kafālāh Bil Ujah* Pada Produk Pembiayaan Haji Amitra FIF Group Cabang Semarang (Doctoral dissertation, UIN Walisongo).
- Tam, Moo Yeow. A Study of the Credit/Charge Card industry in Singapore. PhD diss., *National University of Singapore*, 1996.

AKTA

Seksyen 2(1), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Seksyen 30, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Seksyen 54, Akta Bank Negara 2009

LAMAN SESAWANG

“Irsyad Uṣūl Al-Feqh Siri Ke- 32: Hukum Atas Sesuatu Adalah Cabang Daripada Gambarannya”, laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, dicapai pada 31 Januari 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-usul-fiqh/3052-irsyad-usul-Al-feqh-siri-ke-32-hukum-atas-sesuatu-adalah-cabang-daripada-gambarannya>

“The history of credit cards”, laman sesawang *Creditcards.com*, dicapai pada 31 Januari 2023, <https://www.creditcards.com/statistics/history-of-credit-cards/>

“Maybank Islamic Ikhwan Mastercard Gold Card-I”, Laman sesawang *Maybank2U*, dicapai pada 31 Januari 2023, https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/cards/credit/islamic_mastercard_ikhwan_gold_card.page

Meet Your Credit Character (The Opploans Guide To Understanding Your Credit, Credit Report and Credit Score) <http://opploans.com>